

28 MAC 2018 (RABU)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2018

PENGGAL KEENAM

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 28 MAC 2018 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

28 MAC 2018 (RABU)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

28 MAC 2018 (RABU)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

28 MAC 2018 (RABU)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada 28 Mac 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

- BACAAN DOA -

Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi kepada Ahli Yang Berhormat. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : **PENTERNAKAN**

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah cadangan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang untuk sektor penternakan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini?
- c) Berikan beberapa contoh kejayaan cemerlang yang telah dicapai?

Y.B. TUAN ZAILY BIN ABDUL TALIB : Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Lembah Jaya yang bertanya.

Kerajaan negeri Selangor melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor telah dan sedang melaksanakan beberapa penambahbaikan untuk sektor penternakan. Bagi melaksanakan penambahbaikan jangka pendek adalah seperti berikut :-

- a) Meningkatkan kapasiti kakitangan dan golongan penternak dalam bidang-bidang khusus yang berkaitan dengan cabaran-cabaran utama sektor penternakan masa kini melalui program pengembangan veterinar dan program-program

28 MAC 2018 (RABU)

latihan yang lebih spesifik seperti penternakan lembu berdaging dan tenusu berkualiti tinggi, pemprosesan makanan haiwan dan pembiakan secara permainan beradas buat sendiri (AIDIY);

- b) Memperkenalkan manual pelaksanaan bantuan kerajaan yang berkaitan dengan pemberian bantuan kepada golongan penternak dan usahawan industri asas ternak supaya proses pemilihan penerima lebih telus, pemantauan lebih berkesan dan mencapai objektif program yang telah digariskan;
- c) Menggalakkan aktiviti tambah nilai seperti industri asas ternakan dilaksanakan supaya sektor penternakan mampu berdaya saing dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain; dan
- d) Mengubahsuai empat unit bangunan lama di VS dan ditukar fungsinya menjadi VetMart iaitu pusat pemasaran produk hasil ternak sebagai salah satu usaha meluaskan pasaran penternak dan usahawan industri asas ternak tempatan;
- e) Mewujudkan sebuah inkubator usahawan industri asas ternak yang lengkap dengan peralatan terkini sebagai langkah membantu usahawan industri asas ternak berpotensi memulakan projek; dan
- f) Memastikan kesinambungan sektor penternakan diteruskan oleh generasi muda melalui Program Agro Generasi Muda (AgroGems) dan Program Warisan Ternak.

Itu pelan jangka masa pendek. Bagi jangka masa panjang pula, hasil dapatan daripada kajian dan perancangan jangka panjang melalui Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor (PIPP) bagi sektor ternakan adalah seperti berikut :-

- a) Meningkatkan jumlah ternakan lembu melalui konsep penternakan secara integrasi khususnya di ladang-ladang kelapa sawit;
- b) Memperkasa dan meningkatkan lagi projek penanaman rumput pastura khususnya rumput *napius* sebagai makanan ternakan memandangkan kos makan ternakan yang semakin meningkat pada ketika ini;
- c) Memberikan galakan kepada penternak untuk menternak baka lembu hibrid atau lembu atau lebih dikenali sebagai 'lembu sado' otot berganda di mana ianya boleh menghasilkan daging yang banyak memandangkan berat seekor lembu sado boleh mencapai sehingga 1 tan berbanding lembu biasa hanya purata 0.4 tan sahaja; seterusnya

28 MAC 2018 (RABU)

- d) Pembukaan lebih banyak plot-plot penternakan baru untuk disewakan kepada penternak yang menghadapi masalah kawasan; seterusnya
- e) Mengubah dan melaksanakan beberapa skim berkaitan program kawalan dan pembasmian penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik seperti pensijilan ladang bebas penyakit burusolosis dan persijilan ladang penyakit tuberkulosis sebagai gerakan mewujudkan suasana yang kondusif bagi sektor penternakan pada masa yang akan datang; seterusnya
- f) Memperkenalkan dan menguatkuasakan beberapa undang-undang baru seperti Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang berkuat kuasa 2017, Kaedah Ordinan Binatang 1953 semakan 2016 dan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor 2007; dan yang terakhirnya
- g) Memperkasakan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Urus Air Selangor dan sebagainya demi untuk memastikan kelestarian sektor penternakan di seluruh negeri.

Dari sudut peruntukan yang telah disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 hingga 2020) secara keseluruhannya peruntukan yang telah disediakan bagi tujuan ini adalah berjumlah RM24.76juta.

Dan bagi soalan (c) contoh kejayaan cemerlang yang telah pun dicapai. Dalam tempoh lima tahun, pengeluaran beberapa hasil penternakan utama negeri Selangor telah meningkat walaupun persaingan menggunakan tanah dan pekerja dengan sektor ekonomi lain sentiasa sengit. Pengeluaran daging ayam di negeri ini telah meningkat sebanyak 115% daripada 69,000 tan pada 2013 kepada 149,000 tan pada 2017. Pengeluaran susu juga telah meningkat sebanyak 25% daripada 4.55juta liter pada 2013 kepada 5.67juta liter pada 2017. Pengeluaran daging lembu, kerbau turut meningkat sedikit iaitu sebanyak 13% daripada 415 tan pada 2013 kepada 468 tan pada 2017. Kecemerlangan yang berikutnya adalah di peringkat penternak pula pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan sempena MAHA 2014, MJ Fatonah Sdn. Bhd. daripada Selangor yang mengusahakan sebuah ladang penternakan bercampur telah diisytiharkan sebagai Penternak Jaya Kebangsaan dan turut menerima Anugerah Perdana Menteri iaitu pemenang keseluruhan di kalangan penerima-penerima anugerah pada tahun itu datangnya daripada Selangor. Seterusnya, pada HPPNK 2015 pula Encik Saiful Azmir bin Zainuddin (seorang penternak di Kuala Langat) yang memiliki lebih 700 ekor lembu berdaging, 150 ekor kambing dan 30 ekor kerbau telah dinobatkan sebagai Peladang Jaya Kebangsaan 2015 (juga daripada Selangor). Dan yang terkini, ladang penternakan ayam kampung komersial di Kuala Langat iaitu Aris Prop Holding Sdn. Bhd. telah memenangi Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya Kebangsaan pada HPPNK 2017.

28 MAC 2018 (RABU)

Ladang ini merupakan ladang ayam kampung pertama di Malaysia yang menggunakan sistem kandang dua tingkat.

Dari segi kawalan dan pembasmian penyakit haiwan dan zoonotik pula, jumlah ladang ternakan yang disahkan sebagai ladang bebas penyakit telah meningkat secara mendadak. Bilangan ladang bebas penyakit burosolosis telah bertambah sebanyak daripada 21 ladang pada 2013 kepada 156 ladang pada 2018. Bilangan ladang bebas penyakit tuberkulosis pula telah meningkat daripada 15 ladang pada 2015 kepada 18 ladang pada tahun 2018. Pencapaian yang memberangsangkan ini membuktikan peningkatan kesedaran penternak dalam mengawal dan membasmi penyakit zoonotik. Ianya juga membuktikan kerjasama erat antara jabatan dan penternak demi untuk memelihara kesihatan para pengguna di negeri ini.

Di peringkat jabatan pula (DVS Selangor) telah menyiapkan 6 projek yang julung-julung kali dilaksanakan di kalangan semua DVS di seluruh Malaysia. Projek-projek tersebut adalah :-

- a) sistem pangkalan data web veterinar peringkat negeri (VetSel).

TUAN SPEAKER : Taman Templer, boleh ringkaskan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : sikit lagi. yang kedua Pusat Teknologi Efektif Mikro pertama di Malaysia. Pusat pengumpulan dan pemasaran produk industri asas ternak VetMart juga pertama di Malaysia. Klinik Veterinar bergerak juga tidak ada di negeri lain. Rumah sembelih ruminan kelas daerah juga hanya ada di Selangor dan yang terakhir inkubator usahawan industri asas ternak juga pertama di Malaysia ada di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : **PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR**

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perkembangan status penstrukturan semula industri air Selangor selepas mahkamah membatalkan saman RM14billion Puncak Niaga Holdings Berhad?
- b) Apakah manfaat jangka panjang yang akan diperolehi rakyat?
- c) Apakah jangkaan tempoh penyelesaian penggantian paip lama di seluruh Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : YB Tuan Speaker, YB Kajang ingin mengetahui apakah kesan terhadap penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor ekoran tindakan mahkamah yang dibawa oleh Puncak Niaga Holdings Berhad untuk menyaman kerajaan negeri dan saya dengan jumlah RM14billion.

Untuk makluman YB Kajang, pada 27 Oktober 2017 Puncak Niaga Holdings Berhad telah memfailkan saman terhadap YB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim, saya sendiri dan juga kerajaan negeri Selangor yang didakwa menyalahgunakan kuasa dengan mengancam untuk menyebabkan atau memohon atau cubaan untuk menyebabkan kerajaan persekutuan menggunakan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 atau Akta 655 bagi memaksa pengambilalihan industri perkhidmatan air di dalam negeri Selangor. Di dalam tuntutan tersebut, antara lain Puncak Niaga Holdings Berhad mendakwa YB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim, saya dan kerajaan negeri Selangor menyalah guna kuasa hingga menyebabkan kerajaan persekutuan mengguna pakai Seksyen 114 (Akta 655) untuk memaksa Puncak Niaga Holdings Berhad bersetuju menerima tawaran di dalam penstrukturan semula.

Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 114 (Akta 655) ini adalah akta yang digubal dan hanya kerajaan persekutuan mempunyai kuasa ke atas pelaksanaan akta ini. Kerajaan negeri tidak ada kuasa untuk menggunakan peruntukan Seksyen 114. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah tampil dalam mahkamah untuk membatalkan tuntutan tersebut dan atas hujah-hujah yang kuat dan bernas, mahkamah telah bersetuju dengan hujah-hujah yang dikemukakan dan pada 22 Februari 2018 Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan saya dan kerajaan negeri Selangor untuk membatalkan tuntutan saman Puncak Niaga Holdings Berhad. Tuntutan saman oleh Puncak Niaga Holdings Berhad ini sama sekali tidak menjejaskan rancangan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di dalam negeri Selangor. Dengan keputusan mahkamah pada 22 Februari 2018 yang menyebelahi kerajaan negeri, maka kerajaan negeri telah berjaya menyelamatkan RM14 billion wang rakyat negeri Selangor daripada dibelanjakan untuk dibayar kepada Puncak Niaga Holdings Berhad.

28 MAC 2018 (RABU)

Soalan yang ketiga yang dikemukakan oleh YB Kajang mengenai program penggantian paip lama. Untuk makluman Yang Berhormat, program ini sedang berjalan sekarang dan ianya adalah berdasarkan senarai keutamaan bagi kawasan kritikal atau *hotspot* yang telah dikenal pasti pada tahun 2016. Sebanyak 84 *hotspot* dengan jumlah panjang paip kira-kira 423 kilometer telah dikenal pasti dengan anggaran peruntukan sebanyak RM374.3juta untuk program penggantian paip lama dan pemasangan paip baru. Projek tersebut dijangka akan diselesaikan secara berperingkat dan bakal siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2019. Sementara itu, Air Selangor juga terus dan sedang di dalam proses untuk mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang memerlukan penggantian paip untuk pelaksanaan selepas tahun 2019. Keseluruhan panjang paip di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sepanjang 28,448 kilometer. Daripada jumlah ini, 6,285 kilometer adalah merupakan paip jenis asbestos yang telah usang dan perlu diganti secara berperingkat.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih YAB Menteri Besar. Saya ini kerana isu air ini balik daripada Bersih terus ke ni untuk menanyakan soalan ini kerana dikatakan oleh Perdana Menteri bahawa isu kritikal lebih kritikal 1MDB. Jadi saya terpaksa datanglah, walau pun hari ini kita ada bantahan terhadap persempadanan semula. Kita ada laporan SPR. Tapi Dato' Yang Dipertua Datu Sri Yang Dipertua dan Dato' Menteri Besar saya nak tanya soalan saya adalah dapat pandangan kenapakah Ketua Setiausaha KeTTHA, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air ini mendakwa bahawa Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa dan tidak bercadang untuk masuk campur dalam menentukan nilai yang saksama *fair value* dengan izin untuk ditawarkan kepada SPLASH oleh Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kajang keprihatinan Yang Berhormat tentang perkara yang pertama tadi menjadi keprihatinan majoriti rakyat negara Malaysia ini di mana kita tidak boleh meremehkan hutang negara yang semakin membengkak kerana yang akan membayar hutang negara ini ialah anak cucu cicit dan generasi yang akan datang. Maka untuk membandingkan dengan industri perkhidmatan air di dalam negeri Selangor saya kira satu perbandingan yang tidak adil dan tidak wajar dizahirkan oleh seorang pemimpin tertinggi negara apatah lagi di buat di dalam Dewan Rakyat. Cuma perkara yang dibangkitkan oleh Zaini Ujang Ketua Setiausaha Kementerian KeTTHA ini memang saya mengikutinya kenyataan-kenyataan beliau. Kerana bagi saya beliau bukan sahaja sebagai Ketua Setiausaha

kepada sebuah Kementerian tapi yang lebih penting lagi beliau merupakan *regulator* kepada industri perkhidmatan air. Maka untuk seorang *regulator* mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak berasas dan tidak berfakta apatah lagi berbaur politik ini membimbangkan kita kerana industri perkhidmatan air bukan sahaja dalam negeri Selangor tetapi dalam negara juga akan terjejas apabila *regulator* merupakan seorang yang tidak profesional untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Saya minta izin Yang Berhormat Speaker untuk menjawab dakwaan tuduhan Ketua Setiausaha Kementerian ini dalam penggulungan saya pada petang ini, kerana perkara-perkara ini juga dibangkitkan oleh permatang yang saya percaya beliau juga mendapat skrip daripada Ketua Setiausaha untuk dibentangkan dalam dewan ini saya mengambil peluang ini untuk menjawab dengan dokumen dan fakta yang ada supaya perkara ini diberikan pencerahan dan saya berharap perkara ini tidak lagi menjadi mainan politik Dengkil dan kawan-kawannya seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

TUAN SPEAKER : Semenyih tidak hadir. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MENINGKAT KAN PURATA PENDAPATAN ANAK MUDA

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Selangor untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan purata pendapatan mereka?
- b) Sejauh manakah keberkesanan usaha-usaha tersebut?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Teratai. Untuk makluman semua kadar purata pendapatan negara adalah sebanyak RM2,463. Ini adalah fakta 2016 dan untuk negeri Selangor kadar pendapatan untuk rakyat negeri Selangor RM2,362 dan kita merupakan di antara tiga negeri terbaik yang mempunyai kadar purata pendapatan tertinggi di Malaysia. Ahli Yang Berhormat sekalian untuk memastikan Negeri Selangor mampu dan meneruskan usaha menjadi negeri termaju dan mampu memberikan pendapatan serta kedudukan ekonomi yang baik termasuk kepada nak-anak muda. Berapa langkah telah dilaksanakan oleh pihak

Kerajaan Negeri untuk memastikan generasi muka bukan sahaja tertumpu untuk mencari ruang pekerjaan tetapi juga memastikan pendapatan mereka seimbang dan setanding dengan keperluan semasa. Langkah pertama ialah memperkenalkan IKTISASS di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Pembangunan ...Jawatankuasa tetap Pendidikan Tinggi di mana IKTISASS berikan perhatian yang lebih kepada teknikal dan vokasional dan dijangka ini akan menambah ruang pekerjaan berkemahiran kepada anak-anak muda kita apatah lagi kita menumpukan beberapa aspek pelaburan kita khususnya pelaburan berteknologi tinggi dalam aeroangkasa dan juga perkhidmatan dan pengilang yang sedia ada. Yang keduanya kita juga memperkenalkan program-program keusahawanan melalui Hijrah dan pelbagai agensi-agensi yang saya telah terangkan semalam. Yang ketiga melalui SITAC. Kita juga telah diperkenalkan program-program 100 aplikasi untuk membantu *start-up* - start-up baru di dalam negeri Selangor dan juga yang keempatnya kita melaksanakan program seperti pengenalan ruang pekerjaan melalui program *Job Fair* dan sebagainya untuk memberi ruangan pendapatan dan ruangan pekerjaan kepada rakyat negeri Selangor. Untuk rekod negeri Selangor adalah negeri lima negeri terbaik di Malaysia yang mempunyai kadar pengangguran terendah iaitu pada kadar 8.8 peratus. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dusun Tuan

Y.B. TUAN RAZAY BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZAY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : MASALAH PAIP AIR KERAP PECAH

26. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah paip air masih kerap pecah, sebagai contoh berlaku di kawasan DUN Dusun Tua?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Dusun Tua. Kejadian paip pecah yang berlaku pada jajaran paip utama yang menyalurkan bekalan ke kawasan Dusun Tua adalah disebabkan beberapa faktor :- a. Paip jenis Ac (bersaiz antara 150mm, 200mm dan 250mm yang mudah pecah. Usia paip yang melebihi 30 da laluan kenderaan berat di atas jajaran paip sedia ada di Jalan Hulu Langat. Dari sudut jangka masa pendek rancangan jangka masa pendek di peringkat Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan memastikan kerja-kerja

28 MAC 2018 (RABU)

pembaikan paip pecah disiapkan dengan kadar segera bagi mengurangkan tempoh masa gangguan kepada pengguna. Dan kedua memasang perkakasan mengurus/mengawal tekanan (Pressure Reducing Valve-PRV) pada paip di Jalan Hulu Langat bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah. Dari sudut jangka masa panjang, inisiatif pemasangan paip baharu 600mm di Jalan Hulu Langat bagi menggantikan paip sedia ada. Pelaksanaan pemasangan paip baharu 700mm di dalam Pakej Projek Loji Rawatan Air Langat 2. Dan yang ketiga pelaksanaan pemasangan paip baharu 250mm bermula dari Batu 10 hingga ke Batu 14 Jalan Hulu Langat bagi menggantikan paip sedia ada.

TUAN SPEAKER : Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMD TALHA : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan 27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMD TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : EARLY INTERVENTION PROGRAMME

27. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan EIP yang lebih luas yang dapat dinikmati oleh lebih ramai keluarga yang mempunyai anak-anak yang berkeperluan khas?

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker. Pendidikan program *Early Intervention Programme- EIP* merupakan isu global yang seharusnya dititikberatkan dan menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan keperluan kepada kanak-kanak berkeperluan khas bagi mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin terdapat golongan ini Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khas dalam membantu institusi yang menyediakan perkhidmatan dan pendidikan EIP kepada kanak-kanak berkeperluan khas untuk mendapatkan pendidikan, menambah baik kemudahan infrastruktur dan terapi *seperti physiotherapy, occupational therapy, speech therapy dan hydrotherapy*.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM,1226,200.00 kepada 13 buah institusi yang memberikan perkhidmatan pendidikan dan pelbagai jenis terapi kepada golongan

kanak-kanak yang berkeperluan khas ini. Pemberian bantuan peruntukan dari Kerajaan Negeri ini telah banyak membantu institusi berkenaan dalam membiayai kos yuran pengajian, menampung pendidikan dan perkhidmatan terapi, membiayai kos penambahbaikan dan kos operasi menaik taraf kemudahan dan lain-lain. Maka kos tambahan ini tidak perlu dibebankan sebagai yuran tambahan kepada para ibu bapa.

Bagi cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri perlu membuat penelitian semula memandangkan ia akan melibatkan kos implikasi kewangan yang tinggi. Justeru itu, melalui pemberian bantuan kewangan yang tinggi. Justeru itu, melalui pemberian bantuan kewangan kepada institusi berkenaan secara tidak langsung dapat membantu keluarga yang mempunyai anak-anak istimewa dan memerlukan pendidikan yang serta keperluan khas dalam membimbing anak-anak ini meneruskan pembelajaran di bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran sosialisasi diri serta perkembangan emosi dengan bantuan dan peruntukan Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMD TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMD TALHA : Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan *Early Intervention Programme* ini di setiap DUN. Sebab apa yang didapati institusi-institusi yang menerima sumbangan bantuan daripada EIP tersebut adalah institusi swasta persendirian. Jadi akses dia amat terhad kepada orang awam kerana kos dan juga mungkin lokasi institusi tersebut.

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Taman Medan. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk melaksanakan pusat-pusat EIP ini di setiap DUN. Cuma kita bekerjasama dengan mana-mana pusat EIP yang ada di negeri Selangor ini membantu mereka dalam melaksanakan program EIP melalui peruntukan yang kita telah sediakan. Jadi pihak Kerajaan Negeri membuka ruang ataupun menggalakkan pusat-pusat EIP ini untuk memohon sumbangan daripada Kerajaan Negeri atas peruntukan yang telah kita sediakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BIN ISMAIL : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BIN ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bertanya pihak EXCO. Apakah kemungkinan boleh program ditukar pelaksanaannya kepada memberi terus kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa ini, supaya mereka boleh memilih sendiri di mana pusat EIP yang mereka hendak hantar dan sebenarnya ramai sebenarnya ingin menghantar anak-anak atau mendapatkan

satu program yang baik untuk anak-anak mereka memandangkan ada pusat-pusat tertentu sahaja diberikan program ini jadi mereka tidak dapat peluang untuk menghantar anaknya. Jadi saya bertanya pada pihak EXCO apakah kemungkinan besar kita Kerajaan Selangor memikirkan untuk menukar sedikit program pelaksanaannya daripada kita bagi ke pusat elok kita bagi pada ibu bapa yang anak-anak istimewa ini untuk mereka dapat bayaran untuk membayar ke pusat-pusat ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Tuan Speaker pihak Kerajaan Negeri buat masa ini belum bercadang untuk melaksanakan program tersebut namun kita juga telah pun ada cadangan awal untuk pelaksanaan ini ia sedang dalam kajian. Jadi *Inn Shaa Allah* apa ini sekiranya ia dapat diluluskan pihak Kerajaan Negeri kita akan melaksanakan program tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Speaker. Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan kebersihan Sg. Bernam Hulu Selangor terpelihara?
- b) Apakah kriteria yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi pemohon lesen ternakan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUK TALIB : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Hulu Bernam yang bertanya. Lembangan Sungai Bernam dengan keluasan 3,335km² menempatkan Sungai Bernam dengan panjang 200km merupakan Lembangan sungai utama bagi pertanian dan pengairan padi yang bersempadan dan dikongsi di antara dua negeri iaitu Negeri Selangor sebanyak 30% dan Negeri Perak 65%. Pendekatan secara Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management, IRMB*) diguna pakai bagi pengurusan sumber air dan lembangan sungai bagi Lembangan Sungai Bernam yang terletak di dalam Negeri Selangor. LUAS bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan seperti Jabatan Kesihatan Negeri

28 MAC 2018 (RABU)

Selangor dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd melalui Kajian Kebersihan dengan membuat pemantauan berjadual dan berterusan ke atas isu-isu pencemaran sumber air di Lembangan Sungai Bernam. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu juga diambil berdasarkan bidang kuasa agensi yang terlibat. Sebarang aduan juga diambil berdasarkan bidang kuasa agensi yang terlibat. Sebarang aduan yang diterima daripada mana-mana pihak termasuk orang awam akan dibuat siasatan dan diberi maklum balas berdasarkan prosedur yang ditetapkan. Berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) Sungai Bernam oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dikategorikan Bersih pada tahun 2017.

LUAS bersama UPEN dan JPS Perak juga telah mengadakan dua (2) Bengkel Penyelarasan Pengurusan Lembangan Sungai Bernam bagi membincangkan isu pengurusan sumber air di Lembangan Sungai Bernam pada 3 dan 4 Disember 2015 dan 20 dan 21 Disember 2016. Lanjutan daripada itu, pihak LUAS dengan kerjasama UPEN Perak juga telah mengambil inisiatif membangunkan State of River Report 2015 Sungai Bernam yang melibatkan maklumat status lembangan sungai termasuk isu-isu yang *significant* terhadap lembangan sungai untuk cadangan perancangan dan tindakan selanjutnya dan telah diedarkan kepada semua pihak berkepentingan berkaitan. Berdasarkan keputusan MMKN bertarikh 13 September 2017, kertas ringkasan MMKN nombor 36/30/2017 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-31/2017 pada 20 September 2017, Kerajaan Negeri Selangor juga telah memutuskan bagi penyediaan terma rujukan Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Bernam, Jawatankuasa Pengurusan Sungai Bernam dengan kerjasama Kerajaan Perak bagi pelaksanaan pelan kelak. Kerajaan Negeri Selangor komited bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak di dalam menguruskan sumber air dari aspek kuantiti dan kualiti di Lembangan Sungai Bernam melalui pemantauan dan tindakan bersepadu.

Bagi aktiviti penternakan ianya merupakan salah satu aktiviti berjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar Negeri Selangor 2012 di mana setiap premis yang tertakluk di bawah peraturan perlu mendapatkan Lesen Kemasukan Pelepasan Bahan Pencemar daripada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Aktiviti penternakan yang tertakluk di bawah peraturan ini adalah seperti berikut. Yang pertama, penternakan selain babi. Ternakan ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta, burung emu dan lain-lain 20,000 ekor ataupun lebih perlu mendapatkan kebenaran ini. Bagi ternakan lembu, kambing, bebiri, kerbau, rusa dan lain-lain, 150 ekor atau lebih. Bagi penternakan babi, semua ladang tanpa mengira bilangan perlu mendapatkan lesen tersebut. Premis yang telah dilesenkan adalah tidak dibenarkan melepaskan *influence* daripada premis dengan melebihi had piawai yang telah ditetapkan. Sebarang kesalahan di bawah

28 MAC 2018 (RABU)

peraturan ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Speaker. Saya ingin bertanya apakah tindakan ataupun penguatkuasaan daripada Kerajaan Negeri yang mana dalam lawatan saya bersama agensi kita mendapati pembuangan hasil-hasil daripada kilang terutama kilang-kilang ayam di sekitar Hulu Bernam terutama di Kalumpang ke sungai dan kita harap tindakan perlu atau pun pemantauan perlu diadakan. Kita tidaklah dalam undang-undang dan sebagainya tetapi penguatkuasaan itu perlu. Apa pun undang-undang kalau kita nyatakan kita buat tetapi tidak ada penguatkuasaan maka tidak akan berlaku perkara yang kita ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Ok. Terima kasih kepada Hulu Bernam. Seperti yang saya nyatakan di sana ada Jawatankuasa Pemantauan yang telahpun dibuat secara berkala dan secara spesifik kes yang dimaksudkan, dinyatakan oleh Hulu Bernam akan disemak. Saya pasti di sana ada undang-undang, ada pemantauan dan ada juga penguatkuasaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 29.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LAI NYUK LAN (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : ISU 'FOOD TRUCK' DI SELANGOR

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk mengecualikan bayaran permit 'food truck' di Selangor untuk membantu golongan belia lebih ramai dalam bidang ini?
- b) Adakah PBT telah bersedia menyediakan lebih banyak lokasi lagi untuk penempatan 'food truck' yang semakin hari semakin popular?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Sungai Pelek yang bertanyakan soalan. Garis Panduan Pelaksanaan 'Smart Truck' Negeri Selangor mula dilaksanakan pada tahun 2016 selepas kita melaksanakan satu pertemuan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan khususnya Bahagian Pelesenan dan Penjaja Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan yang telah berlangsung di antara 13 hingga 15 April 2016 bagi memastikan kita mempunyai satu garis panduan dan peraturan *trend* perniagaan yang sangat digemari pada waktu itu. Justeru hasil daripada perbincangan panjang, kita telah menetapkan untuk menetapkan satu kadar bayaran fi sebanyak RM0.50 satu jam dan sewa tapak sebanyak RM0.80 satu jam. Justeru, untuk satu-satu jam perniagaan seorang peniaga 'food truck' perlu membelanjakan sekitar RM1.30 dan kalau ia berniaga selama empat jam kadar yang dibayar yang perlu dibayar sebanyak RM5.20 untuk kadar empat jam perniagaan iaitu kadar yang dibenarkan ataupun yang dihadkan bagi satu Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan. Justeru daripada kiraan kita, satu bulan pihak yang berniaga ataupun peniaga-peniaga 'smart truck' Negeri Selangor perlu membelanja sebanyak RM104.00 sahaja satu bulan dan perlu menambah sebanyak RM120.00 untuk memastikan pungutan-pungutan sampah dapat dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor sampah di kawasan perniagaan mereka. Justeru fi sampah dan fi lesen yang dikenakan ialah sebanyak RM224.00 dan ini bagi kami sangat berpatutan kerana mengikuti dengan harga yang ditawarkan oleh trak-trak makanan yang ada di Negeri Selangor. Justeru Kerajaan Negeri belum lagi menimbang untuk mengecualikan fi-fi lesen ini sebaliknya kita sedia menimbang semula berdasarkan kajian yang sedang ataupun yang akan dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana kita tidak mahu membebankan peniaga pada masa depan. Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan pula kita telah bersedia untuk menyediakan tapak-tapak. Bagi pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai contoh, mereka menyediakan tapak-tapak *parking* tertentu. Ada Majlis-Majlis tertentu seperti MBSA dan juga Majlis Daerah Hulu Selangor ataupun Majlis Daerah Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang menyediakan tapak-tapak khusus yang mempunyai pelbagai lot-lot untuk diisi oleh peniaga-peniaga 'food truck' ini. Jadi, ia mengikut kesesuaian dan tempat kerana ia adalah *trend* baru perniagaan dan kita juga sedang mengesan bagaimana perkembangannya kerana akhir-akhir ini kita dapati perniagaan 'food truck' ini agak merosot perniagaan mereka bukan disebabkan kita membebankan mereka tapi kerana *trend* perniagaan yang agak berkurangan khususnya pada dewasa ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PENARIKAN BALIK KAD PENGUASA AMAL MAARUF NAHI MUNGKAR KEPADA SELURUH PENGURUSAN MASJID SEJAK TAHUN 2016. SEHINGGA HARI INI TIDAK ADA SERAHAN SEMULA KEPADA PEGAWAI MASJID

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Siapa dan berapakah pegawai yang diberi kad bagi setiap masjid?
- b) Apakah punca penarikan balik dan pembekuan kad kuasa ini?
- c) Berapakah peratus kes salah laku gunakuasa kad ini oleh pemegang kad ini?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Meru bertanya berkaitan dengan penarikan balik kad kuasa amal maaruf nahi mungkar kepada seluruh pengurusan masjid sejak 2016. Sehingga hari ini tidak ada serahan semula kepada pegawai masjid. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa setiap masjid ada empat orang pegawai masjid iaitu nazir, imam, bilal dan siak yang telah diberikan kad sebagai Pegawai Masjid untuk membantu melaksanakan tindakan amar maaruf nahi mungkar sebelum ini. Sebenarnya tiada istilah memerlukan kad kuasa oleh pegawai masjid bagi melaksanakan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar. Tauliah yang diberikah oleh MAIS telah memberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang perlu terutama seperti mana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 (rujuk Seksyen 101 (2) berkenaan perkara tauliah pegawai masjid). Sehubungan itu, tanggungjawab berhubung amar maaruf nahi mungkar yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003, Seksyen 104 (2)(b) menyebut bahawa pegawai masjid bertanggungjawab terhadap tingkahlaku anak kariah dalam perkara-perkara berhubung dengan agama Islam. Berdasar perkara tersebut juga, Pegawai Masjid boleh melakukan tangkapan seperti yang dinyatakan pada Seksyen 18 (berhubung perkara menangkap tanpa waran) dan Seksyen 20 (berhubung perkara orang yang ditangkap oleh Pegawai Masjid : bagaimana hendak diperlakukan) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 2003. Oleh itu, Pegawai Masjid sebenarnya tidak memerlukan kad kuasa dalam menjalankan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar. Walau bagaimanapun, JAIS melalui Bahagian Pengurusan

28 MAC 2018 (RABU)

Masjid akan memberikan satu kad sebagai pengenalan diri kepada Pegawai Masjid untuk kegunaan-kegunaan perlu.

Punca-punca penarikan balik dan pembekuan kad kuasa sebelum ini adalah kerana :-

- i) Terdapat maklumat yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, JAIS bahawa ada Pegawai Masjid yang diberikan kad telah menyalahgunakan kad tersebut seperti selain tangkapan yang telah dibuat, mereka telah menjalankan proses kaunseling dan program pemulihan terhadap orang yang mereka tangkap. Sedangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan adalah menyerahkan orang yang mereka tangkap tersebut kepada pihak penguatkuasa atau polis di atas apa-apa tangkapan seperti yang dinyatakan pada Seksyen 20 (berhubung perkara orang yang ditangkap oleh Pegawai Masjid : bagaimana hendak diperlakukan), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 2003.
- ii) Terdapat juga Pegawai Masjid yang diberikan kad tidak melaksanakan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar seperti yang sepatutnya dilaksanakan merujuk kepada tujuan kad itu diberikan ini atas faktor-faktor tertentu. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perkara yang dirancang berhubung dengan tujuan pemberian kad tersebut.
- iii) Terdapat juga Pegawai Masjid yang tidak bersedia untuk memberi kerjasama kepada Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, JAIS untuk menjadi saksi terhadap tangkapan yang telah dilakukan. Dengan disebabkan perkara tersebut, proses pendakwaan terhadap kes tidak dapat dilakukan dan menyebabkan kesalahan yang telah dilakukan tidak dapat dilaksanakan proses perundangan seterusnya.

Peratus salah laku guna kuasa kad oleh pemegang kad adalah kecil. Walau bagaimanapun, impak dan kesannya adalah besar. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan sebelum berlakunya impak dan kesan tersebut, tindakan penarikan kad kuasa telah dibuat.

Walaupun bagaimanapun, pemilihan Jawatankuasa Masjid yang akan berlaku pada tahun ini, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui Bahagian Pengurusan Masjid akan menyediakan kad ini untuk diberikan dan kita akan meletakkan syarat bahawa pegawai-pegawai yang akan dilantik nanti harus memikul tanggungjawab seperti yang diamanahkan dan pegawai-pegawai ini haruslah dilantik daripada golongan yang mempunyai keupayaan yang tidak uzur apabila diperlukan membuat sesuatu tindakan tidak kira waktu sama ada waktu malam ataupun bila-bila masa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL)
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEMUDAHAN WIFI PERCUMA

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kawasan liputan kemudahan wifi percuma KNS bertambah dalam tempoh 5 tahun ini? Sila nyatakan mengikut kawasan PBT.
- b) Berapa ramaikah pelaksana (industry player) yang dilibatkan untuk pemasangan *wifi* ini?
- c) Sila beri perincian manfaat liputan untuk kawasan DUN Batu Tiga.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga, Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Batu Tiga bertanyakan wifi percuma. Untuk makluman, kawasan liputan kemudahan WiFi percuma di Negeri Selangor telah bertambah dalam tempoh dua tahun lebih sejak Wi-Fi Smart Selangor mula beroperasi iaitu pada bulan September 2015. Kalau kita melihat dari aspek PBT sebagaimana yang ditanya oleh Batu Tiga maka kita lihat :-

PBT	JUMLAH HOTSPOT WIFI SMART SELANGOR		
	31 DISEMBER 2015	31 DISEMBER 2016	31 DISEMBER 2017
MBSA	399	545	607
MBPJ	377	564	563
MPSJ	321	479	519
MPKj	413	462	493
MPK	148	253	336

28 MAC 2018 (RABU)

MPSepang	102	188	276
MPS	111	117	245
MDSB	6	143	175
MDKS	14	17	129
MPAJ	76	128	117
MDHS	7	41	56
MDKL	17	39	48
JUMLAH	1,991	2,976	3,588

Jumlah Hotspot WiFi Smart Selangor mungkin berubah dari masa ke semasa disebabkan pemasangan baru, penamatan perkhidmatan WiFi oleh pemilik tapak pemasangan WiFi dan pemasangan semula perkhidmatan WiFi ke kawasan yang lebih sesuai. Usaha untuk mempertingkatkan pemasangan WiFi di kawasan PBT yang masih rendah khususnya di kawasan luar bandar akan terus diberikan keutamaan. Namun, liputan perkhidmatan WiFi ke kawasan-kawasan luar bandar merupakan cabaran utama bagi merealisasikan hasil yang lebih berkesan daripada usaha tersebut.

- b) Tentang pelaksana ataupun *industry player* yang dilibatkan dalam pemasangan WiFi setakat ini kita ada dua pembekal iaitu Telekom (M) Berhad ataupun TM dan Celcom Mobile Sdn. Bhd. ataupun Celcom. TM merupakan pembekal utama manakala Celcom digunakan bagi kawasan-kawasan yang tiada liputan TM. Bagi kawasan DUN Batu Tiga terdapat 107 hotspot WiFi Smart Selangor yang mana terletak di kawasan Depoh Bas, Hospital, Klinik Kesihatan, Kedai-kedai Makan dan Runcit, Institusi Pendidikan, Masjid dan lain-lain tempat tumpuan awam. Setakat ini menurut analitis yang diperolehi oleh WiFi Smart Selangor, 147,942 pengguna telah mendapat manfaat daripada liputan WiFi Smart Selangor di kawasan DUN Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga dulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih. Saya begitu bersyukur lah kerana di antara DUN juga DUN Batu Tiga ada banyak juga *coverage hotspot* untuk WiFi ini tetapi soalan saya kadang kala liputan ini agak rendah ya dia punya akses kepada tu kepada Internet ini. Jadi saya nak bertanya kepada pihak EXCO apakah pihak EXCO bercadang untuk memberikan *coverage* ataupun liputan yang lebih tinggi dia punya *speed* memandangkan penggunaan sekarang ni masyarakat sekarang ni tidak lagi sekadar melihat apa ni perkara-perkara berkaitan dengan tulisan tetapi banyak menggunakan data jadi soalan saya bilakah ya Kerajaan Selangor ingin menaik

tarafkan semua *hotspot-hotspot* yang telah pun kita sediakan perkhidmatan ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Pertama memang kerana ini merupakan perkhidmatan percuma untuk golongan ramai ataupun golongan massa. Sememangnya kita mengawal kadar kelajuan iaitu kita menghadkan bilangan pengguna dan juga masa seseorang pengguna itu untuk menggunakan WIFI Smart Selangor. Jadi kalau mereka sekadar menggunakan *facebook*, menggunakan email, browse dengan izin Internet, tidak ada masalah tapi kalau mereka nak tengok Suri Hati Mr. Pilot mungkin lambat sikit lah ya sebab kita itu bukan yang kita nak bagi dengan perkhidmatan ini tetapi kita juga kena sedar bahawa masalah ini berkaitan dengan *backbone* dengan izin Internet yang ada di negara kita. Internet yang ada di Malaysia ialah antara yang paling mahal dan paling perlahan di dunia. Kita lagi perlahan daripada Cambodia, kita lagi perlahan berbanding dengan Indonesia dan kita lagi perlahan berbanding dengan Sri Langka. Jadi mungkin dalam rantau ini kalau tidak silap saya hanya Myanmar yang lagi perlahan daripada kita. Jadi sebab itu bagi saya kerana *backbone* ini terletak pada Kerajaan Persekutuan, satu-satunya cara ialah kita tukar saja Kerajaan Persekutuan untuk bagi Internet lagi laju.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN RUMAH

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kelulusan kebenaran merancang untuk membina rumah di Selangor pada 2017 mengikut PBT
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal kenaikan harga rumah di Selangor?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Yang Berhormat bertanya tentang jumlah kelulusan Kebenaran

28 MAC 2018 (RABU)

Merancang bagi membina rumah Selangorku setakat 2017 mengikut PBT. Kalau kita lihat statistik yang saya akan berikan adalah di MBSA terdapat 8 projek, di MBPJ setakat ini belum ada projek lagi untuk MPSJ 4 projek, MPAJ tidak ada projek, MPK 3, MPKj 16, MPS 4, MPSp 5, MDKS 5, MDKL tidak ada, MDHS 2, MDSB 1 keseluruhannya adalah sebanyak 48 projek yang merangkumi sebanyak 18,827 ini tidak merangkumi projek-projek dalam pembinaan dan juga projek-projek yang telah dibina.

Ingin saya menegaskan di sini untuk keseluruhan status pembangunan rumah Selangorku iaitu di dalam perancangan ataupun yang telah diluluskan daripada 2014 sehingga 2018 oleh EXCO adalah sebanyak 148 projek iaitu 76,324 unit dan juga dalam pembinaan adalah sebanyak 29 projek, lebih daripada 20,000 unit sementara yang telah diserahkan kunci iaitu 3,626 unit iaitu 18 projek. Keseluruhannya yang dalam pembinaan diserahkan kunci dan dalam perancangan adalah sebanyak 100,577 unit merangkumi 195 projek.

Soalan yang kedua, bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal kenaikan harga rumah di Selangor? Kerajaan Negeri tidak dapat mengawal rumah harga bebas seperti mana Kerajaan Persekutuan memang pun tidak mengawal rumah harga bebas tetapi apa yang kita lakukan adalah kita memastikan terdapat stok rumah Selangorku ataupun rumah di bawah 250,000.00. Iaitu ini kita lakukan dengan mewajibkan pemaju yang memajukan tanah lebih daripada 5 ekar membina di antara 20 hingga 40% daripada projek mereka ataupun rumah di projek mereka terdiri daripada rumah yang berharga di antara 42,000.00 dengan 250,000.00. Jadi bermakna kita memang dari sistem negara kita ini kita tidak mengawal harga rumah harga bebas seperti mana Kerajaan Persekutuan tetapi kita memastikan bahawa sebahagian daripada rumah atau projek yang dibangunkan itu dibina rumah Selangorku di antara 42,000.00 hingga 250,000.00 dan sekarang ini kita ada satu polisi yang baru iaitu pada mulanya kita ada rumah Selangorku atau polisi rumah Selangorku sekarang ini kita ada apa yang dipanggil sebagai polisi rumah Selangorku 2.0. Rumah Selangorku 2.0 ini lebih terperinci dan *detail* dengan izin iaitu bermakna kita turunkan had rumah Jenis D ini kepada 220,000.00 kalau dulu 250,000.00 kita turunkan kepada 220,000.00 kecuali di kawasan-kawasan di mana pemaju membangunkan kurang daripada 5 ekar tapi kalau lebih daripada 10 ekar kita turunkan kepada 220,000.00 dan polisi rumah Selangorku 2.0 ini adalah di mana satu polisi di mana kita menetapkan spec ataupun spesifikasi piawaian kepada setiap rumah Selangorku yang dibina. Sebelum ini kita melihat bahawa terdapat pemaju-pemaju yang mungkin lari ataupun yang mungkin nak *cut cost* dengan izin dengan meletakkan kemasan ataupun bahan-bahan binaan yang kita merasakan tidak sepatutnya ataupun tidak menyediakan satu *environment* ataupun persekitaran yang selesa bagi penduduk yang membelinya, jadi kita menetapkan kemasan

28 MAC 2018 (RABU)

contohnya, tandas ataupun bilik air apakah kemasan yang perlu dipakai dan dari segi bumbung apakah jenis routers dengan izin ataupun kayu ataupun yang perlu dipakai. Jadi bermakna polisi rumah Selangorku 2.0 ini lebih *detail* sebab kita nak memper nak kita nak menjaga kepentingan pembeli rumah Selangorku supaya dia mendapat rumah yang berkualiti. Semuanya piawaian kita ada spec. Semuanya pihak pemaju kena ikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya dapati di Shah Alam sebahagian besar rumah Selangorku dibina ialah antara harga RM168,000.00 ke RM220,000.00. Namun permintaan tinggi ialah rumah antara harga RM80,000.00 ke RM150,000.00 untuk mereka berpendapatan bawah RM2,000.00. Apakah usaha Kerajaan Negeri memastikan developer membina rumah-rumah jenis ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Bermakna bahawa, kalau kita lihat bahawa bagi setiap zon dan setiap mukim ada dia punya peratusan. Berapa peratusan yang 42,000.00 dan berapa peratusan yang 100,000.00. Kita berdasarkan kepada peratusan dan berdasarkan kepada permintaan. Ok. Memandangkan daripada komen daripada Yang Berhormat, In Syaa Allah saya akan kaji balik dan memberikan tugas ini kepada Lembaga Perumahan untuk melihat kembali khusus untuk Shah Alam tapi untuk menjawab soalan itu, bagi setiap mukim dan bagi setiap daerah di Negeri Selangor ni, ada peratusan-peratusan tertentu bagi setiap harga rumah supaya kita dapat *capture* atau menangkap pasaran atau *market* di tempat-tempat tersebut. Terima kasih.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN : Soalan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN : Tadi saya menerima jawapan daripada EXCO mengatakan rumah Selangorku 2.0 kan sebab memanglah tadi keperluan-keperluan untuk rakyat untuk memiliki rumah saya nampak tidak seimbang jadi saya merasakan bahawa Kerajaan tidak begitu peka dah 10 tahun dah memerintah baru nak merancang untuk rumah Selangorku 2.0 ni. Saya rasa bilakah agaknya perancangan ini dapat dilaksanakan dengan baik sebab saya rasa lepas ni Kerajaan Barisan Nasional dah duduk sebelah sana dah tak sempat dah nak dilaksanakan (ketawa) polisi 2.0 ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Polisi rumah Selangorku dia bermakna sama lah. Polisi rumah Selangorku ini, kita telah guna pakai pada 2014 jadi lepas kita kaji kita daripada pengalaman kita, kita melihat ada perkara-perkara yang perlu kita tambah baik itu sebab kita buat polisi rumah Selangorku 2.0 jadi bukannya bermakna bahawa tak ada polisi sebelum ini. Polisi ada. Polisi rumah Selangorku yang asal tetapi kita kena tambah baik macam kereta. Kereta pun banyak mark one, mark two, mark three. Tak ada kita statik. Tak tahu lah kalau sebelah sana ni hidup ni sentiasa bergerak ke hadapan bukan statik aje sampai bila-bila. Dulu, kini dan selamanya tak tukar-tukar jadi bermakna bahawa sebenarnya 2.0 ni sebelum ini kita ada polisi rumah Selangorku yang asal tapi kita dapat *feedback* bila kita dapat *feedback* bermakna ini adalah keterbukaan Kerajaan (ketuk meja) mendengar pandangan daripada rakyat termasuk daripada pembangkang dan kita masukkan sekali ke dalam polisi yang baru ini. Jadi bermakna bukan kita buat itu, kita statik sampai bila-bila. Dah buat dah rumah Selangorku 1.0. Tak kan tak tahu. Tak nampak kalau duduk kat Putrajaya, tak nampak lah. Dah, dah buat dah. Itu lah bermakna bahawa kita susah bila kita nak tunjukkan benda yang nampak depan mata pun tak nampak nak buat macam mana.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ : Tuan Speaker boleh celah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Boleh.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ : Saya tanya Speaker boleh ke tak boleh.

TUAN SPEAKER : Soalan Tambahan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Ya.

TUAN SPEAKER : Tunggu dulu, habis Chempaka, Chempaka habiskan jawapan untuk Kota Damansara.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sekarang ni kita benda tu ada menafikan kebenaran memang lah orang kalau benda tu ada kalau dia kata dia tak nampak sampai bila pun dia tak nampak. Jadi bermakna benda ada tapi tak mahu mengaku. Tak mahu mengaku. Kita di peringkat Kerajaan Negeri kalau ada, kalau benda tu apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, kita mengaku ada buat tapi ni ada tapi tak mahu mengaku.

TUAN SPEAKER : Semenyih nak tanya lagi?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Boleh? Tadi EXCO memberitahu Kerajaan Negeri memastikan dibina, saya rasa ini satu pembohongan jangan. Saya pernah pergi ke Serena Height contohnya, Batu Tiga Jalan Bangi. Saya dah tanya *first batch, second batch* ada bila nak buat Selangorku? Belum lagi. Saya dah pergi. Eco Hills dah 5 tahun. 5 tahun dah tak de penyerahan kunci. Beberapa fasa dah bagi dah rumah dua tingkat sahaja. Atas kertas dia ada.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita kena tengok projek yang baru ke projek lama? Dia kalau projek tu sekali mungkin Yang Berhormat pergi projek yang lain tapi saya nak cakap kalau dia, dengar lah. Bukan masalahnya sekarang ni itu projek lain dia dua projek, satu projek mungkin dah jalan dia kalau dia kalau kira buat bersekali itu kebenaran merancang yang sekali. Kalau kebenaran merancang yang lain tu lain. Jadi kalau satu kebenaran merancang bermakna dia kena bina rumah Selangorku yang sama atau rumah Selangorku terlebih dahulu. Masalahnya benda ini ada. Dia ada beberapa kebenaran merancang jadi bermakna bahawa benda tu ada kita susah kalau tidak mengaku atau tak nampak kan kebenaran yang sebenarnya.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : EXCO saya betul nak clearkan, saya pergi dah duduk dengan GM nya memang tak buat lagi.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Itulah yang saya katakan

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Atas kertas perancangan betul lah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Yang saya katakan ianya kebenaran merancang

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Ternanti-nanti orang Semenyih memang angka tu cakap beribu-ribu tak ada

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Yang baru-baru ni yang apa ni yang berbaris sampai

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Yang mana?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Beberapa kilometer? Tahu ke tak tahu?

28 MAC 2018 (RABU)

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Bukan soal tahu ke tak tahu. Sekarang ni soalnya Eco Hills ni dah serah kunci

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada projek yang orang dah

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Dah duduk situ 5 tahun. Penduduk dah duduk situ 5 tahun. Sampai sekarang tak de.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Berbaris beberapa kilometer

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Kata pemaju buat rumah Selangorku dulu ni apa pasal buat rumah lain dulu.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Kata pembinaan tu serentak.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya cakap faham tak faham ni, saya cakap dalam satu kebenaran merancang dia kalau ada projek yang lain, lain. Ini dalam satu kebenaran merancang ia mungkin bukan dalam satu kebenaran merancang. Ada apa?

TUAN SPEAKER : Chempaka, Chempaka. Semenyih, Semenyih. Chempaka tak perlu jawab dah kerana ini Semenyih tanya Kuang kerana Semenyih tanya isu spesifik, kawasan spesifik jadi Chempaka sudah berusaha untuk jawab kalau ada *detail* lagi bagi secara bertulis. *Not fair* Chempaka. Isu spesifik. Ok.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker. Soalan No. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2 DAN LABOHAN

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan LRA Semenyih 2.
- b) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan LRA Labohan Dagang.

28 MAC 2018 (RABU)

- c) Sila huraikan secara terperinci berapakah kapasiti air bersih yang bakal dihasilkan oleh kedua-dua LRA dan impak positif terhadap industri Air Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya dan saya ingin jawab pertanyaan Sekinchan bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Semenyih 195 berkenaan dengan Loji Rawatan Air Semenyih 2. Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah siap dibina dan mula beroperasi pada 1 Mac 2018. Loji Rawatan Air ini telah berjaya mengeluarkan 100 juta liter air sehari air terawat yang memenuhi parameter kualiti air yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Loji Rawatan Air Semenyih 2 membekalkan air terawat untuk diagihkan ke kawasan selatan Selangor termasuk lah kawasan Beranang, Semenyih dan sebahagian Hulu Langat. Air terawat yang dihasilkan di Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah disalurkan ke kolam air Terminal Bangi. Secara tidak langsung penyaluran tambahan air terawat ini telah menstabilkan dan meningkatkan paras kolam air Terminal Bangi.

Kos pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 termasuk GST 9.8 juta adalah sebanyak 187.5 juta ringgit Malaysia. Berdasarkan semakan awal menjawab pertanyaan Semenyih berkenaan dengan peningkatan kos pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2

TUAN SPEAKER : Taman Templer yang ini bersekali dengan soalan mana?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : 195. Tiada peningkatan kos dan berdasarkan semakan awal dan perbincangan bersama pihak kontraktor terdapat penjimatan dalam pelaksanaan pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang mana jumlah penjimatan akan diperincikan setelah tamat projek ini pada 31 Mac 2018 nanti. Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang dioperasikan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. juga telah memberikan peluang pekerjaan kepada 24 orang dari Kumpulan Profesional dan Bukan Profesional yang akan mempunyai kemahiran dalam pengoperasian dan penyelenggaraan loji. Mereka termasuk lah Jurutera, Ahli Kimia, Juruteknik dan Pekerja Am.

Berkaitan dengan Loji Rawatan Air Labohan Dagang setakat 25 Februari 2018 status pelaksanaannya bagi Pakej A, kerja-kerja pengukuhan dan pemulihan pemuliharaan kolam pra rawatan dan kolam utama termasuk membina muka sauk di Sungai Langat telah pun berkemajuan 62.4%.

28 MAC 2018 (RABU)

Pakej B, membina menguji dan mentauliah tangki air konkrit bertetulang muatan 40 ml kerja-kerja cerun, jalan masuk serta kerja-kerja berkaitan di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor pada 18.6%.

Pakej C1, membekal, memasang, menguji dan mentauliah paip MS bergaris pusat 1,800mm serta kerja-kerja berkaitan daripada Loji rawatan air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor 65.4% dan

Pakej C2, membekal, memasang, menguji dan mentauliah paip MS 1,800mm serta kerja-kerja berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra 46.1% dan

Pakej D, menguji dan mentauliah sebuah loji rawatan air berkapasiti 200 juta liter air serta kerja-kerja berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat sebanyak 21.0%.

Secara amnya kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek telah mencapai 35% dan buat masa ini pihak kontraktor sedang dalam usaha menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang telah pun ditetapkan. Pembangunan Loji rawatan air Labohan Dagang perlu disiapkan pada Disember 2018 bagi membekalkan air terawat tambahan untuk kegunaan pengguna di Kuala Langat dan kawasan sekitar.

Pembangunan Loji rawatan air Semenyih 2 juga telah berjaya meningkatkan bekalan air terawat sebanyak 100 juta liter air sehari dan tambahan bekalan ini akan digunakan bagi menampung permintaan seperti kawasan yang telah saya nyatakan sebentar tadi iaitu di Beranang, Semenyih dan sebahagian Hulu Langat. Manakala Loji rawatan air Labohan Dagang akan membekalkan tambahan sejumlah 200 juta liter air sehari kapasiti air terawat untuk kegunaan pengguna di sekitar kawasan Kuala Langat. Dengan siap nya Loji rawatan air Semenyih 2 dan Loji rawatan air Labohan Dagang *reserve* margin air di negeri Selangor akan meningkat daripada 3% kepada akhir tahun 2017 kepada 9.8% pada 2018.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMUTIHAN PENEROKAAN HUTAN SIMPAN

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini terhadap permohonan peneroka hutan simpan Kuala Langat 2?
- b) Apakah langkah Kerajaan bagi mengawal agar pencerobohan kawasan ini tidak berkembang?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker Tanjung Sepat. Tuan Speaker soalan Tanjung Sepat adalah berkenaan permohonan peneroka hutan simpan Kuala Langat 2. Namun begitu saya ingin maklum kepada Tanjung Sepat bahawa di negeri Selangor kita tidak ada hutan simpan yang bernama hutan simpan Kuala Langat 2.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalan No. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai pada tahun 2008?
- b) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai telah disiapkan sepanjang 2008 hingga 2017.
- c) Apakah tindakan di ambil ke atas pemaju yang gagal menyiapkan projek?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik terakhir pada bulan Disember 2008 mendapati sebanyak 116 projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor dengan jumlah unit sebanyak 42,541 unit dan untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan terbengkalai yang selesai di negeri Selangor daripada 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 53 projek perumahan melibatkan 24,660 unit yang telah berjaya

28 MAC 2018 (RABU)

diselesaikan di negeri Selangor daripada 2008 hingga 2017. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Melalui sistem pendaftaran pemaju SPEM di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenal pasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah nama syarikat pemaju yang lain. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik dulu.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Nampaknya masih banyak lagi projek-projek terbengkalai yang belum dilaksanakan peninggalan kerajaan terdahulu. Masalahnya pembeli menjadi mangsa kepada projek ini. Apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka ini supaya pembeli-pembeli dapat dibantu. Contohnya seperti projek Aman Perdana, apa usaha yang lain.

Ingin saya nyatakan di sini adalah pada 2008 kita telah mendapati 116 projek perumahan terbengkalai tetapi senarai itu tidak lengkap apabila kita nak ambil alih kerajaan kita mendapati bahawa banyak lagi projek-projek yang terbengkalai jadi bermakna bahawa memang benar peninggalan daripada kerajaan lepas ataupun ketika kerajaan yang lepas memang banyak projek-projek terbengkalai sama ada yang disenaraikan ataupun yang kita jumpa selepas kita menjadi kerajaan.

Jadi apa yang boleh Kerajaan Negeri lakukan iaitu Lembaga Perumahan iaitu kita mengeluarkan satu surat ataupun sijil yang mengatakan projek itu terbengkalai dan pemaju ataupun pembeli boleh membawa kepada bank dan bank memohon kepada bank supaya pembayaran itu dijadualkan semula ataupun boleh dilakukan perbincangan dengan bank. Jadi bermakna dari segi Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan surat mengesahkan bahawa projek tersebut adalah terbengkalai tetapi dalam untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai ini, pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai juga memanggil semua pihak

28 MAC 2018 (RABU)

yang terlibat untuk memastikan satu perbincangan dapat dijalankan sama ada bersama dengan pemaju yang asal ataupun bersama dengan *liquidator* supaya satu penyelesaian dapat dicapai di antara semua pihak. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan Tambahan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Terima kasih. Saya sebenarnya nak minta pandangan daripada pihak kerajaan mengenai kerana KPKT juga ada beberapa peruntukan saya dimaklumkan untuk menyelesaikan projek-projek terbengkalai di seluruh negara. Jadi sekiranya ada beberapa projek yang terbengkalai tersebut di negeri Selangor apakah pandangan Kerajaan Negeri sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan bersedia dengan mengambil projek-projek terbengkalai itu dan seterusnya menyiapkan melalui peruntukan dikeluarkan oleh Kementerian KPKT khususnya. Jadi sebagai contoh di Kg. Sg. Yu hari tu dah dicadangkan untuk diisytiharkan sebagai projek terbengkalai maka boleh lah dilaksanakan oleh KPKT namun oleh kerana tidak dipersetujui oleh Kerajaan Negeri maka projek itu tidak dapat dimasukkan dalam senarai terbengkalai jadi tak dapat dipulihkan lah jadi apa pandangan Kerajaan Negeri berhubung dengan orang kata saling tolong menolong antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kerajaan Negeri ada tabung. Tabung kita tepat. Tabung Projek Perumahan Terbengkalai. Kita ada 20 juta aje lah. Memandangkan ialah bajet Kerajaan Negeri yang terhad. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan ada 200 juta dalam tabung dia. Sebab duit tu datang daripada Selangor jugak daripada cukai-cukai jadi pendirian kita seperti mana dalam pendirian pembinaan rumah Prima dan PPA1M, kita tak ada masalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan demi kebajikan rakyat tapi dalam kes ini tak jumpa pun dengan saya pun tak tahu. Tak ada *contact* di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Saya melihatlah bahawa dalam isu perumahan ini ialah isu rakyat di mana perlu ada perbincangan di antara Pusat dan juga Negeri. Saya nak ambil satu contoh lah di mana sebelum ini, sebelum Yang Berhormat Menteri Perumahan ini ambil alih sebelum ini diadakan satu mesyuarat berkala di antara semua EXCO-EXCO Perumahan di Malaysia bersama dengan Timbalan Menteri KPKT dan di situ dijemput daripada negeri-negeri Kelantan pun ada, Pulau Pinang pun ada, Selangor pun ada, saya

28 MAC 2018 (RABU)

beberapa kali hadir dan banyak polisi-polisi baru yang kita bincangkan bersama sebab kita tahu bahawa ini adalah untuk rakyat tetapi bila tukar Menteri KPKT dia dah tak panggil dah kita. Tak panggil dah jadi saya difahamkan minggu lepas ada jugak mesyuarat di antara semua EXCO-EXCO Perumahan tapi dia panggil hanya daripada negeri-negeri BN sahaja kenapa tak panggil kami daripada negeri-negeri yang bukan BN? Sebab kami juga bersedia untuk berbincang. Ambil contoh di antara apa ni Jawatankuasa-Jawatankuasa di Peringkat Persekutuan seperti MPFN dan mesyuarat-mesyuarat yang lain di mana di panggil wakil daripada semua negeri. Jadi untuk menjawab, kita bersedia untuk berbincang dan bekerjasama tapi kena dua hala lah tak boleh ianya satu hala sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan isu projek terbengkalai masih ada. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk *make it compulsory* dengan izin untuk *build themselves* di Selangor.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Jawapannya belum lagi. (ketawa). Belum lagi ada satu, dah bincang tetapi kita mengambil keputusan belum lagi lah cuma kalau kita lihat seperti mana projek-projek GLC seperti PKNS mereka hanya akan *launch* ataupun dilancarkan selepas 50 hingga 70% siap baru mereka buka untuk pendaftaran. Jadi bermakna tapi Kerajaan Persekutuan tak buat lagi jadi bermakna mungkin kita kena ikut Persekutuan kena buat dulu lah mesti ada masalahnya di sana tapi kita dah bincang dan kita memang mengakui bahawa ada masalah-masalah yang perlu diselesaikan. Mungkin bukan *compulsory* tetapi ada insentif-insentif yang perlu diberikan kepada beberapa pemaaju yang buat *build and sell*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL (NON REVENUE WATER)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

28 MAC 2018 (RABU)

- a) Apakah rancangan yang ada pada Air Selangor untuk menurunkan kadar NRW ke paras kurang daripada 20% menjelang 2020?
- b) Berapakah banyak peruntukan diperlukan untuk mencapai matlamat ini?
- c) Bagaimanakah Air Selangor akan memperolehi peruntukan kewangan yang diperlukan ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Kampung Tunku yang bertanya, kadar NRW telah dirancang untuk diturunkan pada tahap 28% pada tahun 2020 dan seterusnya ke tahap 20% pada tahun 2035 daripada tahap NRW 31% pada tahun 2017 dan tidak seperti mana yang dicadangkan oleh Kampung Tunku. Di antara program NRW dan inisiatif yang dijalankan berdasarkan pelan perniagaan tersebut adalah seperti berikut, program pengesanan kebocoran aktif pada paip ber-retikulasi. Pengesanan kebocoran pada paip utama dengan menggunakan alat pengesanan kebocoran yang berteknologi tinggi.

Pengawasan dan amaran awal apabila berlaku kes pecah dan bocor melalui pemantauan dan juga pembetulan zon daerah, pembetulan kawasanimbangan air dengan pengurusan tekanan, penukaran paip komunikasi yang berselerak dan lama, penukaran meter loji rawatan air, pelaksanaan program pengurusan tekanan air yang bersistematik. Program penukaran meter air pengguna yang lama dan rosak. Bersaizan semula pengguna air dan penukaran meter yang lama dan rosak. Bersaizan semula air pengguna dan penukaran mekanikal kepada meter elektro magnetik.

Berdasarkan pelan perniagaan yang telah dirancang keseluruhan kos bagi kerja-kerja penurunan NRW telah anggarkan sebanyak ringgit Malaysia 13.6 bilion selama 30 tahun termasuk kos kerja penukaran paip lama. Bagi membiayai kerja-kerja penurunan NRW ini sumber-sumber kewangan dicadangkan adalah antaranya peruntukan dalaman dana dan air Selangor, peruntukan dari Kerajaan Negeri, geran daripada ketar dan pembiayaan melalui PAPB.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KAJIAN PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak 12 laluan pengangkutan awam dikenal pasti, apakah status perlaksanaannya?
- b) Senaraikan usaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan 12 laluan pengangkutan air?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelan induk pengangkutan awam negeri Selangor sebagai dokumen asas kepada semua agensi Kerajaan dan Swasta di Negeri Selangor. Dalam perancangan menyeluruh ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan adalah memberikan arahan dan automatik baru edaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat negeri Selangor. Penyediaan turut mengenal pasti sistem pengangkutan awam menggunakan landasan yang terdiri daripada 12 cadangan koridor pengangkutan awam yang mempunyai laluan paling optimum untuk negeri Selangor. Dan begitu pelaksanaannya memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan khususnya di peringkat Persekutuan. Penyelarasan di peringkat semua pihak amat diperlukan dalam perancangan pembangunan supaya pelan ini dapat diintegrasikan ke dalam pelan-pelan agensi sedia ada dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persediaan dengan nisbah 60:40. Bagi memastikan cadangan-cadangan di dalam pelan induk ini dapat dilaksanakan Kerajaan negeri telah pun mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat SPAD supaya pihak SPAD mengambil kira dan mengintegrasikan penemuan dan PIPAN ke dalam pelan induk SPAD.

Sebarang permohonan dan rancangan baru pengangkutan awam sama ada melalui agensi Kerajaan atau Swasta juga disarankan untuk mengambil kira cadangan pelan induk ini. Di peringkat Kerajaan Tempatan pula pelan induk ini perlu diselaraskan dengan rancangan tempatan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan. Penyediaan dokumen ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan negeri sememangnya telah bersedia dan mempunyai pandangan jauh dalam memulakan pelan pengangkutan yang mampan terutamanya dalam menambah baik sistem pengangkutan di negeri Selangor. Ianya dijadikan sebagai blueprint dan sumber wujudkan kepada semua pihak

28 MAC 2018 (RABU)

yang terlibat dalam sebarang perancangan melibatkan pembangunan projek pengangkutan awam di negeri Selangor.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, tadi di dalam jawapan tersebut dicakapkan tentang Mesyuarat dengan pihak SPAD. Boleh huraikan tak ada SPAD beri kerjasama dengan kami supaya projek yang dikenal pasti di dalam pelan induk pengangkutan ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ada persetujuan untuk melihat kepada PIPAN ini kepada pihak SPAD.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : DEWAN SERBAGUNA BAGAN HAILAM

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kebakaran yang memusnahkan 13 rumah menyebabkan keluarga dalam suasana tahun baru kelam kabut mencari tempat tinggal sementara. Bilakah Kerajaan Negeri mahu membina dewan serbaguna?

b) Balai JKKK juga terlalu uzur dan tidak selamat. Bilakah Kerajaan akan ganti baru? Anggaran kos?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Selat Klang. Pejabat Daerah dan Tanah Klang telah mengadakan lawatan tapak bersama wakil JKR Klang. Pegawai Petempatan (SO) dan Ketua Kampung Bagan Hailam pada 23 Januari 2018 bagi melihat struktur sedia ada dan cadangan tapak ganti balai JKKK yang berkenaan. Hasil lawatan tersebut, Pejabat Daerah telah mencadangkan satu

28 MAC 2018 (RABU)

tapak ganti yang baru berhampiran PT 1020 yang merupakan tanah kerajaan tidak jauh dari balai JKKK sedia ada iaitu (lot 7125). Anggaran sebut harga bagi membina dan menyiapkan Balai JKKK Kampung Bagan Hailam yang baru juga telah disediakan iaitu berjumlah RM283,320.00. Pentadbiran Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan maaf pihak Daerah juga mengemukakan surat permohonan bagi mendapatkan ulasan teknikal struktur balai JKKK sedia ada daripada pihak JKR Klang pada 5 Februari 2018 dan masih menunggu maklum balas tersebut bagi tindakan selanjutnya mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Sekian.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Sebenarnya Dewan ini uzur dah lama, ini secara kebetulan ditakdirkan hari ketiga Tahun Baru Cina kebakaran melibatkan banyak rumah. Jadi masa malam itu nak cari tempat, tempat dahlah Bagan kawasan air tak ada tempat langsung di situ. Nasib baiklah mereka ada keluarga yang dekat Klang jauh dari tempat situ. Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri mempunyai jadual melihat Dewan Serba guna seluruh Selangor bukan semesti Bagan Hailam sahaja supaya perkara seperti ini tidak reaktif dari proaktif maknanya ada jadual penyelenggaraan dan kalau teruk boleh diapa dirancang untuk dibentuk semula untuk digantikan. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Selat Klang. Untuk makluman Yang Berhormat Balai JKKK biasa di bawah Pentadbiran Pejabat Daerah dan rasanya peruntukan akan diberikan kepada Pejabat Daerah di seluruh negeri Selangor untuk membaik pulih dan sebagainya, itu bergantung kepada keperluan dan juga permohonan daripada JKKK tapi ada Balai yang di bawah PBT dan pihak PBT juga akan mengadakan satu peruntukan yang khas untuk bolehkah mereka membaik pulih balai atau pun Dewan yang uzur dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Soalan 39 telah dijawab bersekali dengan soalan no. 6. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : BOLASEPAK

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor yang menyebabkan prestasi bola sepak Negeri kurang menyerlah di peringkat Liga Malaysia pada masa ini?
- b) Nyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi mengembalikan kecemerlangan bola sepak Selangor.
- c) Apakah kriteria yang diguna pakai bagi mencari jurulatih yang berkaliber?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Lembah Jaya atas soalan yang telah dikemukakan. Saya ingin menyenaraikan kedudukan terkini pasukan-pasukan base di Selangor dan Liga Perdana dan Liga Super Malaysia. Liga Perdana kita tidak ada wakil tetapi dalam Liga FM ada. Ada 2 pasukan yang dibasekan di Selangor iaitu Pasukan Selangor FA dan juga Pasukan PKNS. Untuk Selangor FA Tahun 2017 mereka di kedudukan yang keenam selepas habis Liga dan habis PKNS dalam kedudukan yang ketujuh. Untuk tahun ini selepas 5 perlawanan PKNS berada dalam kedudukan ketiga dan juga Selangor FA berada dalam kedudukan yang kelapan. Kita tidak ada wakil pasukan yang berbase atau berasaskan di negeri Selangor di dalam Liga Perdana iaitu Liga kedua tetapi dalam Liga ketiga iaitu Liga FAM kita ada beberapa pasukan yang berbase di Selangor, ada dua pasukan iaitu Selangor United iaitu daripada Pasukan Bola sepak Melayu Selangor yang berada dalam Kumpulan A dan sekarang ini berada dalam kedudukan bukan ketiga dalam Kumpulan A. Yang kedua adalah daripada PJ Rangers atau Airasia dibase di Selangor Petaling Jaya dan menggunakan Stadium Petaling Jaya sebagai home mereka dan mereka juga berada dalam kedudukan yang ketiga di dalam Liga FAM. Kita ada Liga-liga lain seperti Piala Presiden iaitu di bawah 21 dan Piala Belia di bawah 19. Makluman terbaru daripada Persatuan Bola sepak Malaysia, mereka sudah mengiktiraf M5 dengan izin atau pun Liga-liga sosial yang lain, sebagai contoh ada Klang Valley Lead. Sebahagian besar Klang Valley Lead ini berada dalam Pasukan Selangor seperti contoh Pasukan seperti Shah Alam United atau pun seperti Shah Alam dan beberapa pasukan yang lain. Ada juga Liga Bola sepak Puchong yang sudah mula diambil di dalam Liga lapis kelima di dalam Liga FAM. Jadi saya nak jelaskan ini kedudukan bola sepak di negeri Selangor tidaklah sebagai soalan daripada Lembah Jaya pintu buruk. Kalau kita lihat daripada satu Pasukan dalam keadaan sekarang mungkin buruk tetapi secara overall kita masih mampu meletakkan kedudukan yang baik. Cumanya bagi pihak kerajaan Negeri kita berharap supaya kita dapat menyusun dengan baik dan mengadakan perbincangan dengan semua pihak supaya kita dapat memastikan program

pembangunan kita tersusun. Untuk melihat lebih jauh pihak Kerajaan negeri untuk menjawab soalan b kita telah melaksanakan program pembangunan akademi merah kuning supaya kita dapat menarik penyedut semua akademi-akademi yang berlangsung di peringkat akan undi. Rekod kita pada tahun 2011 mencatatkan ada 60 di Selangor dan juga di Lembah Klang, akademi-akademi bola sepak yang tidak tersusun. Justeru bagi pihak Kerajaan negeri kita membuat satu Akademi Elite supaya adanya hala tuju pemain-pemain ini dimasukkan dalam Akademi ini dan pemain-pemain dalam akademi ini kemudian akan di kontrakan dan boleh disalurkan kepada sama ada Selangor FAS, sama ada PJ Rangers, sama ada PBNS Selangor atau pun kepada PKNS masih kelak atau pun kepada pemain-pemain lain di masa depan. Untuk masa tersebut kita telah menandatangani kerjasama dengan Akademi di Amsterdam dengan mengambil ekptesi mereka iaitu dari kelayakan Lesen A. Dan mereka akan mengendalikan pelan serta Module :Latihan supaya kita dapat membentuk Tema serta Bola sepak Selangor di masa depan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BEKAS PEKERJA LADANG DI SELANGOR

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah isu perumahan merupakan isu utama bekas pekerja ladang di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Selangor bercadang mewujudkan skim sewa rumah kepada bekas pekerja ladang atau warisnya? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu di atas keprihatinan. Dalam bertanyakan soalan melibatkan kebajikan bekas-bekas pekerja ladang di negeri Selangor. Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu pemilikan rumah sendiri menjadi satu keperluan dan aset terpenting bagi setiap keluarga. Justeru itu tidak dinafikan isu perumahan adalah merupakan salah satu isu utama yang dihadapi oleh bekas pekerja ladang di negeri Selangor yang sering dibangkitkan. Pekerja ladang dan bekas pekerja ladang

boleh dikategorikan sebagai golongan yang miskin dan kurang berkemampuan. Sebilangan besar bekas-bekas pekerja ladang di negeri ini yang telah bersara daripada sektor-sektor perladangan tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri. Masa khidmat sebagai pekerja ladang kebiasaannya majikan telah menyediakan kemudahan asas kuarters perumahan di kawasan ladang selagi mereka masih berkhidmat di ladang tersebut dan kemudahan tersebut perlu dipulangkan semula selepas mereka telah bersara. Salah satu punca bekas-bekas pekerja ladang ini di negeri ini tidak memiliki rumah adalah disebabkan kurangnya pendedahan dan kesedarannya tentang pentingnya memiliki rumah sendiri di samping kos pemilikan sebuah rumah sendiri adalah di luar kemampuan mereka kerana pendapatan mereka yang rendah. Kebanyakan daripada mereka hanya meluluskan tradisi nenek moyang mereka yang lebih selesa mendiami rumah kuarters yang telah disediakan oleh pihak majikan pada ketika itu. Oleh demikian sebilangan besar bekas-bekas pekerja ladang terpaksa menyewa rumah dengan kadar yang mahal atau luar kemampuan mereka bagi menempatkan keluarga mereka maka mereka terus terimpit dalam golongan kemiskinan. Ada juga terdapat segelintir dari bekas-bekas pekerja ladang terpaksa menjadi peneroka tanah Kerajaan tanpa keberanian untuk dijadikan sebagai tapak perumahan dan penempatan bagi meneruskan kehidupan mereka. Turut terkesan daripada perkembangan ekonomi dan pembangunan yang begitu pesat kawasan-kawasan ladang turut-turut menjadi tumpuan bagi pembangunan yang lebih moden dan tersusun secara tidak langsung. Pekerja ladang dan bekas pekerja ladang terpaksa berpindah keluar daripada kawasan berkenaan bagi memberi ruang kepada pembangunan baru tersebut. Dalam keadaan ini nasib mereka memanglah amat dukacitakan. Dalam hal ini Kerajaan negeri melalui estet landlord sentiasa berusaha dan berbincang bagi mendapatkan bantuan-bantuan seumpamanya untuk mengatasi masalah melibatkan pemilikan rumah-rumah, rumah-rumah kepada bekas pekerja ladang. Di kawasan ladang yang dibangunkan seperti di Ladang Bukit Raja, Ladang Nanudin, Ladang Semenyih, Ladang Bangi dan banyak lagi. Namun begitu Kerajaan negeri tidak dapat mengarahkan dan membantu secara mutlak berhubung semua isu pemilikan perumahan oleh pekerja ladang dan bekas-bekas pekerja ladang. Memandangkan terdapat perjanjian yang dipersetujui di antara majikan pekerja ladang dan pemaju yang berkenaan adalah merupakan di luar Kawalan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Estet Land Board sentiasa memohon bantuan perumahan pekerja ladang diwajibkan kepada setiap majikan dan pemaju bagi membela nasib pekerja ladang yang terlibat dalam pembangunan. Sebagai alternatif, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah diwujudkan khusus untuk membantu rakyat, tanpa mengira kaum termasuk warga pekerja ladang untuk mendapatkan sebuah aset kediaman dengan harga yang mampu miliki. Permohonan bagi mendapatkan rumah *Selangorku* adalah dibuka...

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah, boleh bagi secara bertulis.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Ya, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jam telah menunjukkan 11.30 pagi, maka saya tangguhkan sesi pertanyakan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Usul di Bawah Peraturan Tetap 17(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima Kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawa usul yang berbunyi seperti berikut bahawa Dewan yang mulia ini kecewa dengan tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) yang tidak bertindak adil dalam kajian persempadanan semula kawasan pilihan raya. Dan Dewan yang mulia ini menggesa, menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru, yang adil dan mencadangkan kawasan pilihan raya yang seimbang dari segi bilangan pengundi selaras dengan prinsip satu orang satu undi. Perkara ini tertentu kerana ia merujuk kepada tindakan SPR untuk yang tidak melaksanakan pendengaran awam kepada lebih daripada 100 kumpulan pembantah. Syor dua, proses persempadanan semula. Perkara ini berkehendak disegerakan kerana laporan persempadanan semula akan dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen Malaysia. Saya jangka sekarang akan bermula. Perkara ini berkepentingan untuk orang ramai kerana persempadanan semula akan memberi impak besar terhadap keadilan proses pilihan raya yang akan datang.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang terhormat sekalian saya telah menerima dan mempertimbangkan usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati tiga syarat yang diperuntukkan didalam peraturan 17, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan iaitu ia adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian menurut peraturan 17 (3) (a), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan, saya dengan ini menempohkan usul ini sehingga 2.30 petang hari ini. Silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembang ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan Bukit Antarabangsa untuk memberi penjelasan .

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pada pagi ini saya mengambil bahagian untuk memberikan pencerahan dan penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri dalam perbahasan selama dua hari ini. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah mengambil tanggungjawab untuk menjadikan Dewan Negeri Selangor sebagai tempat bagi kita membahaskan dan membincangkan perkara-perkara yang dapat secara kolektif kita usahakan untuk membangunkan Negeri Selangor dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya. Saya mengambil perhatian di atas pandangan, nasihat dan kritikan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya yakin pandangan, nasihat yang diberikan itu pastinya dengan tujuan untuk bersama membangunkan negeri ini. Saya juga mengambil maklum tentang nasihat dan peringatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang dan juga Yang Berhormat Sabak di mana kita melihat Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor berpegang kepada prinsip keadilan kepada semua kaum kerana keadilan yang diberikan ini, pastinya akan menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Dan ini juga selaras dengan tuntutan di dalam Islam yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sabak semalam.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

di mana kita harus memberikan kebaikan dan keadilan kepada semua. Dalam Belanjawan 2018, saya dan pimpinan mengajak semua pihak supaya melihat sekali lagi kepada peringatan Allah SWT di dalam Al-Quran,

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ ﴾

di mana kita dituntut untuk berlaku adil dan juga membuat ihsan. Keadilan tidak mengenal warna kulit, agama dan budaya. Begitu juga dalam melaksanakan ihsan dan kebajikan. Melalui program inisiatif peduli rakyat, kita berusaha sedaya upaya kita untuk memberikan kebaikan dan keadilan kepada semua.

Yang Berhormat Sabak juga mengingatkan supaya perpaduan harus bermula di dalam Dewan. Saya amat bersetuju di mana perpaduan harus dipupuk di kalangan kita sebagai pemimpin supaya kita dapat memberikan contoh teladan yang terbaik kepada rakyat di luar sana bahawa walaupun kita berbeza pandangan dan ideologi politik, tetapi kita memikul satu tanggungjawab yang cukup besar untuk memastikan peranan kita sebagai Ahli Dewan Negeri ini dapat mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat yang rencam di dalam Negeri Selangor. Saya sendiri secara ikhlas telah berusaha untuk menyambut baik pandangan dan teguran tersebut. Sebab itulah, di dalam Dewan

28 MAC 2018 (RABU)

Negeri ini juga, saya mengambil ketetapan dua tahun yang lepas untuk memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri pembangkang (**TEPUK**) iaitu 12 Ahli Dewan Negeri di kalangan wakil-wakil rakyat UMNO. Ini tidak berlaku di negeri-negeri yang lain, termasuk di dalam Parlimen sendiri. Tetapi saya melihat oleh sebab mereka juga dipilih oleh rakyat Negeri Selangor melalui satu sistem demokrasi, maka mereka juga berhak mendapat peruntukan bagi mewakili rakyat di kawasan masing-masing. Sudah tentulah peruntukan ini harus diberikan secara adil dan telus untuk menjayakan hasrat, dasar dan program Kerajaan Negeri. Saya juga seperti yang saudara Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam sidang media pembangkang, saya sempat hadir bersama untuk mendengar sendiri kritikan-kritikan mereka. Saya tidak mengganggu sidang media tersebut. Tetapi saya mendengar dengan tekun. Mungkin ada perkara-perkara baru yang hendak dibangkitkan. Tapi seperti biasa, tidak ada perkara baru yang dibangkitkan kecuali banyak perkara yang diputarbelitkan. Sehingga Yang Berhormat Dengkil pun, bila melihat saya hadir tu, dia rasa malu dan dia tunduk sepanjang persidangan media. (**TEPUK**). Saya.....

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Itu tak betul tu.. tak betul tu.. fake news tu.. saya pandang..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tapi pandang dengan rasa malulah... tapi saya masih sabar, tekun mendengar dan saya kira perkara-perkara ini boleh kita jawab dengan baik dan berhemah. Jadi pokoknya, saya ingin menyatakan di sini, saya sering mengambil pendirian bahawa membingkai muafakat ini adalah tanggungjawab besar supaya perpaduan yang utuh ini dapat kita jadikan asas untuk terus memajukan Negeri Selangor. Antara perkara yang dibangkitkan juga ialah program yang cukup popular, yang mendapat perhatian daripada Duli Yang Maha Tuanku iaitu Kasih Ibu Smart Selangor. Seperti yang kita sedia maklum, dalam rancangan awal program KISS ini, ia bertujuan untuk memberi manfaat kepada 30,000 ibu di dalam Negeri Selangor, sebagai pengiktirafan di atas peranan dan pengorbanan kaum ibu dan wanita di dalam Negeri Selangor di samping memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan bekalan makanan yang berzat untuk anak-anak di rumah. Dan peruntukan awal yang kita telah luluskan ialah sebanyak RM72 juta setahun. Namun, program ini mendapat sambutan yang gemuruh dan cukup baik di kalangan rakyat sehingga pejabat-pejabat Ahli-ahli Yang Berhormat dikerumuni oleh ibu-ibu dan golongan wanita untuk mendapatkan program KISS yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Sehingga 21 Mac 2018, sejumlah 27,923 mewakili 93% penerima yang layak untuk menerima manfaat ini. Sejumlah RM4.3 juta telah dibelanjakan oleh para peserta KISS secara *cashless* di lebih 300 kedai dan pasar raya panel KISS yang telah berdaftar di dalam Negeri Selangor. Maka, menyedari program KISS ini mendapat sambutan yang luar biasa dan positif daripada rakyat Selangor, Kerajaan Negeri pada pagi ini, berbesar hati ingin

mengumumkan bahawa bilangan penerima KISS dinaikkan daripada 30,000 kepada 40,000 ibu di dalam Negeri Selangor. (**TEPUK**).. Dan ini akan melibatkan peruntukan berjumlah RM96 juta. Jadi kalau ada ibu yang belum berdaftar termasuk di Kuang, Semenyih, Permatang, Hulu Bernam, Kota Damansara, Kerajaan Negeri berlapang dada untuk menerima ibu-ibu tersebut sebagai penerima KISS yang saya nyatakan tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin memberikan penjelasan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang. Yang Berhormat Permatang telah menyatakan bahawa saya dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan menghalang pembinaan Langat 2 khususnya Yang Berhormat Kg Tunku. Saya nak nyatakan di sini, Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menghalang ataupun melengah-lengahkan pelaksanaan projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor dan juga pembangunan Langat 2 ataupun projek Langat 2. Cuma saya nak merujuk Yang Berhormat Permatang kepada keputusan Jemaah Menteri Kabinet pada 16 Januari 2008 di mana, kabinet pada ketika itu, pada 16 Januari 2008, tarikh ini penting kerana tarikh ini adalah sebelum pilihan raya umum. Sebelum pilihan raya umum tahun 2008, kabinet telah memutuskan supaya KDEB ditawarkan kontrak pembinaan pakej utama secara rundingan terus selepas syarikat perunding yang dilantik oleh PAAB, menyiapkan kerja reka bentuk kejuruteraan dan mengemukakan anggaran kos keseluruhan projek Loji Rawatan Air Langat 2. Yang kedua, supaya KDEB juga mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, termasuk Loji Rawatan Air Langat 2 yang akan dibina. Ada dua keputusan penting yang dibuat oleh Jemaah Menteri Kabinet pada awal tahun 2008. Tetapi, sebaik sahaja selesai Pilihan Raya Umum tahun 2008, apabila UMNO dan Barisan Nasional kalah di dalam Pilihan Raya tersebut, kabinet menukar keputusan tersebut di mana dalam mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet pada 23 Mei 2018, telah memutuskan supaya pelaksanaan dan pembinaan serta operasi dan penyelenggaraan projek Loji Rawatan Air Langat 2 dibuat secara, diuruskan oleh PAAB. Dan mesyuarat Jemaah Menteri yang sama telah membuat keputusan bahawa keputusannya pada 16 Januari 2008 terbatal dengan sendirinya. Jadi ini antara perkara yang perlu dimaklumkan kepada Dewan ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus memberi penjelasan, saya nak balik sedikit mengenai ucapan awal tadi mengenai Dewan ini tidak pernah membuat halangan . Tapi *hansard* Dewan ini menunjukkan bahawa usul itu dikemukakan, jelas sekali tajuk usul itu ialah “Tidak Memberi Kelulusan Kepada Kerajaan Persekutuan Untuk Membina Langat 2 Selagi Pengambilan Konsesi Air Tidak Dimuktamadkan Dari Segi Kos, Komitmen, Tanggungan Dan Sebagainya.” Ini usul

28 MAC 2018 (RABU)

jelas dibahas, disokong, dibahas dan ramai Ahli-Ahli yang berbahas dalam ini. Ini bukankah satu langkah menghalang pembinaan Langat 2.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang, *I'm coming to that*. Saya hanya memberikan latar belakang terlebih dahulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nanti Yang Berhormat terus ke depan, terlupa yang belakang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Eh, tidak, tidak. Saya harus memberi latar belakang dahulu supaya Yang Berhormat tidak *confused* dalam proses pencerahan ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tidak pernah *confused* pun.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok, jadi izinkan saya memberikan latar belakang mengapa Kerajaan Negeri pada ketika itu, dengan mendapat dokongan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengambil pendirian berkenaan kerana keputusan Jemaah Menteri Kabinet yang berbolak-dalih. Oleh kerana sebelum Pilihan Raya Umum, Jemaah Menteri telah membuat satu keputusan yang memberikan ruang dan peranan besar kepada KDEB sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri untuk memimpin dan menguruskan loji rawatan yang berkenaan tetapi sebaik sahaja UMNO dan Barisan Nasional kalah pada Mei 2008, ada keputusan yang berbeza. Atas sifat itulah maka, saya nak sebut di sini, sejajar dengan keputusan tersebut, Kerajaan Negeri pada ketika itu, di bawah Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim telah mengambil pendirian supaya permohonan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Projek Langat 2 ini hendaklah dibincangkan bersekali dengan penstrukturan industri perkhidmatan air bagi memastikan kedua-dua isu ini dapat diselesaikan secara bersama dan diselesaikan secara menyeluruh. Itu pendirian Kerajaan Negeri pada ketika itu. Maka, pelaksanaan Langat 2 ini tertangguh dan terus tertangguh walaupun MOU antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini telah ditandatangani pada 26 Februari 2014. Walaupun MOU telah ditandatangani pada 26 Februari 2014, Menteri Besar ketika itu, masih lagi menangguhkan pelaksanaan kerja Langat 2 ini dan pada masa yang sama, Yang Berhormat Pelabuhan Klang juga telah mengeluarkan arahan kepada pegawai untuk tidak memberi kerjasama kepada pelaksanaan Projek Langat 2. Itu rekod yang kita ada.

Namun, yang saya nak beri penjelasan kepada Yang Berhormat Permatang adalah sebaik sahaja saya diberikan amanah untuk mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri pada 23 September 2014, isu penstrukturan air dan pembangunan Loji Rawatan

28 MAC 2018 (RABU)

Air Langat 2 merupakan agenda utama yang telah saya berikan secara serius. Maka, setelah beberapa peringkat rundingan dan perjanjian tambahan ditandatangani pada 7 Julai 2015, sebagaimana yang telah saya janjikan, pada 27 Ogos 2015 Kerajaan Negeri yang saya pengerusikan, melalui MMKN telah mengarahkan Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan semua agensi Kerajaan yang terlibat untuk memberikan kelulusan pelaksanaan Projek Langat 2. Sebab, itu janji saya sebaik sahaja selesai penstrukturan air walaupun tidak menyeluruh, baru tiga (3) syarikat, maka pada 27 Ogos 2015, semua kelulusan yang melibatkan isu tanah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, Kebenaran Merancang diberikan kelulusan. Tetapi Yang Berhormat Permatang, ada satu lagi isu yang agak kritikal pada ketika itu, di mana apabila kelulusan Langat 2 dikeluarkan, pihak PAAB telah memaklumkan terdapat satu lagi kekangan untuk melaksanakan Projek Langat 2 iaitu ia melibatkan penyediaan tanah bagi pembangunan *Sludge Facility*. Pada awalnya, PAAB telah mengenal pasti sebidang tanah sebagai tapak yang sesuai untuk pembangunan *Sludge Facility* untuk Projek Langat 2 dan difahamkan bahawa sudah ada persetujuan dengan Pihak Berkuasa Negeri supaya jangan diberi sebarang kelulusan aktiviti pembangunan tanah termasuk perubahan zon dan syarat guna tanah. Oleh kerana PAAB telah mengenal pasti sebidang tanah bagi tujuan *Sludge Facility*, ada persetujuan bersama di antara PAAB dan Pihak Berkuasa Negeri supaya jangan memberikan sebarang kelulusan terhadap aktiviti pembangunan tanah tersebut. Namun, Yang Berhormat Pelabuan Klang pada ketika itu, sebagai Menteri Besar telah memberikan kelulusan kepada pemilik tanah untuk menukar syarat tanah tersebut sehingga menyebabkan nilai tanah itu meningkat tinggi. Maka akibat daripada kelulusan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pelabuan Klang pada ketika itu, pihak PAAB tidak dapat meneruskan permohonan pengambilan balik tanah kerana nilai pampasan tanah yang terlalu tinggi dan inilah antara punca utama kelewatan pembangunan dan penyiapan pembinaan Loji Langat 2. Walau bagaimanapun, isu tanah *Sludge Facility* ini telah pun diselesaikan oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja tapak baru dikenal pasti oleh PAAB. Sehubungan dengan itu, sekiranya kita teliti perkara-perkara yang saya sebut tadi, isu kelewatan Langat 2 di bawah pimpinan semasa Kerajaan Negeri tidak berlaku. Sebaik sahaja saya diberikan tanggungjawab, kelulusan tanah, Kebenaran Merancang diberikan, tapak baru untuk *Sludge Facility* kita luluskan. Jadi sepatutnya perkara ini tidak dibebankan kepada pentadbiran hari ini kerana kita melihat, ini adalah kerjasama yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dengan Negeri untuk menyelesaikan isu air di dalam Negeri Selangor.

Tetapi ada perkembangan yang terbaru Yang Berhormat Permatang. Walaupun Loji Rawatan Air Langat 2 telah siap separa dan boleh mengeluarkan air sebanyak 565 juta liter sehari, malangnya Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan baru dalam dua (2) minggu yang lalu pada 20 Mac 2018, lebih kurang..... hari ini 28, lebih kurang

lapan (8) hari yang lalu di mana Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan air terawat yang dikeluarkan oleh Loji Rawatan Air Langat 2 dibekalkan oleh Air Selangor kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Perkara ini saya nak sebut secara terang, dijelaskan oleh wakil KeTTHA di dalam Mesyuarat Pemantauan Projek Langat 2 yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri pada 20 Mac 2018 yang memaklumkan akan keputusan Jemaah Menteri yang memutuskan bahawa pengoperasian Loji Langat 2 secara separa sebanyak 565 juta sehari kepada Air Selangor ditangguhkan. Jadi saya harap dengan titah Tuanku Sultan baru-baru ini, di mana Tuanku telah menitahkan supaya Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri menyelesaikan isu ini di dalam semangat *Federalisme*. Yang ini ditekankan oleh Tuanku sendiri walaupun pihak media tidak melaporkan hanya menyebut Tuanku titah isu air dimuktamadkan. Namun, Tuanku secara jelas menyebut dimuktamadkan dalam semangat *Federalisme* yang membawa maksud Kerajaan Persekutuan ada tanggungjawab terhadap Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan. Maka, marilah kita duduk berunding untuk memuktamadkan perkara ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan sikit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasihlah, Yang Berhormat Menteri Besar. Apa yang disebut yang terkini itulah perkara baru dalam Dewan ini di mana kami pun tidak boleh access keputusan Kabinet. Yang mana saya pun bukan nak memanjangkan perdebatan, itu tidak ada di dalam pengetahuan. Jadi tidak adil di bawa dalam Dewan ini kerana Yang Berhormat juga Ahli Parlimen yang sepatutnya perkara ini berbahas di dalam Parlimen. Apakah Yang Berhormat sendiri bawa perkara ini sebab kelulusan ini dimaklumkan pada 20 Mac dan waktu itu saya fikir tengah rancak perbahasan mengenai air di Parlimen. Apakah Yang Berhormat ada kemukakan penghujahan itu? Itukan lebih adil sebab di sini bukan tempatnya sebab kami tidak ada access untuk keputusan-keputusan Kabinet ini. Jadi saya nak minta adakah Yang Berhormat adakah bawa perkara ini di dalam Parlimen? Sama ada Parlimen Permatang Pauh bawa perkara ini supaya boleh dapat jelas dan boleh dijawab oleh Menteri yang berkenaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang, saya melihat Yang Berhormat Permatang adalah wakil rakyat Negeri Selangor. Sepatutnya Yang Berhormat kena mempertahankan kepentingan rakyat di dalam Negeri Selangor. Bukan mempertahankan Menteri atau pun mempertahankan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat mewakili rakyat di Permatang. Harus menggunakan Dewan yang

mulia ini untuk mengemukakan gesaan terhadap Kerajaan Persekutuan atas maklumat-maklumat yang telah diberikan supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyelesaikan dengan segera. Saya telah memainkan peranan saya di dalam Dewan Rakyat untuk membangkitkan perkara-perkara ini supaya dapat diselesaikan termasuk isu pengambilalihan SPLASH yang saya bertegang leher dengan Yang Berhormat Menteri atas sikap beliau yang tidak *gentleman* dan enggan memberikan penilaian bebas yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi untuk menyatakan saya tidak membawa suara rakyat Selangor dalam Dewan Rakyat, itu tidak adil. Pokoknya, Yang Berhormat Permatang yang tidak mempertahankan suara rakyat Selangor bagi kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Itu yang saya nak nyatakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan sedikit. Dalam hujahan saya tadi, saya tak pun menyatakan bahawa saya mempertahankan atau pun tidak. Saya juga bersikap terbuka mengenai perkara yang baik untuk rakyat di Negeri Selangor. Tetapi soalnya perkara baru yang ditimbulkan pada pagi ini amatlah tidak adil kerana kita baru mengetahui perkara ini. Saya tanya apakah Yang Berhormat sendiri bawa isu mengenai keputusan Kabinet tadi, jangan soal *money splash*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Perkara ini tidak adakah dibawa dalam Parlimen? Saya sendiri akan semak *hansard* Parlimen nak buktikan Yang Amat Berhormat ada betul bawa atas nama Ahli Parlimen Gombak dan juga Menteri Besar bawa usul atau pun membawa perkara ini. Saya akan semak di *hansard* Parlimen juga. Jangan sebut pasal SPLASH, *SPLASH is the different issue*. Nak bercakap perkara Yang Berhormat sebut tadi adakah di bawa dalam Parlimen supaya dalam pengetahuan Kabinet dan Perdana Menteri boleh jawab sendiri sebagai Pengerusi Kabinet.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang. Ok duduk. Yang Berhormat Permatang, apakah benda ini tidak adil untuk saya kemukakan? Ini satu perkara yang baru yang perlu saya kemukakan kepada Dewan. Ini perkembangan yang terbaru yang sudah tolong, tolong dengar. Istilah Yang Berhormat.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan, maksud saya tak salah, tak salah terangkan dalam Dewan, tetapi apakah tindakan Yang Berhormat di Parlimen? Itu yang saya nak tanya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Permatang, duduk dahulu Yang Berhormat.

28 MAC 2018 (RABU)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini satu perkembangan terbaru. Yang saya bawa dalam soalan yang dikemukakan oleh Sungai Panjang sebagai Ahli Parlimen di sana ialah soal industri perkhidmatan air, pengambilalihan SPLASH. Jadi, itu bukan dalam sesi perbahasan. Saya tidak mengikuti dan terlibat dalam sesi perbahasan kali ini. Ketika Menteri menjawab ialah soalan spesifik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Besar tentang pengambilalihan Syarikat SPLASH. Maka itulah saya gunakan forum itu untuk mempertahankan hak Kerajaan Negeri dan juga rakyat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sikit lagi Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, saya nak tanya, terangkan kepada Dewan ini. Adakah Yang Berhormat pada bila-bila waktu pun dalam Parlimen pernah menyatakan perkara ini, isu mengenai tidak diberi kebenaran. Itu sahaja, kalau ada atau pun tak ada, dari segi perbahasan ke?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Secara khusus, ini perkara baru tetapi daripada awal, prinsip saya ialah keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri Kabinet mesti dipertahankan. Jangan ditukar semata-mata kerana UMNO dan Barisan Nasional kalah dalam pilihan raya. Sebab itulah, mahu tidak mahu, Yang Berhormat Pelabuhan Klang dengan mendapat dokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mempertahankan untuk tujuan kepentingan negeri. Saya tidak mahu Yang Berhormat berdolak dalih dalam Dewan ini dan cuba memutar-belitkan kenyataan. Prinsip ini.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tidak berdolak dalih. 20 hari bulan maklumat Yang Berhormat. 20 hari bulan 8 dah dalam pengetahuan Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER: Ya, itu adalah maklumat terbaru yang ingin disampaikan kepada Dewan ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tapi Menteri Besar dah tahu lebih awal.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : 20 Mac, mesyuarat. Saya dimaklumkan kemudian.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Beberapa hari bulan Yang Berhormat? Itu penting.

28 MAC 2018 (RABU)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jangan nak main tarik, berpegang kepada prinsip. Kenapa Yang Berhormat Permatang nak mempertahankan syarikat daripada mempertahankan rakyat yang di bawah?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jangan, jangan pusing ayat? Tak ada sebab fakta itu penting Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Mengapa Yang Berhormat nak mempertahankan *kleptocrat* daripada mempertahankan Dewan yang mulia ini? Yang pilih bukan *kleptocrat*, yang pilih Yang Berhormat adalah pengundi di Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Masalahnya Yang Berhormat nak putar-belit fakta ini, nak pusing nak gunakan Dewan ini. Itu sahaja. Tak boleh hujah. Yang Berhormat tak bertanggungjawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat duduk. Nak sambung?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya tak nak, saya tak nak layan dah. Nak sambung. Sebab saya nak dedahkan sekali lagi bagaimana Yang Berhormat Permatang ini lebih berminat dengan tauke, dengan syarikat, daripada mempertahankan hak rakyat. Saya nak jawab perkara yang kedua, mengapa kononnya, saya dan Kerajaan Negeri melengah-lengah pengambilan SPLASH. Itu yang dibuat dalam sidang media, saya telah nyatakan bahawa Kerajaan Negeri yang di bawah Yang Berhormat Pelabuhan Klang, yang sekarang ini menjadi sahabat baik Permatang, pernah menulis surat bertarikh 15 Julai 2009 membuat tawaran kepada SPLASH bernilai RM2.975 bilion dan 20 Julai 2009, lima hari kemudian, pihak SPLASH telah menerima tawaran Kerajaan Negeri. Kemudian, persetujuan SPLASH ini menerima tawaran Kerajaan Negeri telah dimaklumkan kepada Kementerian melalui surat bertarikh 15 Oktober 2009. Persoalannya ialah Yang Berhormat Permatang yang sebut semalam, memang benar Pelabuhan Klang menulis surat, dia tidak nafikan tapi katanya ini cerita lama. Ini bukan soal cerita lama dan cerita baru. Bagi seorang pemimpin yang bertanggungjawab, Kerajaan yang berintegriti, sebelum membuat tawaran sudah tentulah sudah selesai proses perundingan. Kita tidak boleh membuat sebarang tawaran secara bertulis tanpa ada perundingan dengan semua pihak yang terlibat. Baik, persoalannya saya nak beritahu, nilai pengambilalihan SPLASH yang ditawarkan kali kedua oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang adalah RM250 juta sahaja sungguhpun, saya sebut tadi, beliau pernah menawarkan RM2.975 bilion pada Julai 2009. Apakah Yang Berhormat Permatang sedia maklum bahawa tawaran kedua yang bernilai RM250 juta yang ditawarkan kepada SPLASH adalah bersamaan dengan 10% daripada nilai buku? Sedangkan, ini Yang Berhormat Permatang kena ambil

28 MAC 2018 (RABU)

maklum, tawaran kedua yang dibuat oleh Tan Sri Khalid Ibrahim kepada Puncak Niaga Holdings Berhad bersamaan dengan 81% daripada nilai buku. Di mana keadilannya? Saya tidak mahu mempertahankan mana-mana syarikat tetapi Puncak Niaga Holdings Berhad diberikan tawaran 81% daripada nilai buku. SPLASH diberikan 10% daripada nilai buku. Tetapi Yang Berhormat Permatang juga sampai hari ini enggan memaklumkan kepada rakyat Selangor, selain daripada Puncak Niaga Holdings Berhad mendapat 81% nilai buku, Yang Berhormat Pelabuan Klang juga telah menyerahkan *non water asset* bernilai RM533 juta dipulangkan balik kepada Puncak Niaga Holdings Berhad. Akhirnya, duduk dahulu. Saya nak habiskan jangan ganggu. Akhirnya, jumlah yang diterima oleh Puncak Niaga Holdings Berhad bukannya RM1.55 bilion tetapi Puncak Niaga Holdings Berhad yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali Ismail, kroni UMNO, pernah menjadi Bendahari UMNO Selangor di bawah kepimpinan Tan Sri Muhammad bin Muhd Taib, dia mendapat RM2.083 bilion bersamaan dengan 109% dari nilai buku. Di mana prinsip keadilan di dalam konteks ini? Apabila kita mengambil alih sesebuah syarikat, sudah tentulah kita mengambil semua aset dan juga *debt* atau pun hutang tetapi ini, *non water asset* termasuk bangunan Wisma Rozali di Shah Alam, tanah-tanah yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali, mengapa Tan Sri Khalid menyerahkan secara sulit kepada Tan Sri Rozali bernilai RM533 juta? Mengapa Permatang tidak membangkitkan perkara ini di dalam dewan?

Y.B.DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak jelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Duduk. Sekarang saya tengah menjawab perbahasan, saya belum habis.

Y.B.DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi ruang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti dulu.

TUAN SPEAKER: Kemudian Yang terhormat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi ruang, saya nak tanya dulu Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi ruang.

TUAN SPEAKER: Nanti dulu

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti dulu.

28 MAC 2018 (RABU)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau tidak bagi ruang saya cari yang lain.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pergi media. Kalau tidak dengar penjelasan saya, boleh keluar.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya boleh dengar.

TUAN SPEAKER: Permatang, YB tidak benarkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pergi keluar.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta penjelasan sedikit boleh.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak boleh sekarang.

TUAN SPEAKER: Tidak boleh sekarang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tunggu nanti.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bila Yang Berhormat Permatang semalam menggunakan dewan melemparkan fitnah, saya dengar dengan tekun, saya tidak menyergah atau mengherdik tetapi berilah peluang Kerajaan Negeri beri penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat janganlah sebut fitnah, saya berhujah dalam dewan ini, ini bukan fitnah, Speaker boleh betulkan tak.

TUAN SPEAKER: Biar Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawab, Yang Berhormat boleh tanya kemudian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak beri penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sabar Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya minta dewan yang mulia ini, cuba kita perhatikan betul-betul, dengan hati yang tenang, dengan berlapang dada, di mana

keadilan? Daripada RM2.975 bilion boleh turun kepada RM250 juta, apa sebabnya? Tan Sri Rozali, daripada nilai yang rendah tiba-tiba mendapat 109% dari nilai buku. Di mana kewajarannya? Sebab itulah, SPLASH menolak tawaran yang kedua kerana mereka tidak dapat menjawab kepada pemegang-pemegang saham yang merupakan pemegang saham antarabangsa. Bukan, sekali lagi bukan saya nak mempertahankan mana-mana syarikat. Oleh kerana itulah, prinsip saya, bila saya diberikan tugas ini, saya mengambil keputusan untuk melantik penilai bebas untuk menentukan harga pengambilalihan yang wajar. Saya tidak mahu saya tentukan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Pelabuan Klang. Kalau saya menentukan harga itu, saya pasti, Yang Berhormat Permatang, Semenyih, Kuang, Dengkil, Sungai Burong akan bangkit menyerang saya. Maka, untuk berlaku ketelusan, kita melantik penilai bebas dan penilai bebas ini dilantik pada bulan Julai 2015 untuk membuat dan menentukan nilai yang adil bagi rakyat dan juga, untuk makluman dewan ini, hasil penilaian ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan pada 30 Jun 2016. Maksudnya, bila kita buat penilaian bebas, kita terima laporan, saya tidak sorok, saya serahkan kepada Kementerian pada Jun 2016 kerana Ahli-ahli Yang Berhormat kena ingat, penstrukturan industri air ini walau pun dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk menyerahkan aset kepada PAAB dengan nilai yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Maka, ini saya nak menjawab tuduhan jahat Zaini Ujang, kononnya dia menyatakan dalam kenyataan, RM10 bilion dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Permatang RM10 bilion itu adalah jumlah keseluruhan peruntukan penstrukturan semula yang telah dipersetujui sebelum ini sebanyak RM9.65 bilion tetapi ini bukan jumlah pembangunan infrastruktur perkhidmatan air di dalam Negeri Selangor. Jangan putir belit wahai Zaini Ujang. Itu adalah jumlah penstrukturan keseluruhannya tetapi yang setakat ini, Kerajaan Persekutuan baru beri pinjaman RM681 juta sahaja dan bukannya RM10 bilion. Pertama, mitigasi 1, RM90 juta, mitigasi 2, RM327.8 juta, SYABAS untuk projek NRW, RM151 juta, kemudian mitigasi 3, menambah baik loji Langat dan menambah baik 8 buah pam SYABAS RM48.18 juta dan ada yang kedua RM42.18 juta, jumlah keseluruhan RM681.16 juta bukan RM10 bilion. Sebab itulah, bila kita dah buat penilaian bebas, kita serah kepada Kementerian kerana saya tahu pembiayaannya akan dibuat oleh Kementerian melalui PAAB kami akan serahkan aset. Kalau yang dinilai itu RM1 bilion, kami akan berikan RM1 bilion aset. Jangan ingat kami dapat percuma daripada Zaini Ujang. Kami tidak dapat dan kami kena serahkan aset padahal kami kena bayar pula pajakan untuk menyewa kemudahan-kemudahan itu kelak untuk Air Selangor menggunakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti, maka kita serahkan laporan ini kepada Kerajaan Persekutuan Jun 2016. Kerajaan Persekutuan 4 bulan kemudian melalui

surat KETTHA pada 17 Oktober 2016 memaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 5 Oktober 2016 berpandangan bahawa pihak penilai bebas antarabangsa perlu dilantik bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH yang adil. Ini surat kementerian atas arahan Jemaah Menteri Kabinet. Bagi kami, itu satu tindakan yang baik sebab Kerajaan Negeri sudah mendahului Kerajaan Persekutuan. Kita buat terlebih dahulu melantik penilai bebas supaya penilaian yang dibuat itu adalah adil kepada rakyat dan juga kepada syarikat. Namun, apabila Kerajaan Persekutuan mengambil langkah yang sama, saya kira itu perkara yang baik dan saya syukur. Maka, Kerajaan Persekutuan pun melantik. Maka, untuk menyempurnakan penilaian bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan, mereka melanjutkan lagi tempoh rundingan ini. Maka, pada 6 April 2017 memandangkan rundingan pengambilalihan SPLASH ini belum dimuktamadkan, Kerajaan Persekutuan sekali lagi telah melanjutkan tempoh rundingan selama 6 bulan sehingga 5 Oktober 2017. Selepas 2017 tidak selesai juga maka disambung lagi sehinggalah tarikh yang akhir sehingga 4 Julai 2018. Namun, Yang Berhormat Permatang, sehingga hari ini, Kerajaan Negeri belum lagi menerima salinan atau laporan penilaian bebas yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk kami duduk dan berbincang apakah nilai yang baik untuk ditawarkan kepada SPLASH. Apakah itu satu kesalahan? Apakah itu satu pengkhianatan? Mengapa Yang Berhormat Menteri menggunakan Parlimen untuk menyerang saya sebagai *spinless*. Bagi saya yang *spinless*, adalah Menteri sendiri. Saya, sekurang-kurangnya ada tanggungjawab melantik penilai bebas dan kongsi bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Yang *spinless* adalah Menteri KETTHA, yang tidak ada tulang belakang dan menyorokkan laporan tersebut daripada dikongsi dengan Kerajaan Negeri. Yang ini patutnya dipertahankan oleh Yang Berhormat Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang ini patut dipertahankan oleh Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jangan mudah kerana nak dapat kerusi dalam satu atau dua minggu yang akan datang bersekongkol dengan penyangak dalam Kementerian di Putrajaya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Dengkil, Yang Berhormat nak bagi Dengkil ke Permatang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bagi Dengkil.

TUAN SPEAKER: Dengkil sila.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas penjelasan tadi saya mendengar juga dengan teliti tetapi apa yang saya nak maklumkan di sini dan juga minta penjelasan. Bahawasanya isu penstrukturan semula air ini ialah atas dasar "*willing buyer/ willing seller*," yang nak membelinya Kerajaan Negeri dan yang nak menjualnya SPLASH. Jadi saya rasa kita perlu tahu bahawasanya keputusan akhir di tangan Kerajaan Negeri. Apa perlu minta Jawatankuasa penilai bebas oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri harus namakan dan itulah yang disebutkan oleh Permatang semalam Kerajaan Negeri perlu menamakan terus bernegosiasi atau berunding dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya kata atas dasar "*willing seller/ willing buyer*" itu adalah hak dan keputusan Kerajaan Negeri. Minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, kalau Yang Berhormat Dengkil ada ruang untuk merujuk kepada "*master agreement*" yang ditandatangani oleh ketiga-tiga parti bukan parti politik maknanya Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri dan juga syarikat konsesi disebut secara jelas bahawa Kerajaan Persekutuan adalah *to facilitate* bagi menyempurnakan penstrukturan industri air. Ini peranan Kerajaan Persekutuan pun ada. Ia akan membiayai penstrukturan itu melalui PAAB. Jadi peranannya ada. Saya menghormati peranan tersebut. Maka, gunakanlah peranan itu secara bertanggungjawab, jangan mempolitikkan. Itu saja harapan saya kepada Kerajaan Persekutuan. Kalau dia boleh serahkan. Sebab apabila syarikat yang dilantik jemaah kabinet selesai melakukan penilaian bebas, mereka telah bantangan kepada kabinet pada Mei 2017. Sudah hampir satu tahun kabinet telah meneliti laporan tersebut tetapi persoalannya mengapa jemaah menteri kabinet menyorokkan laporan tersebut. Itu saja persoalan saya. Kalau boleh serahkan pada Kerajaan Negeri esok, kita boleh lihat, teliti dan runding dan bincang dan muktamadkan seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi kalau Tuanku dah titah pun Permatang degil, kita tahulah siapa sebenarnya yang khianat kepada Raja-Raja Melayu dalam negara ini. Yang Berhormat Tuan Speaker...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tadi dah bagi dah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, semalam saya berhujah, Yang Berhormat nak mencelah saya izinkan. Yang Berhormat, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri Besar. Dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri Besar beri dari awal saya meneliti dan saya sangat-sangat konsisten dengan isu air

daripada 2010, 2011 sampai hari ini. Bila yang Berhormat menyalahkan Pelabuhan Klang itu urusan peribadi antara bekas Menteri Besar dengan Menteri Besar yang lama. Itu tak ada urusan. Bagi peluang saya habiskan dulu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jangan anggap ini soal peribadi. Sebab tindakan beliau ketika itu adalah sebagai Menteri Besar Selangor maka saya perlu dan bertanggungjawab untuk berkongsi fakta dengan Yang Berhormat Permatang yang sekarang menjadi sahabat baik Pelabuhan Klang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sama ada Pelabuhan Klang atau Bukit Antarabangsa dua-duanya daripada parti yang sama. Tak ada isu bagi saya. Kita pembangkang dah dua penggal. Kerajaan yang sama. Cuma tukar Menteri Besar. Maknanya kebobrokan itu daripada Pakatan Rakyat dulu sekarang Harapan. Yang Berhormat juga melindungi fakta bahawa penawaran RM2.975 bilion tuan kena tengok balik sejarah dia bagaimana dalam perjanjian asal keempat saya terangkan semalam keempat-empat pemegang konsesi kena bersetuju kalau satu dapat tawaran yang dua tidak bersetuju maknanya no deal. Sekarang ini RM2.97 itu diterima oleh pihak SPLASH tetapi pihak ABBAS dan pihak-pihak Puncak tidak bersetuju. Maka kita jadi tawaran harga itu dan terluput. Baik, yang kedua. Saya juga mengikuti mengenai *non water asset* yang kononnya diserahkan. Saya sebenarnya tidak boleh jawab bagi pihak beliau tapi saya perlu tahu sebab saya pun ambil maklum mengenai perkara ini yang dikatakan hampir RM533 juta. Yang Berhormat, dalam prinsip kalau kita nak mengambil alih sesebuah syarikat kita kena tahu syarikat itu bukan niaga air saja dia pun ada berniaga perkara lain. Setahu saya, saya juga ada semak dalam website. Puncak Niaga juga berniaga oil and gas. Dia ada berniaga perkara lain. Kita kena ingat kalau Yang Berhormat nak ambil, ambil yang industri air. Puncak Niaga ada *oil and gas* dan ada juga industri lain. Kalau dulu Yang Berhormat Pelabuhan Klang nak ambil juga RM533 dia ambil kena dibayar RM533. Itu bererti Pelabuhan Klang membuat keputusan yang tepat kerana perkara yang bukan *non water asset* kena serah balik pada syarikat itu. Sebab itu Puncak Niaga boleh beroperasi sehingga hari ini kerana itu hak mereka. Kalau Kerajaan Negeri nak bayar kena ikut harga yang sama termasuk RM533 juta. Jadi saya ingat tak perlu dikelirukan dewan ini dan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dah tiga soalan Permatang. Cukup.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pertama... sabar Kuang. Kuang dah confirm seat ke? Hari itu di luar, ada sebut kena garang sekarang sebab nak dapatkan seat. Cuma kalau nak bersuara, bangun Kuang. Minta izin dari Speaker. Jangan ikut Sekinchan. Jangan ikut Sekinchan. Ikut Bukit Antarabangsa. Ikut dalam semua segilah. Baik. Yang pertama, tentang mengapa mesti ada persetujuan semua pihak. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang, pada ketika itu, antara cabaran Kerajaan Negeri ialah untuk meyakinkan SYABAS khususnya, diambil alih oleh Kerajaan Negeri

kerana yang penting adalah SYABAS kerana dia melibatkan pengagihan air. Yang lain adalah syarikat yang merawat air. Kerajaan Negeri pada ketika itu memerlukan persetujuan SYABAS dengan kadar yang segera supaya SYABAS dapat dikuasai oleh Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri dapat memastikan sistem pengagihan air kepada pengguna itu dapat berjalan lancar dan tidak ada gangguan. Itu keutamaan pada ketika itu. Walaupun seperti yang saya nyatakan tadi harga yang kedua yang ditawarkan itu terlalu tinggi, tetapi *offerer* maknanya Kerajaan Negeri pada ketika itu melihat keutamaannya ialah SYABAS mesti dikuasai oleh Kerajaan Negeri. Maka Kerajaan Negeri mengambil pendirian itu pada ketika itu. Dan persoalan yang timbul, kalau itulah pendirian Kerajaan Negeri untuk Puncak Niaga Holdings Berhad dengan bersamaan 109% nilai buku, mengapa prinsip yang sama tidak dilaksanakan kepada syarikat konsesi yang lain. Namun, saya masih berpendirian Kerajaan Negeri ataupun Menteri Besar pada ketika itu, tidak boleh menggunakan kuasanya semata-mata. Harus bertindak secara bebas. Maka, saya mengambil pendirian yang saya nyatakan tadi. Yang kedua, soal *non water asset* ini, Yang Berhormat Permatang kena ingat, bila kita ambil alih Puncak Niaga Holdings ini, kita membeli ekuiti syarikat tersebut. Kita bukan membeli sebahagian daripada asset dan sebahagian daripadanya kita keluarkan. Sebab itu, walaupun yang dibayar kepada SYABAS dan PNSB itu ialah RM1.55 bilion, namun kalau diambil kira aset-aset tanah dan bangunan yang diserahkan balik, ia telah mencecah lebih RM2 bilion. Bagaimana kita membeli ekuiti sesebuah syarikat tetapi syarikat itu bukan sahaja mendapat pulangan tunai daripada hasil penjualan syarikatnya tetapi juga aset juga dikembalikan. Puncak Niaga Sdn. Bhd. adalah syarikat SPV yang khusus untuk pengurusan air. Mengapa Tan Sri Rozali menggunakan pendapatan Puncak Niaga Sdn. Bhd. untuk membeli aset bukan air? Ini persoalan yang mesti dijawab. Itu saja yang saya nak nyatakan dalam dewan ini. Rakyat Selangor terpaksa membayar RM2.08 bilion kepada Puncak Niaga Holdings Berhad dan pada masa yang sama mereka mendapat *non water asset* bernilai RM533 juta. Perkara yang ketiga, Yang Berhormat Permatang bangkitkan, saya punyalah tekun ikuti ucapannya, jawab satu persatu. Tak berlaku di Parlimen ya Permatang. Perdana Menteri tak muncul pun untuk menjawab soalan saya ataupun perbahasan saya. Jadi Yang Berhormat Permatang kenalah berterima kasih sikit pada Kerajaan Negeri ini yang peduli, yang menyantuni Yang Berhormat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya, Yang Berhormat kagum dengan jawapan tetapi waktu Yang Berhormat jadi pengerusi backbencher tak pernah keluar perkataan ini. Tak pernah tegur pun Pelabuan Klang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nama pun backbenchers.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Patut dari dulu bagi teguran. Lama dah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Maknanya ada kemajuanlah. Kita ni kena maju. Tak boleh dulu, kini dan selamanya tak boleh. Dulu backbenchers, hari ini Menteri Besar, minggu depan..... tak apalah jangan cemburu. Saya akan terus kerjasama.

Yang Berhormat Permatang ada membangkitkan, sebab saya ada marah Zaini Ujang ini. Sebab rizab air maka saya memberikan tafsiran yang salah. Sebenarnya Yang Berhormat, saya menjawab kedua-dua persoalan. Rizab air mentah di empangan pun baik. Rizab air terawat pun baik. Tanpa air mentah, mana ada air terawat. Nak rawat air, mesti ada air. Takkan nak rawat air, air tak ada. Dulu marah, empangan kita tak cukup air. Sekarang bila air dah penuh melimpah di semua empangan, *they keep on changing the goal post*. Tak boleh begitu. Alhamdulillah, saya bersyukur semua empangan kita 100%. Itu air mentah. Saya tahu. Takkan la saya tak tahu mana mentah, mana rawat. Cuma rizab air terawat pun bagus. Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Selangor ini penentuan rizab bekalan air terawat adalah menggunakan kapasiti boleh agih. Ingat ya. Bukan *design capacity*. Dia panggil *distributable capacity*. Ini yang Zaini Ujang tak faham. Dan perkara ini sebenarnya diputuskan dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui surat bertarikh 22 Mac 2016. Dengkil tak nak tanya soalan tambahan? Kejap lagi ya. Melalui surat SPAN bertarikh 22 Mac 2016, SPAN memaklumkan bahawa kapasiti boleh agih di Negeri Selangor ini telah digunakan sejak bulan Disember 2013. Saya bawa surat SPAN. Apa SPAN kata pada 22 Mac 2016? Dia tulis surat kepada En. Suhaimi Bin Kamaruzzaman, Pengurusan Air Selangor. SPAN telah menggunakan kapasiti boleh agih ataupun *distributable capacity* bekalan air terawat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 4781 juta liter sehari sejak bulan Disember 2013. Penggunaan kapasiti tersebut adalah berdasarkan kepada kemampuan kadar pengeluaran loji dan yang penting komitmen yang telah dipersetujui oleh semua operator loji rawatan air di Negeri Selangor. Jadi ini surat SPAN, now saya dapat menghidu kemungkinan SPAN tidak memberi taklimat kepada Zaini Ujang. Sebab dia tahu, Zaini Ujang ni orang politik. Ketua UMNO Bahagian KeTTHA. Sebab itu, SPAN pun sebagai badan yang profesional, tak guna nak beri taklimat kepada pegawai seperti ini. Sebab itu elok dihumbankan saja dalam empangan. Saya guna istilah itu kerana bagi saya beliau bukan sekadar Ketua Setiausaha tetapi beliau adalah *regulator* peranannya penting. Sekarang ini, Yang Berhormat Permatang tengok, setiap hari berhijrah ke negeri yang lain menyerang Selangor. Ini peranan siapa? Baru-baru ini di Perak kemudian dia ada di beberapa negeri tujuannya semata-mata untuk menyerang Kerajaan Negeri Selangor. Kalau betul dia berminat politik, Yang Berhormat Permatang berilah laluan Permatang kepada beliau. Yang Berhormat pun dah banyak penggal. Cukuplah. Bagilah muka baru. Biar orang Selangor tengok nak hukum Azmin atau nak hukum Zaini Ujang. Saya percaya rakyat Selangor akan mempertahankan saya kerana saya mempertahankan rakyat Negeri Selangor pada hari

28 MAC 2018 (RABU)

ini. Saya bukanlah marah Yang Berhormat. Saya marah Zaini Ujang. Jadi tak payah tanya soalan tambahan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak ucap terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Duduk dulu. Takkan nak wakil Zaini Ujang pula. Berdasarkan kepada kapasiti boleh agih ataupun *distributable capacity*, rizab simpanan air terawat di Negeri Selangor pada awal tahun 2018 adalah pada kadar 3.68%. Bila siap Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang baru-baru ini siap pada 1 Mac telah meningkat kepada 5.4% dan apabila siapnya Loji Langat 2 meningkat kepada 9.52% dan bila siap Labohan Dagang, maka pada awal tahun 2019, *reserved* air terawat meningkat kepada 11.82%. Jadi tuduhan Zaini Ujang itu adalah jahat dan tidak berasas dan Dengkil boleh balik sekarang juga, pergi jumpa Zaini Ujang, terangkan fakta yang sebenarnya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Boleh, boleh saya mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Hendak minta balik boleh (Dewan ketawa).

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya bukan hendak mewakili Profesor Dr. Zaini Ujang. Beliau ini KSU Kementerian Tenaga Dan Air dan beliau juga merupakan pakar Profesor dalam bidang air. Apa salahnya, apalah kiranya yang masalah sekarang ini Kerajaan Negeri ini tak hendak berunding, tak hendak panggil sama-sama bincang, panggil Zaini Ujang, ini tiba-tiba hendak terus campak ke lombong. Yang Amat Berhormat Menteri Besar panggil bersua muka Zaini Ujang, bertukar-tukar pendapat. Dia ini pakar dalam bidang air. Apa salahnya, apakah kiranya kalau daripada di campak dalam lombong, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sama-sama panggil ke pejabat Menteri Besar. Saya percaya dia akan datang dan memberikan pandangan-pandangan sebagai seorang pakar dalam bidang ini, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau Yang Berhormat Dengkil boleh *initiate the meeting*, saya sambut.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya akan sampaikan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tapi *make sure* Yang Berhormat menang dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Insya-Allah.

28 MAC 2018 (RABU)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebagai wakil rakyat boleh bawa Zaini Ujang jumpa saya, ok.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sebelum pilihan raya saya hendak bawa ini, boleh? Saya akan sampaikan. *Make sure* Bukit Antarabangsa menang juga. (Dewan ketawa)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu skrip Semenyih. (dewan ketawa) Janganlah ambil arahan dari Semenyih. Cuba cakap sendiri, ini ambil arahan dari Noh Omar, ambil arahan Permatang. Itu Kota Damansara dah mula bisik-bisik. Tak ada tulang belakang sendiri. Ok dah cukup, cukup, cukup.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kita hendak selesaikan masalah air ini. Kita tak nak politikkan Yang Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Hah, tak nak, tak nak, saya tak nak ya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jadi ini yang terbaik untuk rakyat Negeri Selangor ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi, terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Saya Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker mengambil masa yang agak panjang untuk memberikan pencerahan kepada Dewan yang mulia ini kerana saya lihat isu ini timbul semula semata-mata kerana pilihan raya sudah dekat. Sebenarnya tidak perlu memutar belitkan kenyataan kerana rakyat di bawah sedia maklum apa yang berlaku. Tetapi, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat harus mengambil tanggungjawab ini supaya dengan penjelasan ini dapat turun ke bawah dan memberikan penjelasan kepada rakyat tentang keadaan yang sebenarnya. Kalau tidak, saya lihat tohmahan, fitnah, *fake news* ini semakin teruk. Dalam satu dua minggu ini, isu air, isu Ijok. Ini tidak betul Yang Berhormat Permatang. Ya tapi kena tengoklah apa *contentnya* dulu. Berilah perbincangan terlebih dahulu, tapi tak apa. Itu federal, tapi ya lah walaupun tidak ada pihak yang menyentuh soal Ijok, walaupun sebelum ini BN, UMNO wah, saya akan serang Menteri Besar, isu Ijok. Tapi mudah-mudahan dengan penjelasan yang telah diberikan, mungkin dah ada kesedaran, dah ada keinsafan. Dengkil baliklah ke pangkal jalan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Yang Berhormat Menteri Besar saya tidak ada peluang hendak berbahas. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri Besar hari ini terangkan juga berkenaan isu Ijok itu, ada masa lagi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Simple* sahaja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, Yang Berhormat Menteri Besar sikit lagi. Kalau bolehlah sebelum Yang Berhormat pergi ke isu lainlah, kalau tak menjadi kesalahan kepada Dewan ini, kepada Yang Berhormat Menteri Besar sendiri, isu yang patut di rungkai adalah harga, harga pengambilan SPLASH. Jadi kalau tak menjadi satu yang perkara yang rahsia, boleh jelaskan kepada kami Ahli-ahli Dewan ini berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri, beberapa jumlah sebenar yang ditawarkan. Sebab saya memetik daripada ucapan Menteri KETTHA, sebab saya tidak berbahas di Parlimen. Menteri KETTHA kata bagikan jumlah harga, esok boleh *start* rundingan untuk penyelesaian. Bermakna kalau ikut itu, pada penilaian saya bahawa Menteri tidak ada harga yang ditawarkan. Jadi kalau tidak menjadi kesalahan terangkan kepada kami, Ahli Dewan biar kita tahu. Sebab apa juga harga yang ditawarkan itu ialah harga yang ditanggung oleh rakyat, itu sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri, saya tidak ada halangan untuk berkongsi nilai pengambilalihan syarikat yang berkenaan. Tetapi, bagi saya, ini masih lagi dalam proses rundingan di antara ketiga-tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dengan syarikat yang berkenaan. Maka tidak adil bagi saya mendedahkan harga nilai pengambilalihan apatah lagi ini adalah *public listed company*. Dia akan menjejaskan pemegang-pemegang saham dalam syarikat tersebut. Cuma saya telah berkongsi dengan Kerajaan Persekutuan, itu pokoknya. Saya tidak sorok, saya serahkan kepada Kerajaan Persekutuan, ini penilaian yang kita buat. Bagaimana penilaian kamu, itu disorok. Namun, bagi saya, kalau kedua-dua pihak telah dapat memberikan satu penilaian maka kita boleh duduk segera dan melihat kepentingan rakyat, kepentingan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan untuk melihat perkara ini secara *comprehensive* dan selesaikan. Itu sahaja Yang Berhormat yang saya boleh beri jawapan.

Yang keduanya, baiklah saya hendak ringkaskan llok ini. Yang Berhormat Dengkil tak benar, Kerajaan Negeri memulangkan balik tanah ini kepada syarikat. Syarikat jual dengan harga RM1.18 bilion ringgit, pampasan hanya RM300 juta, Azmin ambil RM800 juta. Jangan, jangan buat fitnah itu, Yang Berhormat Dengkil. Alhamdulillah, dah insaf terima kasih, syukur. Saya bersyukur kepada Allah SWT, Yang Berhormat Dengkil telah pun insaf. Saya bertemu dengan Ahli Parlimen Kuala Selangor, YB Irmohizam di Parlimen. Saya cakap sungguh. Saya cakap, apa ini bising-bising ini, ala aku ini dipaksa oleh Noh Omar buat kenyataan. Ya, tak apalah kalau dia hendak nafikan tapi saya jumpa pula dengan Rahman Dahlan semasa perasmian Parlimen. Dia kata, biasalah Azmin, hendak pilihan raya ini, kita bising-bisinglah sikit. Tak boleh, biarlah

28 MAC 2018 (RABU)

ada fakta, dakwaan Rahman Dahlan itu berpunca daripada satu sahaja, *single confusion*, dia berserabut. Dia anggap tiga-tiga alam ini sebagai satu alam. Dia hendak jelaskan perkara ini Tuan Speaker, tiga alam tapi jangan jadi putar alam. Jadi bila putar alam, dia jadi fitnah. Untuk memudahkan, kalau diizinkan Tuan Speaker, saya bawa ini, semalam lagi saya dah bawa ini. Hah, boleh Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Boleh Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Hah, ini dia. Sebab kadang-kadang kita kena bagi pencerahan. Hah, gantung sini nampak. Ini Yang Berhormat Dengkil, ini namanya Alam Utama. Yang warna pink ini ya, kita tak boleh guna warna merah, tak boleh, warna pink (dewan ketawa).

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Pink itu Puteri, Puteri itu, Puteri UMNO (dewan ketawa).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kota Damansara, Kota Damansara ahli Puteri ke? Ya Allah

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya ada anak puteri, ada anak puteri. Saya ada anak Puteri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau inilah ahli Puteri, ala rosaklah masa depan negara (dewan ketawa). Ok, hijau Kota Damansara, Alam Perdana. Ini warna oren, warna Parti Amanah Negara bukan PAN (dewan ketawa), Alam Mutiara. Ada tiga Alam, bukan satu keping tanah, itu yang pertama. Tiga-tiga Alam ini telah pun ada hak milik oleh peneroka-peneroka dan peserta program PKPS ketika itu tahun 1999, 1998. Tetapi pada tahun 2000, ketika itu adalah Menteri Besarnya siapa, UMNO, Tan Sri Abu Hassan Omar ambil balik kesemua tanah-tanah ini dan serah pada sebuah syarikat yang mana Lembaga Pengarah syarikat ini adalah 2 orang wakil rakyat UMNO. Dah meninggal dah seorang, tak payahlah saya sebutkan tapi itu faktanya. Mengapa rampas pada peserta-peserta ini dan bagi pada syarikat, kemudian syarikat itu berpindah milik kepada orang yang lain, LCBN yang menjanjikan kepada peserta-peserta ini mereka mendapat RM180,000 tunai dan RM180,000 nilai rumah. 18 tahun tak ada dapat duit. Inilah UMNO dan Barisan Nasional, janji ditepati, tepatilah bagi istilah dia. Tak dapat apa, datang pula Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Ini faktanya. Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang sekarang cukup akrab dengan Dengkil apa yang dia lakukan? Dia rampas Alam Perdana yang warna hijau ini. Dia rampas Alam Perdana. Bila dia rampas Alam Perdana maka timbullah pelbagai bentuk saman menyaman daripada syarikat, daripada kreditor, daripada bank. Ada lebih 31 saman

berada di atas Alam Perdana. Pergi ke mahkamah, betul akhirnya mahkamah membuat keputusan sehingga Mahkamah Rayuan ingat, belum sampai Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Rayuan bersetuju bahawa tanah ini boleh dirampas oleh Kerajaan Negeri, sah. Tetapi ingat, ada 2 syarat yang diletakkan oleh Mahkamah. Kerajaan Negeri kena membayar pampasan bukan nilai pertanian, mesti membayar nilai *mix development*. Itu sahaja sudah hampir RM300 juta. Kemudian, Mahkamah juga buat keputusan kena bayar kos infrastruktur. Kos infrastruktur yang telah dibuat oleh syarikat dianggar hampir RM600 juta. Di mana Kerajaan Negeri ingin mendapat wang untuk membayar pampasan-pampasan ini? Tetapi Alam Utama dan Alam Mutiara masih menjadi milik syarikat. Ini bukan milik Kerajaan Negeri. Bila Tan Sri Khalid Ibrahim cuba merampas Alam Utama dan Alam Mutiara, dia gagal. Maka, dua-dua Alam ini masih kekal milik syarikat. Jadi, bila pula Kerajaan Negeri serahkan kepada syarikat. Kita tidak memiliki tanah ini, tanah ini masih milik syarikat, dia hendak bangunan, dia hendak jualkan, itu hak dia. Tetapi apabila kita tahu dia hendak jual tanah tersebut, saya berunding dengan pihak peneroka yang terlibat, kita akan jaga kepentingan mereka di mana kalau *you* hendak *transfer* atau pun pindah milik dua Alam ini, semua tuntutan ke atas Alam Perdana mesti digugurkan. Akhirnya, mereka setuju *global settlement*, tidak ada lagi tuntutan di atas Alam Perdana. 30 saman menyaman itu digugurkan, tidak perlu membayar pampasan yang bernilai *mix development*, tidak perlu membayar kos infrastruktur. Tetapi yang penting Dengkil kena tahu, Kerajaan Negeri dapat balik tanah 1,000 ekar tanpa membayar pampasan bernilai *mix development* kepada syarikat (dewan menepuk meja).

Tetapi pada masa yang sama, peneroka-peneroka yang terlibat itu, mereka diberi jaminan dapat balik RM180 ribu tunai. Dah dapat dah pun. 18 tahun mereka di bawah UMNO, mereka tak dapat, 2 tahun di bawah kami, selesai masalah peneroka (dewan menepuk meja). Bukan sahaja mereka mendapat wang tunai, dah dapat, mereka juga mendapat rumah yang dulu janjinya nilai RM180 ribu, mereka mendapat nilai rumah RM250 ribu walaupun harga semasa adalah RM450 ribu. Maknanya, setiap peneroka yang terlibat mendapat pampasan RM630 ribu. Mengapa UMNO marah dengan saya bila saya tolong 980 peneroka? Mengapa UMNO sanggup menolong syarikat daripada menolong rakyat dalam Negeri Selangor. Saya minta Dengkil, Permatang, Semenyih, Kuang jawab..! Mengapa menggunakan SPRM untuk menyerang saya? Ada pegawai SPRM, ambil nota..! Beritahu dengan Zulkifli Ahmad jangan cuba ugut Kerajaan Negeri. Saya bertekad saya akan tetap mempertahankan rakyat dan peneroka di Negeri Selangor (dewan menepuk meja).

Yang Berhormat Dengkil, kita boleh berbeza politik, kita boleh berbeza pandangan tapi terima hakikat, 980 peneroka. Bila saya bertemu baru-baru ini di Stadium Kuala Selangor, 300 sudah pun meninggal dunia. Dua puluh tahun menunggu, sebahagian

28 MAC 2018 (RABU)

besar daripada mereka datang jumpa saya dalam keadaan berkerusi roda, dalam keadaan yang uzur, menitikkan air mata. Tetapi UMNO sanggup menggunakan SPRM menyerang saya, menyerang Kerajaan Negeri dan sekarang hendak menyerang peneroka-peneroka, mengugut mereka mengapa bersetuju dengan penyelesaian ini. Ini politik apa Yang Berhormat Dengkil? Jangan Yang Berhormat Dengkil, jangan. Kalau benar Yang Berhormat Dengkil sudah insaf, tolong bisikkan kepada Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat, Speaker saya hendak minta penjelasan. Saya ingat ini satu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Permatang minta penjelasan Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dengkil bangun dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas penjelasan tadi. Saya juga menelitinya dengan tekun dan ialah SPRM ini bukan dalam kuasa UMNO. Ini SPRM Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, jangan hendak kaitkan dengan UMNO. Ok yang itu dalam siasatan tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini Yang Amat Berhormat Menteri Besar cuma hendak minta penjelasan bukan hendak cari kesalahan. Harga yang ditawarkan RM1.18 bilion seperti mana yang kita maklum harga ini ditawarkan kepada patutnya Kerajaan Negeri boleh campur tangan. RM1.18 bilion ini ialah lebih kurang RM12.00 sekaki harga di pasaran. Di kawasan sekeliling itu harga pasaran ialah RM35.00 mengapakah Kerajaan Negeri tak campur tangan cari lagi syarikat-syarikat lain, pemaju yang berwibawa Seri Andalas kata sibuk dengan orang kata itu tender terbuka. RM1.18 bilion Yang Amat Berhormat Menteri Besar, RM12.00 bandingkan harga pasaran RM35.00, RM23.00 lagi rakyat Negeri Selangor ini rugi. Kalau kita dapat cari pemaju yang lebih berwibawa bukan saja apa nama, kita boleh mempertahankan hak Negeri Selangor malah rakyat Negeri Selangor, peneroka pun kita boleh bayar lebih. Itu yang saya hendak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kesian Yang Berhormat Dengkil, saya ingat semua pegawai pun boleh tertawakan beliau. Yang Berhormat Dengkil, Alam Utama, Alam Mutiara yang luasnya 2,200 ekar bukan milik Kerajaan Negeri. Kalau tanah itu milik PKNS, kalau tanah itu milik MBI, saya setuju dengan Yang Berhormat. Kita buat RFP, kita dapat tawaran yang baik, nilai yang terbaik tapi ini tanah orang, saya tidak ada hak,

28 MAC 2018 (RABU)

Kerajaan tak ada hak ke atas tanah ini. Yang kami ada hak hanya Alam Perdana, dia ada 3 Alam. Maka, apabila syarikat ini berhasrat hendak membangunkan tanah, hendak jualkan tanah, itu hak mereka. Dia hendak cari *buyers*, dia hendak cari pemaju, itu hak mereka. Saya tak boleh kata, ok you hanya pemilih pemaju. Saya tak boleh. Cuma yang boleh, mewakili rakyat saya kata, you hanya boleh pindah milik dengan syarat janji yang diberikan kepada peneroka 20 tahun dulu mesti diselesaikan. Itu tanggungjawab Kerajaan Negeri yang UMNO gagal, Pelabuhan Klang gagal. Yang berjaya ialah Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini. Itu sahaja saya boleh buat. Dululah. Sebab itulah kita pecat dia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya harap pencerahan ini dapat membantu dan apabila selesai, dah habis dah Yang Berhormat Permatang. Dah habis dah, dah habis ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dah habis dah Yang Berhormat Permatang, dah habis.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Boleh sambung dengan persidangan media lepas ini, jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua oleh sebab

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker kalau boleh bagilah peluang sikit, tak menjawab soalan yang saya bangkitkan. Saya hendak tanya soalan mengenai

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya tidak benarkan Yang Berhormat, duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan lain tak berkaitan pun dengan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dah tutup Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya boleh buat secara bertulis nanti.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa soalan dia? Apa yang hendak dijawab itu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tulislah dahulu (dewan ketawa).

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bahas

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dia tak tulis, hendak saya jawab...ada Exco lain hendak jawab, ok.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Menteri Besar saya bahas dalam Dewan bukan saya buat soalan bertulis.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, gulungkan habis, habiskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya dah habis. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Dengkil, dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas perkara yang telah dibangkitkan. Saya amat berharap penjelasan yang diberikan dapat membantu kita, membimbing kita dalam membuat keputusan supaya kita tidak terlepas daripada melakukan perkara-perkara yang tidak sihat dan tidak baik. Dan, saya berharap kita dapat memperkukuhkan ukhuwah kita atas prinsip yang jelas ini, terima kasih, assalamualaikum w.b.t (dewan menepuk meja).

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi mesyuarat kali ini. Terutamanya saya juga ingin respons kepada Permatang yang menyentuh berkenaan dengan sistem pengebilan oleh Air Selangor. Jadi kalau Bukit Antarabangsa mengeluarkan petanya saya juga ingin mengeluarkan meternya (dewan ketawa). Hah, ini *Smart Meter* ok, *Smart Meter* yang sekarang ini yang (dewan ketawa) yang dipanggil sebagai AMR (Automatic Meter Reading) yang sedang dipasang oleh Air Selangor sebanyak 6,000 telah dibeli. Dan meter ini bukan saja dia mampu untuk membaca meter tetapi juga ada maklumat-maklumat alam termasuk *lick cash*, *backflow*, *tempering battery lifetime*, *meter over loaded undersize*, *block cash* dan juga *peak flow*. Dan di sini ada dia punya *receiver* (dewan ketawa) *master receiver* ini dia boleh menjejak *smart* meter ini untuk *smart* meter ini dipasang di apartmen atau pun flat setinggi 15 tingkat. Dan kalau yang *smart* meter yang dipasang secara terbuka 500 meter RDS boleh detect dan dia boleh membacanya melalui *work by* atau pun *drive by* sahaja. Dan juga meter ini juga boleh dibaca secara self reading oleh pengguna yang hanya menggunakan hand phone dan juga smartphone dan juga ada *apps* yang boleh *login* dan masukkan *numbers* dan dia boleh tahu bil dia yang terkini. Inilah kecanggihan yang sedang di laksanakan oleh Air Selangor. Disebut oleh Permatang berkenaan dengan sistem CRIS ini yang mana sistem CRIS (Customer Information System) ini boleh dilaksanakan dengan adanya peralatan-peralatan seperti mana yang saya telah kenalkan sebentar tadi dan sistem CRIS ini mula diperkenalkan pada 1 Januari 2018 bagi menggantikan sistem pengebilan yang lama, basis dan mengubah proses pengebilan air khususnya cara

28 MAC 2018 (RABU)

pengeluaran bil daripada bil bacaan di tapak atau pun sport bil kepada penghantaran melalui pos dan *e-billing* berdasarkan pilihan pelanggan.

Sistem CRIS membolehkan peningkatan sistem penghubungan pelanggan ke arah teknologi terkini termasuk pembacaan meter secara automatik, meter *reading* atau pun AMR yang saya perkenalkan sebentar tadi. Kalau meter yang lama basis ini dia hanya mengandungi maklumat bil sahaja tetapi tidak *integrate* dengan maklumat aduan profil pengguna, aduan pengguna dan juga status atau pun *history* pengebilan pengguna. Melalui sistem *customer information system* ini dia semua merangkumi secara bersekali.

Kenapa *e-billing*? Pelaksanaan *e-billing*, elektrik bil adalah merupakan salah satu saluran untuk penyampaian bil air ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Taman Templer, Bukit Gasing minta penjelasan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya, silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Cukup kagum melihat alat-alat yang ditunjukkan tadi. Berapa pelaburan yang diperuntukkan untuk membuat *upgrading* yang diterangkan tadi?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Bukit Gasing itu soalan spesifik yang saya yakin ada dalam teks saya di sini tetapi saya ingin mencarinya tapi dari segi jumlahnya 6,000 unit meter telah pun dibeli pada akhir 2017 dan 2019 sebanyak 31 lagi unit AMR. Jumlah kewangan perbelanjaan saya akan sampaikan kepada Bukit Gasing kemudiannya. Jadi pelaksana *e-billing* adalah merupakan salah satu penyaluran penyampaian bil air kepada pengguna selain daripada saluran tradisional melalui pos. Ia juga selaras dengan inisiatif Air Selangor menuju ke arah bil hijau dan mengurangkan percetakan bil kertas. Pengguna yang tidak mempunyai e-mel akan terus menerima bil melalui pos. Sistem pengebilan lama basis yang diguna pakai semenjak tahun 1999 adalah merupakan sistem *stand alone* yang tidak bersepadu *non integrated system* dan dilaksanakan di setiap wilayah. Oleh sebab sistem ini adalah tidak bersepadu penyampaian perkhidmatan pelanggan dan pengebilan adalah kurang berkesan. Selain daripada itu sistem ini tidak berupaya untuk menyokong teknologi pengebilan baru seperti pengebilan menggunakan meter AMR dan pembacaan meter persendirian *self reading* yang saya telah terangkan sebentar tadi. Berkaitan dengan isu ada di

28 MAC 2018 (RABU)

kalangan pengguna di kampung yang tidak ada Internet atau pun alamat pos yang betul. Air Selangor telah pun melantik Pos Malaysia sebagai agen penghantaran bil air melalui pos. Semasa awal pelaksanaan penghantaran bil diakui berlaku kelewatan dan bil tidak dapat dihantar kepada pelanggan terutamanya yang tidak mempunyai alamat yang lengkap di mana Pos Malaysia telah menghantar bil ke pusat setempat iaitu Pos Call Points.

Air Selangor telah mengambil tindakan dengan menghantar bil melalui pembaca meter terus ke premis bagi 22,200 akaun bersamaan dengan 0.9% dari jumlah keseluruhan 2.2 juta pelanggan. Jadi hanya 0.9% atau pun 22,200 akaun yang mempunyai permasalahan ini kerana menggunakan khidmat Pos Call Points atau pun Pusat Setempat. Berhubung dengan masalah bil lewat pula, Air Selangor telah mengambil tindakan seperti berikut yang pertama mengeluarkan 2 kenyataan media yang menjelaskan kelewatan pengebilan. Kenyataan media tersebut juga memberi maklumat tambahan berhubung saluran pembayaran-pembayaran menggunakan Jom Pay. *Info* yang sama juga disebarikan melalui saluran komunikasi Air Selangor, laman web, platform media sosial, kumpulan perhubungan pelanggan dan *sms*. Perbincangan dengan Pos Malaysia yang pada awalnya menghadapi isu penghantaran pos yang tinggi pada musim perayaan serta pelbagai promosi oleh peniaga *online*, Air Selangor akan terus memantau prestasi Pos Malaysia agar kelewatan yang berlaku pada tahun ini tidak berulang dan alhamdulillah perkara ini telah pun dapat diselesaikan.

Berkaitan dengan pelantikan teks Mahendra selaku pelaksana sistem CRIS. Untuk pengetahuan ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat minta penjelasan sedikit?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa yang dimaksudkan tadi telah dapat diselesaikan. Apakah tidak ada masalah sekarang ini di seluruh Negeri Selangor mengenai pos ini, *e-billing* jadi maksud saya tadi Yang Berhormat ada sebut Air Selangor dapat menyelesaikan. Maksudnya apakah sekarang ini setiap pengguna-pengguna akaun yang ada sekarang ini mereka telah terima surat atau pun bil itu telah sampai ke premis masing-masing. Sebenarnya tak ada masalah seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, itu ke maksudnya Yang Berhormat?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Maklumat yang saya terima seperti mana yang saya nyatakan sebanyak 22,200 itu

28 MAC 2018 (RABU)

sekarang ini telah pun dihantar secara manual sendiri oleh pembaca meter itu yang pertama. Maknanya katanya 20,200 bersamaan dengan 0.9% jumlah keseluruhan pelanggan itu telah pun berjaya diselesaikan kalau sebelum ini mereka terpaksa pergi memungut bil itu di Pusat Setempat atau pun Post Call Points. Ok, Permatang?

Berkenaan dengan pelantikan teks Mahendra selaku pelaksana sistem CRIS, sebanyak 10 penender telah menyertai dan diterima untuk penilaian tender dan teks Mahendra dipilih oleh Jawatankuasa Perolehan berdasarkan keputusan penilaian yang mengambil kira kriteria-kriteria berikut. Teks Mahendra telah mencadangkan Best In Class Solution iaitu sistem pengebilan dan perkhidmatan pelanggan *oracle* yang memenuhi semua keperluan teknikal yang dinyatakan dalam dokumen tender. Sistem yang dicadangkan terbukti digunakan oleh syarikat-syarikat air lain di seluruh dunia seperti Northernm Brain, Water UK, Airish Water Ireland, Yaral Valley Water Australia dan Extra Water Indonesia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minta duduk boleh Yang Berhormat? Jam telah menunjukkan jam 1:00 tengah hari. Saya tangguhkan sidang Dewan sehingga jam 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Assalamualaikum Warahmatullah dan Selamat Petang. Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul Di Bawah Peraturan Tetap 17, Usul Bagi Menangguhkan Mesyuarat Perkara Tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai Berkehendak Disegerakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Melainkan keadaan memerlukan perubahan saya akan menetapkan masa selama 40 minit untuk membahaskan Usul ini dan 20 minit untuk pihak Kerajaan membalas jika ada. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Kami memang kecewa atas apa yang telah dibuat oleh SPR dalam pembentangan laporan terakhirnya kepada Perdana Menteri yang hari ini, pagi ni dibentangkan di Parlimen yang sedang dibahaskan di Parlimen. Kami di Negeri Selangor sangat kecewa kerana SPR tidak bertindak secara adil dalam menyediakan laporan ini. Saya ringkas sahaja, saya yakin masa ni ramai rakan daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri hendak berbahas. Izinkan saya terus kepada *point*. Kenapa SPR mengecewakan kami? Saya ingin tanya SPR beberapa persoalan. Satu daripadanya ialah apabila SPR dalam syor kedua yang telah dipamerkan lepas itu, telah menerima bantahan daripada orang secara banyak bantahan telah diterima lepas itu apabila dibentangkan balik kepada Perdana Menteri seterusnya kepada Parlimen telah balik kepada syor pertama. Ini adalah amat mengecewakan kerana justifikasi yang telah diberi dalam laporan SPR di dalam Parlimen adalah sangat tidak berasas.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 132, laporan kajian semula persempadanan di Parlimen di mana bantahan kami di Petaling Jaya Selatan terhadap pembesaran

kawasan Parlimen di Petaling Jaya Selatan sehingga 140,000 pengundi telah mendapat keputusan SPR yang ingin saya bacakan, SPR bersetuju dengan bantahan yang dikemukakan setelah mengambil kira faktor pemeliharaan hubungan tempatan komuniti sedia ada dan nama asal Petaling Jaya Selatan akan dikekalkan. Ini respons yang diberi kepada bantahan rasmi membantah syor SPR terhadap P.105 Petaling Jaya kerana menyebabkan peningkatan bilangan pemilih yang tidak sama rata dengan bahagian pilihan lain, pilihan raya lain di Selangor dan memisahkan hubungan tempatan akibat perubahan komposisi kaum. Banyak kawasan pilihan raya menjadi sangat besar di dalam syor satu oleh SPR dan kami membantah, kami membantah masa syor satu dan SPR kata dia bersetuju dengan bantahan kami dan syor dua SPR kembali kepada sempadan asal yang juga tidak sempurna tetapi lebih baik daripada syor satu dan SPR telah menghalang kami daripada membantah di syor kedua. SPR telah memanggil hanya segelintir orang yang membantah untuk memberi representasi dan kebanyakan daripada kami yang dikatakan *boundary* tidak berubah tidak dibenarkan untuk memberi hujah sehingga ada paling sekurang-kurangnya 107 kes pembantah yang tidak diberi ruang untuk memberi bantahan dalam *hearing* SPR telah mengambil satu kes Mahkamah terhadap SPR. Kes ini masih belum selesai.

SPR, namun SPR telah merujuk kepada orang yang tidak mempunyai *local standees* dengan izin untuk memberi bantahan dalam balik ke syor satu. Saya merujuk kepada muka surat 441 dalam laporan yang sama di mana terdapat contoh lah ada banyak bantahan. Banyak bantahan daripada individu-individu seperti Persatuan Penduduk, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Cawangan Petaling Jaya Selatan, Badan Pengurusan Bersama Blok B, Pangsapuri Permai yang telah kemukakan bantahan terhadap syor kedua dan minta SPR balik ke syor satu.

Kenapa bantahan ini diambil kira? Sedangkan di bawah Perlembagaan kami bantahan ini tidak mempunyai asas. Bantahan hanya boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri, oleh Kerajaan Tempatan dan oleh Kumpulan 100 pengundi yang ini bukan daripada mana-mana kategori ini. Tetapi mereka telah kemukakan bantahan dan bantahan mereka nampaknya lah telah menyebabkan SPR balik kepada syor satu. Ini tidak boleh diterima dan kami di Dewan Negeri Selangor akan bangkit untuk membantah apa yang SPR telah buat.

Sempadan semula tidak berlaku setiap tahun. Persempadanan semula hanya berlaku lebih kurang sekali setiap setahun, setiap 10 tahun. Jika SPR ingin membuat perubahan atau tidak membuat perubahan setiap bantahan berasas iaitu bantahan yang mempunyai sekurang-kurangnya 100 pengundi harus lah didengar. Saya mewakili satu kumpulan lebih daripada 120 orang, ramai rakan-rakan saya di Dewan

28 MAC 2018 (RABU)

yang ini pun telah menghantar bantahan berserta dengan lebih daripada 100 pengundi tidak diberi peluang untuk didengar dan ini adalah tidak betul.

Kami juga, ingin menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh SPR apabila dia membalik kepada syor satu adalah tidak betul. Ini adalah kerana SPR dalam ayatnya sendiri yang boleh di jumpa di dalam laporan ini banyak tempat dia telah menunjukkan alasan, mereka menolak bantahan ataupun cadangan ialah mengurangkan jurang bilangan pemilih antara DUN. Saya jumpa ayat ini di muka surat 348 dan ayat ini pun ada di banyak lagi muka surat laporan SPR dan ini adalah prinsip yang sepatutnya diangkat oleh SPR apabila mereka melakukan seluruh kajian ini. Jurang perbezaan antara bilangan pemilih di setiap kawasan DUN dan di setiap kawasan Parlimen haruslah diminimakan. Ini adalah untuk bertindak adil untuk memberi ruang kepada prinsip satu orang satu undi. Setiap orang mempunyai *vantage* undi yang sama rata. Apabila saya melihat bilangan pengundi DUN-DUN di Negeri Selangor yang dicadangkan oleh SPR, saya lihat dia tidak adil.

Kita melihat DUN-DUN yang besar. DUN yang besar seperti Bukit Lanjan, ada 64,000 pengundi. DUN yang besar seperti Subang Jaya mempunyai 74,000 pengundi. DUN yang besar seperti Kinrara mempunyai 72,000 pengundi. DUN yang lain seperti Hulu Bernam mempunyai 22,000 pengundi. DUN seperti Sungai Air Tawar 16,000 pengundi.

Jika alasan yang hendak di bagi adalah perbezaan jurang antara bandar dan luar bandar saya melihat dia juga tidak adil mengapa Parlimen Hulu Selangor mempunyai 101,000 pengundi. Hulu Selangor dikira sama taraf luar bandarnya dengan Sabak Bernam. Kenapa Sabak Bernam hanya 40,000 pengundi. Ini adalah sangat tidak adil. Di kawasan bandar pun Puchong mempunyai 96,000 pengundi. Kawasan Bangi ataupun nama lamanya Serdang mempunyai 178,000 pengundi. Kawasan Petaling Jaya mempunyai 141,000 pengundi. Jurang perbezaan yang sangat besar. Jurang-jurang perbezaan ini adalah tidak adil. Dia tidak adil kepada masyarakat. Dia tidak adil kepada proses pilihan raya di mana kita hendak mengundi satu kerajaan *based on will of the people*, dengan izin.

Jika rakyat secara majoriti memilih satu kerajaan ia haruslah boleh dilihat dengan bilangan kerusi yang hendak dimenangi tetapi di dalam kes ini nampaknya SPR telah menolong Barisan Nasional dengan hanya mempunyai 30 lebih peratus undi majoriti Barisan Nasional boleh menang pilihan raya dengan cara sempadan seperti ini. Kita lihat kebanyakan ADUN Barisan Nasional tidak hadir di dalam Dewan pada hari ini tapi kepada tiga yang hadir pada hari ini adakah mereka akan bangkit untuk mempertahankan hak rakyat? Atau adakah mereka akan duduk membisu demi

28 MAC 2018 (RABU)

mempertahankan UMNO dan Barisan Nasional yang hendak menang dengan cara yang tidak adil.

Hendak menang, menang lah dengan meraih undi majoriti daripada rakyat. Jangan lah cuba menang dengan undi minoriti, 30 lebih peratus undi nak menang. Tak dapat menang hati rakyat Selangor jadi tukar lah sempadan pilihan raya supaya boleh menang dengan cara tersebut. Ini adalah sangat memalukan dan adalah sangat memalukan SPR bekerjasama dengan Barisan Nasional demi menjayakan agenda Barisan Nasional ini.

Saya mewakili rakan-rakan di sini membentangkan Usul ini kerana kami kecewa dan kami harap bahawa SPR akan insaf tentang apa yang dibuat dan laporan persempadanan semula ini di tolak dan satu persempadanan semula yang telus akan dibuat dan harus lah dibentangkan demi kebaikan rakyat Selangor dan juga rakyat Malaysia.

Saya ringkas di sini, saya nak bagi peluang kepada semua rakan. Di Parlimen, laporan yang sangat penting ini hanya, ruang hanya diberi kepada seorang daripada setiap parti untuk berucap. Sangat tidak adil. Saya yakin di Dewan Negeri ini kita lebih inklusif tidak Speaker tadi memberi had masa keseluruhan tapi tak menghadkan berapa orang daripada setiap parti yang boleh mengucap. Inilah yang patut dicontohi oleh Dewan Rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jika ada penyokong.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya menyokong. Sokong Usul yang dibawa oleh Bukit Gasing. Seri Andalas nak ambil bahagian di dalam Usul ini juga. Mula-mula Tuan Speaker, saya nak katakan tugas sesebuah badan sebagai Dewan Undang Negeri ataupun Parlimen ialah untuk buat sesuatu yang baik, betul dan adil.

Adakah sempadan ini sesuatu yang dilakukan oleh SPR dan dibawa ke Parlimen oleh Perdana Menteri. Adakah usul ini baik bawa kebaikan kepada rakyat Malaysia ataupun bawa kebaikan sahaja ataupun enggan ataupun ingat baikkan bawakan kebaikan kepada satu kumpulan sahaja. Itu soalan penting yang kita kena faham. Pasal apa, kita ada sempadan baru pada masa sekarang. *What is the main reason? To have a dealing*

28 MAC 2018 (RABU)

exercise. Dulu bila Barisan Nasional ada dua pertiga majoriti di dalam Parlimen mereka bawa persempadan dan telah lakukan persempadan suka hati mereka. Pada tahun 2004 sebelum itu kalau tak silap saya, satu sempadan baru telah dilakukan dengan tuntutan majoriti dan mereka telah wujudkan beberapa kerusi baru Parlimen dengan ADUN di dalam Selangor dan juga di seluruh negara.

Pada waktu itu, yang dibawa kepada Parlimen dan gaya-gayanya nak buat pemindahan ialah Barisan Nasional pada waktu itu suka dengan kerusi-kerusi percampuran, *mixed, their favourite* dia kata itu ialah undi yang kekal untuk mereka. Tak boleh tolak, tak boleh kalah dan sebab itu mereka telah lakukan beberapa keputusan dan ada kerusi-kerusi baru yang telah diwujudkan. Itu pada sebelum 2004, tapi pada 2008 lepas pilihan raya nampaknya Barisan Nasional kalah di seluruh kawasan-kawasan campuran terutama sekali seluruh dalam Negeri Selangor dan mereka tak buat apa-apa pada waktu itu.

Lepas tu 2013, lagi kalah lebih besar lagi dan juga di dalam kerusi-kerusi Melayu juga kalah juga. Apa yang mereka kena buat sekarang walaupun SPR ada kuasa nya tiap-tiap 10 tahun untuk bentuk dan juga buat kawasan-kawasan baru dan sebagainya ikut Perlembagaan ada kuasanya dibagi melalui Perlembagaan boleh buat. Kita bukan nak berhentikan SPR untuk lakukan sesuatu yang baik untuk negara dan rakyat Malaysia tetapi cara SPR buat sekarang ini melalui pintu belakang sebab mereka tidak ada dua pertiga majoriti di dalam Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri Selangor . Mereka gunakan Akta ini dan juga kuasa yang diberi di dalam Akta itu mereka manipulasikan Akta itu untuk mereka sendiri untuk kuatkan mereka di dalam kawasan-kawasan tertentu.

Saya nak bagi tumpuan kepada Dewan ini kepada Negeri Selangor . Negeri Selangor ini penduduknya, kita boleh katakan 50% Melayu, 50% bukan Melayu. Ada juga kawasan-kawasan tertentu yang majoriti Melayu sebagai utara Selangor (kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang, Kuala Selangor, Sepang) tak ada masalah. Di dalam 10 tahun ini, saya minta Dewan ni (Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri) yang dipilih oleh rakyat ini, adakah masalah mereka memberikan bantuan dan juga kerja bersama dengan penduduk di dalam kawasan? Adakah itu kawasan Melayu ataupun kawasan bukan Melayu? Tak akan kita di dalam Negeri Selangor telah bawa beberapa program yang kita bawa kepada rakyat, terima oleh rakyat semua. Tak ada masalah. Saya nak minta pasal apa SPR kena buat sesuatu pemindahan kawasan ataupun *delineation* di mana mereka pisahkan di antara Melayu dan bukan Melayu. Itu yang berlaku di dalam Negeri Selangor sekarang. Dengan cara yang dibuat oleh SPR. Adakah kita boleh terima ini? Soalannya ialah sebab apa SPR buat demikian? Disuruh oleh siapa untuk buat demikian? Sebab saya nampak yang bantahan-bantahan yang

28 MAC 2018 (RABU)

kita telah hantar kepada syor nombor satu yang dikeluarkan oleh SPR. Bantahan kita telah diterima oleh SPR. Sebab itu syor nombor dua, mereka kembali balik kepada asal. 80% mereka kembali balik kepada asal.

Saya nak baca satu surat yang saya terima dari SPR. Dengar baik-baik *especially* Ahli UMNO ini. Dengar baik-baik sebab saya ingat yang buat kerja ini bukan SPR, yang buat kerja ini ialah UMNO dan Barisan Nasional yang lakukan perkara ini. Sebab SPR tak tulis surat kepada kita katakan dia terima syor, dia terima bantahan kita kepada syor nombor satu dan kembali balik kepada syor nombor dua. SPR tulis surat (*paragraph* yang akhir yang SPR kata). Bagi saya baca Tuan Speaker.

“walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa bantahan yang dikemukakan oleh pihak tuan tidak mewajarkan sesuatu siasatan tempatan diadakan kerana kawasan yang di bantah tidak bersentuh oleh syor kedua SPR.”

Tidak bersentuh oleh syor kedua SPR.

“Namun, representasi bantahan yang dikemukakan oleh pihak tuan telah dipertimbangkan sewajarnya oleh SPR dalam menyediakan Laporan Akhir Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-negeri Tanah Melayu.”

Ini bermakna SPR telah bawa report mereka sebagai syor nombor dua. Siapa yang tukar ini kepada syor yang ada di depan parlimen sekarang di atas meja-meja Ahli-ahli Parlimen ini? Adakah SPR yang tukar lepas kita dapat surat ini? Atau pihak-pihak yang lain yang tukar syor itu yang ada di depan Parlimen sekarang? Satu orang sahaja yang ada kuasa untuk tukarkan syor SPR. Itu *number one* (Perdana Menteri) ada kuasa. So, Perdana Menteri buat ini demikian untuk apa? Untuk selamatkan diri sendiri, selamatkan isteri dia, selamatkan keluarga dia, selamatkan UMNO dalam pilihan raya akan datang? Bukan untuk kepentingan rakyat. Bukan untuk kepentingan Malaysia.

Di dalam Negeri Selangor , kawasan-kawasan yang tidak ada perubahan ialah kawasan-kawasan utara Selangor (Sabak Bernam – tidak ada perubahan, Tanjong Karang – tidak ada perubahan, Sungai Besar – tidak ada perubahan). Tiga-tiga kawasan ini tidak ada perubahan. Yang ada perubahan ialah kawasan-kawasan tertentu yang telah dikalahkan, yang telah dikalah oleh Barisan Nasional (UMNO) dan telah pun buat satu ketukaran di dalam sempadan mereka.

Saya nak bagi beberapa contoh Tuan Speaker apa yang telah lakukan di dalam Negeri Selangor . Kita nampak sekarang terdapat perubahan di 18 daripada 22 kawasan

28 MAC 2018 (RABU)

Parlimen di Selangor. Tidak perubahan di Sabak Bernam, Sungai Besar, Hulu Selangor dan Sepang. Terdapat perubahan nama ataupun sempadan di 46 daripada 56 kawasan DUN Selangor. Jumlah pengundi di Selangor mengikut SK4/2017 ialah 2,418,611 pengundi di dalam Negeri Selangor. Purata pengundi setiap DUN ialah 43,190 (purata ya. Purata). 33 kawasan DUN ada jumlah pengundi lebih dari purata 43,190 pengundi. Senarai kawasan-kawasan DUN yang paling kecil yang tidak ada perubahan ialah N01 (Sungai Air Tawar – 16,314 pengundi di dalam kawasan Sungai Air Tawar). Kalau kita banding dengan DUN N31 (Subang Jaya) yang baru direka bentuknya sudah ditukarkan, jumlah pengundi di dalam Subang Jaya ialah 74,090 pengundi di dalam Subang Jaya. Beza dia dekat 4.54% satu lawan empat. So, satu undi di Sungai Air Tawar *equals to* 4.5 undi di dalam Subang Jaya. N04 (Sekinchan) 18,137 tak ada undi, tak ada tukarlah ya (meningkat undi sahaja). Ya, biasalah itu ya. Kalau kita banding dengan Kinrara (N30), Kinrara ada 72,479 undi. *You* pun tak boleh jagalah YB kawasan itu.

Lagi satu contoh Speaker,

Jeram (N12), jumlah mengundinya 19,771 (Jeram). Kalau kita banding dengan N37 (Bukit Lanjan) 64,279 undi. Menang, menanglah dengan gaya. Jangan menang dengan cara tipu dan nak curi pilihan raya yang akan datang. N05 (Hulu Bernam) mana dia? Cakap selalu bising. 22,921 pengundi di Hulu Bernam. Kalau banding dengan Kajang (N25) 62,239 pengundi di Kajang. N11 (Ijok) 23,106 banding dengan Balakong 61,740 undi. Pasal itu bila kita tengok angka-angka ini ya, memang *you* nak menang dengan dapatkan majoriti undi dekat 40% saja. Barisan Nasional rekakan ini sebab nak menang. Bukan cara telus, adil dan terbuka. Mereka buat demikian sebab nak cuba curi pilihan raya akan datang dan melalui SPR, mereka ingat mereka boleh menang. Tapi akhir kali akan kalah jugalah.

Saya nak beritahu sedikit dengan Parlimen di dalam Negeri Selangor. Apa jadi kepada Parlimen? Parlimen (perbezaan Parlimen) di antara Parlimen Sabak Bernam dengan parlimen-parlimen sebagai P102 (Serdang), pengundi Parlimen Serdang sekarang tertinggi di dalam Negeri Selangor (169,748 pengundi). Sekinchan tahu Sabak Bernam berapa (pengundi dia)? *Plus minus* 40,000 sahaja. Parlimen Bangi, itulah sekarang dinamakan bagi nama baru ya kepada Serdang. Bukan Serdang lagi Speaker, Bangi. Dan sekarang dengan sempadan yang telah baru ini, di mana Kajang di masuk di dalam Parlimen Bangi, keluarkan dari Parlimen Hulu Langat. Bangi sekarang meningkat kepada 178,973 pengundi. Kalau kita jadi Ahli Parlimen di dalam Parlimen Bangi baru ini, dah selesai masalah. Kita tidak boleh temu dengan rakyat. Tak boleh. *You won't be able to work, you won't be able to do your work as a member of Parliament. Sorry.*

Soalan kita, pasal apa SPR buat demikian? Atau SPR buat dari arahan dengan siapa? Siapa yang bagi arahan untuk ini dilakukan di dalam Negeri Selangor? *So what was the purpose of the whole redelination exercise?* Ini saat sangat dekat kepada hati saya. DUN Seri Andalas. Dalam sesi yang akan datang, Seri Andalas tak ada lagi dah. Hilang dari petak. Nama Seri Andalas pun tak ada. Saya nak jadi *magician* la. *Repeat another DUN yet.*

Tuan Speaker,

Dulu Seri Andalas ini satu kawasan percampuran di mana kaum Melayu ada, kaum Cina ada, kaum India ada dan ini ialah katakan satu-satu kerusi semi *urban* (*urban* dan *semi urban*). Ada kampung (ada 3 besar kampung). Kampung Jawa, Kampung Sungai Kandis, Kampung Telok Menegon, Kampung Bukit Naga ada kampung semua. Pada waktu itu, total pengundi di dalam kawasan Seri Andalas ialah 69,430 (lebih besar dari Sekinchan ya). Melayu ialah 26,800, yang itu 38.6%. Kaum Tiong Hua 17,226 (24.81%). India 24,718 (35.6%). Takut sangat UMNO (Barisan Nasional) kepada saya. Tak boleh menang Seri Andalas. Tukar corak Seri Andalas sampai tak ada nama dalam DUN, dalam Parlimen Kota Raja. Dulu ada dua DUN saja. Sekarang dengan sempadan baru, ada tiga DUN. Tiga-tiga DUN nama baru ya. Seri Andalas tak ada nama. Hilang dah namanya. Nama kepada Sungai Kandis dan juga DUN baru Sentosa dan rakan saya dari Sri Muda nama dia pun hilang, dia pun akan dinamakan Kota Kemuning. Dia tak ada muda lagi dah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : dah tak ada seri dah, muda dah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : ha ha ha. Tetapi yang pelik Tuan Speaker ialah selepas sempadan, apa mereka buat lakukan ialah seluruh kawasan ini telah ditukar. Sekarang, pengundi Melayu dari 38% di dalam kawasan itu menjadi sampai 72% Melayu. Dan Cina dan India 11% dan 15%. Sekarang jadi kerusi majoriti Melayu dan corak dia ialah dia telah dikeluarkan dari kawasan itu, dia telah dikeluarkan 33,000 pengundi. Maksimum dia pengundi ini ialah India dan Cina telah dikeluarkan dan dia wujudkan satu DUN baru yang nama Sentosa. Di mana Sentosa menjadi 85% bukan Melayu. Di dalam Malaysia sekarang, DUN Sentosa satu-satu DUN yang boleh katakan *you* boleh bubuh seorang India sebagai calon sebab *percentage* India di dalam DUN baru itu ialah 46%. Ini cara dia, cara dia, dia nak menang Andalas. Tukar nama kepada Sungai Kandis. Tuan Speaker, sekarang saya boleh *guarantee you* dia kalah di DUN itu.

Lagi satu contoh saya bagi *you* Sementa. Y.B. EXCO, N43. Mereka telah keluarkan 19,048 pengundi Cina dan India dari Sementa dan mereka telah masukkan 10,429 pengundi Melayu di dalam Sementa. Sementa sekarang menjadi, dulu pengundi Melayu 47%. Sekarang jadi 75.74% di Sementa. Ini pun cuba nak curi DUN. Bukan nak menang, nak curi DUN. Tapi saya yakin dengan kerja yang telah dilakukan oleh Y.B. EXCO kita akan menang balik kerusi ini dengan majoriti yang lebih besar.

Tuan Speaker, beri saya sedikit masa ya. Fakta-fakta ini kena keluar dulu. Saya nak bagi contoh kepada Parlimen di dalam Negeri Selangor. Contohnya Parlimen Klang, dulu Parlimen Klang ini dia ada tiga (3) DUN di bawah Parlimen Klang :-

- i. Pelabuhan Klang - N46
- ii. Pandamaran - N47
- iii. Kota Alam Shah - N48

Sekarang ada lagi satu, tambah lagi satu DUN di dalam Klang. Dulu panggil dia Sungai Pinang. Sekarang nama Sungai Pinang ditukar kepada DUN Bandar Baru Klang dan Bandar Baru Klang itu sudah naik pangkat. Tapi masalahnya di dalam peruntukan yang ada di dalam SPR, dia tidak boleh lintas jalan besar dan dia tidak boleh lintas sungai. Tak boleh. Peraturan itu ada di dalam undang-undang SPR. Tetapi Parlimen Klang ini sekarang kebesaran dia ialah dari Pulau Indah, Kampung Idaman di belakang sana sampai Bandar Kapar di utara termasuk sedikit dari Meru, Selat Klang dan sebagainya. Dia telah keluarkan Sungai Pinang dari Parlimen Kapar. Tengok dia ya. Ini semua bukan sesuatu dilakukan oleh orang yang sihat. Tak ada. Ini memang ada masalah sikit punya yang buat pelan dan tindakan ini ya.

Sekarang Klang ini, jumlah pengundinya sudah lebih daripada 140,000. Macam mana seorang Parlimen akan kawal satu kawasan yang luas begini? Dalam proses inilah, rakan saya Kota Alam Shah pun sudah hilang kerusi sebab Kota Alam Shah tak wujud lagi. Kota Alam Shah telah disatukan, cantum. Sudah cantum dengan Pandamaran. Sekarang rakan saya Y.B. Pandamaran kena jaga kawasan dua (2) kali ganda kerana besar daripada apa yang ada sekarang. *You* tak boleh duduk di KL, kena duduk dalam Klang sahaja. *You* kena jaga sekarang besar kawasan itu. Peruntukan pun tak cukup, *you* kena dapat dua (2) kali ganda peruntukan untuk jaga kawasan itu.

Contohnya yang mereka lakukan sesuatu yang tak sihat yang tak betul ialah contohnya di Parlimen Kuala Langat. Dua perkataan sini saya nak beritahu Tuan Speaker. Satu ialah *packing* dan lagi satu ialah *cracking*. *Packing* dan *cracking*. *Packing* itu ialah untuk bubuh berapa banyak pengundi di dalam satu kawasan itu dalam satu DUN. Itu katakan *packing* dia. *Cracking* dia ialah untuk pecahkan DUN-DUN yang ada sekarang untuk keluarkan pengundi-pengundi tertentu dari satu DUN kepada DUN yang lain di mana kita buat *packing*.

Contohnya, di Kuala Langat di antara N51 Sijangkang, N52 Banting dengan N53 Morib. Morib dengar ya, *you* punya DUN telah buat *cracking* dan Sijangkang rakan saya telah

buat *cracking* juga. *Packing* dia ialah Banting. Nama dulu Telok Datok, nama baru Banting. Fikiran mereka ialah *you* menanglah Telok Datok dengan majoriti besar. Tak ada masalah untuk saya tapi mereka nak menang Sijangkang dengan Morib sebab itu dia keluarkan pengundi-pengundi Cina terutama dari Sijangkang dan Morib masuk dalam Telok Datok atau pun masuk dalam Banting. Ini yang saya panggilkan *cracking* dan *packing*, bukan sahaja di kawasan-kawasan di sini tetapi banyak lagi. Contohnya, sekarang Parlimen Kapar. Dulu Parlimen Kapar dia punya *breakdown* dengan selalu Pakatan Harapan menang dengan majoriti besar. Mereka telah buat kajian, sekarang mereka telah buang Sungai Pinang dari Parlimen Kapar masuk kepada Parlimen Klang. Dia *cracked* Sungai Pinang *and packed* Parlimen Klang dan sekarang Kapar ada tiga (3) DUN sahaja di mana Sementa, Meru dan Selat Klang di sana. Sekarang pengundi Melayu di dalam Parlimen itu menjadi 71% dan 29% bukan Melayu. Dulu dia 50 lebih peratus sahaja Melayu dan bukan Melayu. Ini semua bukan sesuatu yang dilakukan oleh SPR untuk negara atau pun untuk negeri, untuk menyelamatkan negara negeri, untuk tengok keadilan atau pun ada demokratik proses yang lebih terbuka dan luas. Tak ada. Ini dilakukan oleh satu kumpulan untuk menang atau pun mereka ingat dan mereka yakin boleh menang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Yang Berhormat, minta satu minit sahaja Yang Berhormat. Satu minit sahaja.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tak boleh.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker. Saya minta sekarang ya, Parlimen yang bersidang sekarang. Saya nampak juga tak adil sebab bila di Parlimen sesuatu perkara kalau ada di Mahkamah di mana kalau Mahkamah nak dengar isu penting. Parlimen selalu kata kita tidak boleh bincang di dalam Parlimen atau pun Dewan Undangan Negeri *if the case is in front of the court*. Kes ini sekarang di Mahkamah ada empat (4) rayuan telah dibuat di Mahkamah.

- i. Y.B. Charles, dua (2) hari sebelum ini.
- ii. Bersih iaitu bantahan oleh 10,000 pengundi dalam Negeri Selangor yang telah buat bantahan atas Syor Nombor 2 tidak dipanggil untuk siasat atau pun siasatan. Tidak dipanggil dan sebab itu Bersih bawa dua (2) kes di Mahkamah. Satu oleh Ivy Josiah dan lagi satu oleh Maria Chin. Sekarang di dalam Mahkamah, ada sekarang. *It's in the court, it's not heard yet*.
- iii. Kes rayuan oleh Negeri Selangor. Sekarang kes itu di Mahkamah Rayuan. Belum habis dengar lagi. Isu ini telah dibawa kepada Parlimen.

Telah beritahu kepada Speaker pagi tadi. Tetapi pasal apa ada dua (2) *standard*? Bila 1MDB ada di Mahkamah tak boleh bincang di Parlimen. Atau pun isu FGV ada di Mahkamah tak boleh bentang di Parlimen. Tetapi sempadan ini ada empat (4) kes di Mahkamah boleh bentang di Parlimen. Ini undang-undang hutan ya, *law of the jungle* ya. Tiada lagilah untuk kita hormatkan Parlimen atau pun Speaker Parlimen. Bila suka

hati dia boleh buat sesuatu tak ikut peraturan yang ada depan mereka, tak bagi peluang untuk kita buat hujahan. Kalau Parlimen tak nak dengar, hujah-hujah yang dibawa oleh Ahli-Ahli Parlimen atau pun Dewan Undangan Negeri, memang kita kena pergi kepada *the last* iaitu ialah di Mahkamah. Tunggulah sampai Mahkamah dengar selepas itu *you* buat satu keputusan. Pasal apa cepat sangat, *what is the urgency* untuk berbuat demikian? *You* sudah tunggu sampai akhir lima (5) tahun, kalau berani sudah panggil dah Pilihan Raya tahun lepas. Sekarang sudah ada beberapa bulan sahaja. Takut, tak nak bubar Parlimen. Takut sebab nak kalah. Takut dengan Tun Mahathir. Takut dengan Pakatan Harapan. Tak nak, tak boleh panggil bubarkan Parlimen. Kalau tak takut pasal apa buat perubahan macam ini, cepat-cepat macam ini.

Ini tidak boleh diterima Tuan Speaker dan saya minta DUN Negeri Selangor . Kita yang terlibat. *We are the worst affected in the whole exercise* Tuan Speaker, Selangor. *We are the worst affected*. Ini tidak boleh dilakukan. Kita tidak boleh terima walaupun Parlimen akan lulus, saya tahu. Tapi saya ingat kita sebagai satu Dewan yang mulia ini, kita kena tolak isu sempadan ini khususnya Selangor. Kita tolak dan saya sokong usul yang dibawa oleh Bukit Gasing untuk kita Selangor menolak isu sempadan yang dibawa oleh Perdana Menteri bukan oleh SPR kepada Dewan Rakyat pada pagi ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, saya nak bagi satu berbahas. Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya memang sokong penuh terhadap usul ini. Orang ramai mungkin tahu bahawa persempadanan semula ini bermula dari Syor Satu, Syor pertama yang kita katakan pada tahun 2016. Bulan September, 15 September.

Tetapi saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Sempadan DUN Kuala Kubu Baharu telah berubah sebelum Syor Satu ini pada 2016, 29 April 2016. Satu warta telah dikeluarkan dari SPR panggil notis daerah mengundi. Menurut Seksyen 7, Akta Pilihanraya 1958 di mana mengubah sempadan DUN Kuala Kubu Baru dengan DUN Batang Kali dan memindahkan 6,000 pengundi daripada DUN Batang Kali ke DUN Kuala Kubu Baru tanpa pengetahuan daripada mana-mana pihak walaupun SPR kata ada diterbitkan di majalahlah, di akhbarlah tapi semua orang tak tahu. Terkejut kita. Dua daerah pengundi telah ditamatkan. Dan juga, saya juga telah mendapat seorang pengundi yang sangat bernilai iaitu Y.B. Batang Kali menjadi pengundi Kuala Kubu Baru. Memanglah dia tak setuju kerana dia tak nak jadi pengundi saya pada suku yang seterusnya. Dia tukar alamat dah. Sama ada pindah rumah ke tak pindah rumah ke saya tak tahu. Tapi tukar alamat supaya dia boleh kekalkan di DUN Batang Kali. Inilah apa yang dilakukan oleh SPR sama ada yang seperti yang disebut oleh Seri Andalas. Adakah orang belakangnya yang membenarkan mereka melakukan ini atau tidak? Tapi saya kecewa dan saya memang sokong penuh kepada usul ini untuk tarik balik, untuk tarik balik usul di Parlimen itu kerana apa yang dilakukan itu adalah tidak mengikut prinsip satu undi satu orang seperti pada Syor 2. Kami rakyat Hulu Selangor, pengundi Hulu Selangor juga membuat bantahan. Saya rasa tadi Bukit

Gasing ada menyentuh bahawa Hulu Selangor satu kawasan luar bandar yang besar tetapi pengundinya lebih daripada 100,000 berbanding dengan Sungai Besar 37,000 pengundi berbanding dengan Tanjung Karang 42,000 pengundi berbanding dengan Kuala Selangor 42 pengundi. Ini juga adalah satu yang kita katakan pembahagian yang tidak sekata. Jadi, ini adalah contoh-contoh yang saya boleh bagi kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa kita menyokong usul yang dibentangkan oleh Bukit Gasing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan nak juga. Dia berminat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa usul keempat yang dibawa oleh Y.B. Bukit Gasing. Saya menyokong penuh usul ini di mana kita tidak bersetuju dan kecewa dengan persempadan semula yang dibawa di Parlimen sebab kita patut tolak DUN Selangor kena buat keputusan untuk tolak kerana kita tahu dalam konteks ini UMNO Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri *kleptocrat*, mereka tak ada cara lain untuk menang pilihanraya. Mereka hanya ada satu cara. Dari segi populariti, segi sokongan rakyat, kepuasan rakyat, mereka dah terkebelakang dan tercorot. Dalam Dewan Yang Mulia ingin saya tegaskan. Maka, cara mereka senang sahaja. Melalui pecah sempadan. Gunakan cara tipu, kotor dan jijik ini untuk pecah belahkan masyarakat khususnya di Negeri Selangor ini supaya pastikan UMNO Barisan Nasional kekal menang dan kalau boleh nak rampas balik Selangor. Ini cara mereka. UMNO tak malu gunakan cara sedemikian. Inilah caranya dan belum cukup dengan itu, mereka memperalatkan SPR, instrumen kerajaan ini, hari ini tergesa-gesa di Parlimen bagaimanapun mereka nak luluskan juga supaya boleh bubar, kemudian hari boleh bubar Parlimen. Kalau tidak, tak yakin. Inilah demokrasi yang ada sekarang ini. Pada masa yang sama, ingin saya dedahkan juga walaupun Seri Sekinchan ini, kawasan Sekinchan dan Sungai Besar tidak terlibat dalam persempadan semula ini tidak terlibat tetapi ada juga cara lain mereka buat tipu, cara kotor. Ketua UMNO Sungai Besar, Bahagian Sungai Besar, Dato' Seri Jamal Tongkol gunakan cara lain. Menggunakan SPR juga, saluran SPR bawa pengundi-pengundi daripada luar termasuk Kelantan, Sarawak, Sabah, Kedah dan juga Lembah Pantai, Sentul masuk ke Sekinchan dengan tukar alamat dan baru-baru ini didedahkan dalam berita Sinar Harian di mana ada ibu-ibu tunggal daripada kalangan orang India, mereka tak tahu alamat pengundinya ditukar ke Sekinchan. Siapa yang buat? Ada sekumpulan yang didalangi oleh Jamal Pak Tongkol. Tujuannya tidak lain tidak bukan masuk ke Sekinchan nak kalahkan saya. Saya tak ada masalah kalau nak lawan dalam pilihanraya termasuk lawan dengan Jamal, Permatang ke Dengkil saya tak ada masalah. Gunakan cara yang demokrasi, cara yang bersih bukan tipu, bukan bawa pengundi hantu masuk ke Sekinchan, ini caranya. Saya nak dedahkan dan berapa sampai hari ini daripada tahun

2016 suku pertama hingga ini sudah lebih 5,300 pengundi hantu di bawa masuk ke Sekinchan dan saya telah berjaya bantah 5,000 lebih dan masih ada saki-baki 1,000 lebih, lebih 1,300 dalam senarai daftar pengundi di Sekinchan. Ini antara contoh-contoh bagaimana UMNO Barisan Nasional gagal menarik sokongan rakyat dengan polisinya, dengan dasarnya mereka hanya pandai curi, curi, curi, penyangak, perompak dan akhirnya mereka tipu dengan cara undi. Inilah yang mereka nak lakukan dan sekarang di Parlimen tengah bahas untuk pecah sempadan. Tidak lain tidak bukan saya ingin tegaskan Tuan Timbalan Speaker, kita di DUN Selangor ini, Dewan Yang Mulia ini kita ambil pendirian kita mesti tolak usul, tolak persempadan yang dibawa oleh SPR, oleh Perdana Menteri di dalam Parlimen. Satu kenyataan tegas, pendirian tegas oleh Dewan Negeri Selangor . Jadi, saya nak simpulkan Tuan Timbalan Speaker di dalam perbahasan ini bahawa inilah sejarah paling hitam dalam Malaysia di mana satu pentadbiran, satu parti yang dikatakan dulu, kini tidak selamanya yang mempunyai kononnya pandai boleh bawa pembangunan tetapi hanya bergantung kepada penipuan, tipu, curi, tipu, curi untuk menang pilihanraya untuk tawan hati rakyat. Inilah satu cara yang paling kotor, paling jijik tidak bertamadun yang dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional. Jadi, saya ingin habiskan dengan ucapan saya, kita tolak apa yang dibuat oleh Perdana Menteri. Saya sokong usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan pihak kerajaan untuk berikan respon.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Y.B. Bukit Gasing, Y.B. Kuala Kubu Baru, Y.B. Seri Andalas dan juga Sekinchan yang telah membangkit banyak perkara tentang laporan persempadanan semula yang sedang dibahaskan di Dewan Rakyat pada petang ini. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya ada satu kes di mana Mahkamah Rayuan akan memutus cabaran Undang-Undang Perlembagaan yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap proses persempadanan semula yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Esok keputusannya sepatutnya akan dikeluarkan esok, sehari selepas Putrajaya membentangkan usul ini di Parlimen hari ini. Oleh sebab itu, kita bukan sahaja di Dewan Negeri Selangor tetapi banyak Ahli-Ahli Parlimen juga menyokong saranan Kerajaan Negeri untuk menanggung sehari, seminggu, sebulan, tidak kiralah tunggu keputusan Mahkamah Rayuan esok. Tetapi nampaknya Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak rasa sangat cemas. Mereka tak nak tunggu lagi. Mereka nak *crunch through* pada hari ini. Dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kes ini bukan difailkan minggu ini, bukan difailkan minggu lepas tetapi adalah satu kes yang telah dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak dua tahun yang lalu dan ini adalah kes yang berterusan yang belum dihabiskan. SPR

sebenarnya mempunyai masa yang cukup untuk membuat kajian persempadan semula yang sepatutnya akhir pada bulan September 2018 tetapi kita tau, saya tidak nak ulang lagi apa yang disebut oleh rakan-rakan kita daripada Bukit Gasing, Seri Andalas khasnya tetapi apa yang saya ingin sebut dalam Dewan Yang Mulia ini adalah kalau Pilihanraya Umum diadakan sebaik sahaja SPR diluluskan di Parlimen, maka saya boleh katakan Pilihanraya Umum Ke-14 ini adalah PRU yang paling kotor, yang paling kejam kepada pengundi-pengundi khasnya di Negeri Selangor . Jadi, walau bagaimanapun dengan izin Tuan Speaker, *we have to trust the wisdom of our voters*. Kita perlu percaya atas kebijaksanaan pengundi-pengundi di Negeri Selangor . Mereka telah lihat apa yang sedang berlaku di Parlimen hari ini dan juga fakta-fakta yang dikeluarkan oleh NGO-NGO, Ahli Dewan Negeri Selangor , Ahli-Ahli Parlimen dari Negeri Selangor dan mereka akan membuat keputusan yang terbaik untuk mereka dan untuk Negeri Selangor . Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor secara telus dan secara *accountable* telah membawa banyak perubahan ke Negeri Selangor dan juga program-program kebajikan. Jadi, saya rasa kebijaksanaan pengundi-pengundi Negeri Selangor yang akan menentukan masa depan Negeri Selangor dan juga Malaysia dan saya yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat....

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Mereka...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya nak *landing* lah. Ok boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hanya ingin mendapat penjelasan ataupun pandangan daripada Y.B. Exco. Sekiranya Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Kerajaan Negeri pada hari esok tetapi usul telah diluluskan oleh Parlimen pada hari ini, apa akan berlaku? Apakah kesan? Adakah ianya akan membatalkan apa yang diluluskan dalam Parlimen pada hari ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Pandamaran. Kalau perkara ini berlaku, maka dengan izin, *it will become a constitutional crisis* dan kalau itu dibenarkan berlaku pada hari ini di Parlimen, oleh Speaker di Parlimen, oleh

Perdana Menteri di Parlimen maka mereka adalah dengan izin, *contributor to this constitutional crisis in this country*.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Adakah Y.B. Exco bersetuju bahawa membuat keputusan pada hari ini di Parlimen akan memberi tekanan yang tidak adil ataupun tekanan yang besar pada mahkamah yang akan membuat keputusan kemungkinan esok? Ini akan jadi satu *sub judice* yang bukan biasa. *Sub judice* yang luar biasa kerana ianya menjadikan isu yang masih dipertikaikan dalam mahkamah menjadi akademik jadi kalau sebegitu rasanya ini merupakan satu campur tangan bukan saja campur tangan keadilan yang tengah dipertikaikan dalam mahkamah tetapi ini penghinaan mahkamah juga. Ataupun bolehkah ini dipandang sebagai satu penghinaan rakyat Negeri Selangor ?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ini boleh dilihat dari banyak segi. Campur tangan, tekanan dan sebagainya. Tetapi apa yang penting adalah Parlimen pada hari ini tidak sepatutnya bantangkan laporan persempadanan semula memandangkan kita ada banyak kes di mahkamah termasuk yang difailkan cabaran kita yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor . Maka, kalau sesiapa yang masuk untuk menambah lagi dengan izin, *constitutional crisis* ini maka mereka adalah pendapat saya penjenayah. *They are subject to this and they are part of this problem*. Oleh sebab itu, saya ingin habiskan jawapan Kerajaan Negeri kita akan teruskan dengan cabaran kita esok di Mahkamah Rayuan. Kita tidak akan putus asa. Kita pada masa yang sama perlu percaya kepada kebijaksanaan, kemahiran peguam-peguam kita dan kita juga harap Mahkamah Rayuan juga akan dengan izin, *side with the State Government*. Dengan itu, saya ingin ucapkan sekali lagi, perkara-perkara, isu-isu, masalah-masalah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang isu yang sangat penting ini dan kita akan terus lawan tetap lawan. Sekian terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Silakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Setelah mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya berdiri untuk merujuk kepada Peraturan Tetap 30, untuk memohon meminda Usul ini. Ingin saya merujuk kepada rangkai pertama dalam Usul ini, iaitu bahawa Dewan yang mulia ini kecewa dengan tindakan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) yang tidak bertindak adil dalam kajian persempadanan semula kawasan pilihanraya dan seterusnya. Setelah mendengar hujah-hujah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berasa bahawa perkataan kecewa dalam Usul ini adalah terlalu lemah dan lembut dan tidak

28 MAC 2018 (RABU)

mencerminkan tahap keseriusan isu ini dan juga tidak mencerminkan tahap kemarahan rakyat terhadap tindakan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Oleh itu, saya memohon untuk meminda Usul ini dengan menggantikan perkataan *kecewa dengan*, ya, dua perkataan ini digugurkan dan digantikan dengan perkataan *mengecam*. Itu permohonan saya, saya mohon penyokong. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jika ada penyokong, bagi Usul pindaan ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan menyokong, saya pulangkan kepada Yang Berhormat sekalian untuk saya mendengar suara tentang pindaan. Mana Yang Berhormat bersetuju dengan pindaan ini sila katakan ya, yang tidak katakan tidak. Dipersetujui. Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa masalah dihadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini mengecam tindakan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), yang tidak bertindak adil dalam kajian persempadanan semula kawasan pilihanraya dan Dewan yang mulia menggesa Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru yang adil. Yang mencadangkan kawasan pilihanraya yang seimbang dari segi bilangan pengundi selaras dengan prinsip satu orang satu undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya, sambungan Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Taman Templer, 5 minit.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Tuan Speaker, saya sambung jawapan yang telahpun dibangkitkan oleh Permatang. Saya kira isu lantikan Syarikat Tax Mahendra tidak perlu diisukan kerana pelantikan ini dilakukan secara tender terbuka daripada 19 penender yang telahpun mengambil boring hanya 10 penender yang masuk dan melalui Jawatankuasa Perolehan berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu maka telah dilantik Syarikat Tax Mahendra. Dalam masa yang sama juga, Syarikat Tax Mahendra ialah sebuah syarikat yang berpangkalan dan didaftarkan di Malaysia dengan nama Tax Mahendra ICT Services (M) Sdn. Bhd. dan mempunyai sokongan tempatan. Syarikat ini telah beroperasi di Malaysia lebih daripada 10 tahun dan dimiliki penuh oleh Tax Mahendra Ltd. India dan juga mendapat

sokongan daripada *partners* seperti Oracle, seperti syarikat komputer Dell dan juga Telekom Malaysia. Berkaitan dengan jaminan dan keselamatan data peribadi, proses perolehan ini merangkumi kontrak perjanjian di mana salah satu terma yang perlu dipatri oleh Tax Mahendra ICT Services (M) Sdn. Bhd. ialah syarikat tersebut perlu patuh kepada peruntukan undang-undang *PDPA (Personal Data Protection Act)*. Data berhubung pelanggan di dalam sistem *CRIS* adalah milik SYABAS anak syarikat AIR Selangor. Data pelanggan disimpan dalam pengkalan data, *Data Centre* yang dikendalikan bagi pihak SYABAS oleh Telekom Malaysia di Brickfield dan Pusat Pemulihan Bencana Data (*Disaster Recovery Data Centre*) yang terletak di Cyberjaya.

Saya ingin sentuh sedikit bila mana Sekinchan membangkitkan berkenaan dengan Skim Takaful yang saya juga yakini bahawa Sekinchan, mewakili pesawah-pesawah di sana mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang prihatin, telahpun memperuntukkan RM3.3 juta untuk melindungi maksimum 10,000 para pesawah dan pendaftaran para pesawah di Sabak Bernam, di Kuala Selangor telahpun berjalan sekian lama, telahpun didaftarkan dan tinggal lagi kita akan menunggu Dato' Menteri Besar untuk kita melancarkannya dalam tempoh yang terdekat. Dan sukacita juga saya ingin mengambil kesempatan di sini bilamana Sekinchan menyebut berkenaan dengan..ya silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya minta penjelasan sedikit Tuan Timbalan Speaker berkenaan dengan Takaful, perlindungan insurans. Saya ucapkan terima kasih kerana kerajaan negeri amat prihatin terhadap masalah dan bebanan yang dihadapi oleh para petani. Dalam konteks ini, saya nak tanya, sebab oleh kerana ada petani-petani yang menyewa lot-lot bendang-bendang ini, kita nak pastikan satu mekanisma dilakukan bahawa tuan, yang pengusaha itu boleh diberi perlindungan bukan tuan tanah sebab perkara ini ada sedikit *confuse* di peringkat bawah. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan. Hasil daripada pelaksanaan bantuan BLB tempohari, kita telah ada *data base* yang terkini untuk memastikan bahawa hanya pengusaha sawah sahaja yang akan diberikan perlindungan. Dan sekarang ini, *Alhamdulillah* dengan kerjasama semua pihak, yang diketuai oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor telahpun berjaya mendapatkan pendaftaran-pendaftaran daripada pengusaha-pengusaha sawah itu sendiri. Dan untuk pengetahuan Sekinchan secara khususnya yang menyentuh berkenaan dengan padi sebentar tadi bukan sahaja berkaitan dengan padi, perihal pertanian secara menyeluruhnya, *Alhamdulillah*, kita telahpun selesai mewujudkan satu Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor . Ini adalah merupakan satu pelan induk untuk meningkatkan lagi hasil pertanian Negeri Selangor bagi tempoh 10 tahun

sehingga 2017. Jadi, daripada dasarnya, Pelan Induk Pembangunan Pertanian di Selangor ini adalah untuk meningkatkan bekalan makanan, *food security* khususnya dalam Negeri Selangor. Kekangan utama pertanian Negeri Selangor adalah dari segi guna tanah memandangkan penggunaan tanah untuk pertanian semakin menguncup disebabkan oleh aspek pembangunan ekonomi yang lebih menjurus kepada sektor pembinaan, rumah kediaman dan industri. Jadi, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang, dalam Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor ini telahpun dengan usahasama tenaga-tenaga pakar, kita telahpun mencatatkan halatuju pertanian di Negeri Selangor ini untuk tempoh 10 tahun. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Taman Templer. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun Usul di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ke-6 Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, yang tidak katakan tidak. Dipersetujui. Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan kerajaan telah selesai saya menggunakan kuasa Speaker, di bawah Peraturan Tetap 78 supaya menangguhkan Peraturan Tetap 76 (5) bagi membolehkan Usul bagi menerima Penyata ini dibahaskan sekarang. Setiausaha Dewan, sila teruskan Aturan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No. 1 Tahun 2018, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya, menurut Peraturan Tetap 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam, *Public Account Committee* bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Laporan Ketua Audit Negara mengenai pengurusan aktiviti kewangan jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 Siri 1 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2018.

Tuan Timbalan Speaker, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Selangor, kita telah berjaya mengadakan beberapa mesyuarat dan membentangkan satu Penyata untuk sesi Dewan ini di mana Ahli Jawatankuasa nya yang terdiri daripada Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Batu Tiga, Yang Berhormat Balakong, Yang Berhormat Meru

dan juga Yang Berhormat Sg. Burong dan Jeram. Tempoh masa yang singkat beberapa mesyuarat kita adakan, beberapa isu yang ditegur oleh Ketua Audit Negara seperti isu yang berkaitan dengan Pusat Latihan Awam Selangor, kita telah teliti bersama Ketua Audit Negara dan juga Jabatan Audit Negeri Selangor, juga Kewangan Negeri Selangor dan juga pihak yang terlibat iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan tentang isu-isu yang berbangkit. Pada masa yang sama, isu yang seterusnya yang dikendalikan ya, teguran Ketua Audit Negara adalah Jabatan Perhutanan negeri berkaitan dengan pengurusan hutan lipur seperti yang terkandung dalam penemuan Penyata ini. Pada masa ini terdapat syorsyor daripada PAC tentang isu yang lebih kritikal iaitu berkenaan dengan PBT di mana Jawatankuasa PBT telah memberi ruang kepada PAC untuk mengambil alih isu ini, penelitian tentang isu ini iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya berkaitan dengan pengurusan perolehan di mana terdapat ada kelemahan-kelemahan yang berlaku, tentang perolehan, tentang bekalan dan sebagainya. Kita telah teliti satu persatu pemberian kontraknya dan sebagainya semua terkandung dalam Penyata ini, jadi saya nak mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli PAC, ahli-ahli Jawatankuasa PAC yang selama ini memberi komitmen, sumbangan kerjasama yang baik untuk menjayakan semua mesyuarat-mesyuarat PAC ini tujuannya tidak lain tidak bukan adalah untuk semak dan imbang. Memainkan peranan *check and balance*. Kita nak pastikan semua wang rakyat, wang yang diperuntukkan untuk rakyat ini, hasil kerajaan ini dapat dibelanjakan melalui berbagai saluran dengan cara yang berhemah dan *value for money*. Ini paling penting. Mungkin berlaku kelemahan, kekangan dan sebagainya tetapi cara bagaimana untuk mengatasi, menambah baik, ini harus kita cari dalam tugas yang dilakukan oleh PAC ini, semak dan imbang. Dalam konteks ini juga saya nak ucapkan kepada Jabatan Audit Negeri Selangor kerana banyak membantu, Jabatan Perbendaharaan Kewangan seringkali memberi bantuan yang baik untuk menjayakan semua mesyuarat termasuk jabatan-jabatan kerajaan yang kita panggil dan dalam satu perkara ingin saya nyatakan dalam Penyata ini di mana peranan daripada ahli pembangkang khususnya daripada Sg. Burong dan juga Jeram, kebelakangan sejak setahun dua ini amat lesu. Lesu dan lemah, mereka tidak bermaya dan tidak mahu berperanan hadir dalam mesyuarat ini dalam rekod Dewan yang mulia ini saya minta Meru, betul Meru ya, Meru selalu datang, Meru bersama saya, bersama Kajang, bersama Batu Tiga, Balakong, tetapi Jeram dengan Sg. Burong, mereka seolah-olah sudah tidak dapat dikesan dalam mesyuarat. Hilang daripada radar sebab tidak dapat dikesan. Kenapa berlaku sedemikian, saya tidak tahu. Sebagai Ahli Dewan yang diberi peranan oleh Dewan yang mulia ini, dilantik oleh Speaker untuk menganggotai Jawatankuasa PAC ini, ini sangat penting, ini tanggungjawab, ini amanah ya. Yang diberikan oleh Dewan, untuk kita berperanan sebagai Ahli Dewan tetapi gagal menghadiri mesyuarat ini sesuatu yang sangat mendukacitakan. Saya harap perkara sedemikian ini dapat diubah, ubah dan pada masa-masa akan datang kita dapat lebih

28 MAC 2018 (RABU)

proaktif dalam berperanan untuk buat *check and balance*. Saya rasa setakat ini sahaja untuk pembentangan penyata ini dan saya mohon untuk mencadangkan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada penyokong.

Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN : Meru menyokong insyaallah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Meru. Saya buka untuk perbahasan di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan Dewan Negeri Selangor . Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam PAC bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Laporan Ketua Audit Negara mengenai pengurusan aktiviti kewangan Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 siri 1 yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 3 tahun 2018. Yang Berhormat yang bersetuju berkata ya, yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul 2 tahun 2018 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tatap Negeri Selangor , Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pengurusan sumber air Selangor *Special Committee water resources management of the state of Selangor* (JPK-SAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung berkenaan bekalan air berkualiti dari *station* pam dan muka suak Semantan, Pahang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 tahun 2018. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, satu lawatan telah diadakan pada 23 Januari 2018 ke Sungai Semantan, Pahang iaitu *intake point* bagi Projek Langat 2. Tujuan untuk lawatan ini adalah untuk memastikan air mentah yang dibeli oleh Negeri Selangor dengan harga RM0.10 setiap cubimeter yang dibayar kepada Negeri Pahang adalah air mentah yang berkualiti dan selamat yang digunakan. Jawatankuasa berpendapat ada risiko pencemaran pada *intake point* Sungai Semantan, Pahang kerana sungai ini mengalir melalui Pekan Bentong dan Karak yang mempunyai industri, ladang durian dan ladang kelapa sawit. Sistem pemantauan pada *intec point* pada Sungai Semantan, Pahang kurang memuaskan kerana tidak dapat mengesan pencemaran apabila memasuki *intake point* dan juga tiada sebarang alat pengesan bau. Dengan ini Jawatankuasa ingin menyarankan agar mewujudkan sistem pemantauan yang cekap sekurang-kurangnya 5km *upstream* sebelum *intake point* di Sungai Semantan, Pahang supaya dapat mengesan

pencemaran sebelum air sungai memasuki *intake point*. Selain daripada menggunakan alat-alat mahal atau moden untuk memantau kualiti air Jawatankuasa ini juga mencadangkan kita boleh guna kaedah pemantauan air alternatif yang murah dan mudah iaitu kaedah sistem pemantauan aktiviti ikan. Air terawat di salur masuk ke satu *fish tank*. Sekiranya aktiviti ikan dikesan tidak normal atau mati ia bermakna air terawat ini berkemungkinan bermasalah. Kaedah ini telah berjaya digunakan di Singapura jadi dengan ini saya memohon mencadang. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada penyokong.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Tuan Speaker Ijok menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya buka untuk perbahasan. Tidak ada. Ahli Yang Berhormat sekalian ada permasalahan di hadapan Dewan in adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Badan-badan Tetap Dewan Negeri Selangor , Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas berkenaan pengurusan sumber air Negeri Selangor (JPKSAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung dengan air berkualiti dari *station-station* pam dan muka sauk Semantan, Pahang yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat di Dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2018. Yang Berhormat yang bersetuju berkata ya, yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 3 tahun 2018. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing tidak hadir, usul ditolak. Seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 4 tahun 2018. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahasanya menurut Peraturan 76 perenggan 5 Peraturan –peraturan Tetap Negeri Selangor , Dewan yang mulia ini Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung keretakan dan tanah mendap di kawasan kediaman kawasan Seksyen 23 Shah Alam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2018. Tuan Timbalan Speaker saya ingin mencadangkan agar penyata usul ini diterima memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang sangat penting dan konteks pentadbiran urus kelola yang telus daripada Kerajaan Negeri Selangor . Latar belakang kepada projek adalah Jawatankuasa bertindak yang mewakili penduduk di kawasan telah menghantar laporan pertama

kepada Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Batu 3, Batu 17, april 2017. Pada 25 May 2015 Y.B Rodziah ADUN Batu Tiga bersama Pegawai Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan juga wakil pembinaan Setia Abadi telah membuat lawatan berikut dan laporan telah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan. Aduan telah dikemukakan pada pihak Speaker dan Speaker telah minta JP membuat kajian dan Jawatankuasa telah mengadakan pendengaran tertutup dan wakil-wakil telah diadakan dan apabila kami jawatankuasa membuat keputusan melawat ke tempat tersebut kami agak terkejut kerana masih lagi tempat-tempat rumah-rumah didefinisikan sebagai bermasalah, bahaya, ada keretakan, ada yang dikatakan sebenarnya jari pun boleh tembus ke dinding-dinding yang telah retak. Dengan itu saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa JP ABAS membuat panggilan pada Tuan Speaker pada masa itu untuk meminta mencadangkan tindakan eksekutif daripada Kerajaan Negeri di bawah kuasa Dato Menteri Besar melakukan serta-merta, oleh itu telah dilakukan oleh pihak Pejabat Tuan Speaker. Walau bagaimanapun penelitian kami teruskan dan penemuan Jawatankuasa sehingga pada masa itu dan mungkin sehingga ke hari ini mungkin akan menyokong usul ini akan membahaskan menyatakan keadaan semasa. Pertama permohonan kami sehingga hari ini PKNS masih belum memindahkan penduduk walaupun rumah kediaman penduduk didapati tidak selamat diduduki. Ke ua Jawatankuasa mendapati memberi peluang melantik perunding berkecuali sendiri untuk membuat kajian terhadap kawasan mendapan di Seksyen 23. Ketiga Jawatankuasa mendapati keputusan PKNS untuk melantik semula pembinaan Setia Abadi Sdn. Bhd untuk kerja-kerja pembinaan pembaikan terhadap rumah di Seksyen 23 adalah tidak wajar, isu keretakan dan mendapan berpunca daripada kegagalan pembinaan Setia Abadi Sdn. Bhd itu sendiri. Keempat berdasarkan kronologi isu keretakan dan mendapan tanah Seksyen 23 Shah Alam, Jawatankuasa mendapati PKNS gagal menyelesaikan masalah keretakan dan mendapan tanah yang telah dibangkitkan sejak tahun 2010 lagi Jawatankuasa mendapati sekiranya PKNS bertindak segera bagi menyelesaikan masalah keretakan dan mendapan tanah di Seksyen 23 Shah Alam dalam tempoh liabiliti PKNS tidak mungkin tidak perlu menanggung kos pembaikan yang mencecah RM7.7 juta. Dengan itu Jawatankuasa ingin mencadangkan membuat saranan pertamanya adalah Kerajaan Negeri melaksanakan tindakan eksekutif memindahkan penduduk yang tinggal di rumah yang dikategorikan sebagai kritikal dengan segera supaya keselamatan dan nyawa mereka terjamin. Kedua Jawatankuasa memberi Kerajaan Negeri memberi peluang kepada penduduk untuk melantik juru perunding berkecuali dan bebas untuk membuat kajian terhadap kawasan mendapan isu keretakan di Seksyen 23 Shah Alam. Ketiga Kerajaan Negeri melantik kontraktor baru yang lain bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dapat mengelakkan kejadian sama selain memastikan pembinaan Setia Abadi tidak campur tangan dalam sebarang kerja-kerja pembaikan. Keempat Kerajaan Negeri melakukan

28 MAC 2018 (RABU)

pendengaran terbuka punca kegagalan PKNS tidak dapat menyelesaikan isu ini sejak 8 tahun terdahulu dan pada masa dan memelihara penduduk Seksyen 23 Shah Alam, PKNS perlu membentangkan punca sebab tindakan mereka yang gagal melaksanakan sejurus menerima aduan semasa dalam tempoh liabiliti. Saya ingin mengucapkan Ahli Jawatankuasa yang menjalankan tugas dan saya mohon mencadang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kampung Tunku menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya buka untuk dibahaskan. Ada? Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker saya ingin menambah sedikit perkara yang telah dibincangkan tetapi sebelum itu saya ingin rakamkan di dalam Dewan Negeri ini bahawa kebetulan program ataupun masalah yang berlaku ini berlaku di dalam kawasan saya di Seksyen 23 dan saya juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pilihan Anak Syarikat Kerajaan Negeri tetapi apa yang ingin dibentangkan ataupun apa yang saya ingin bahaskan di sini adalah satu perkara yang ingin saya mohon supaya Dewan Negeri mengambil pengetahuan bahawa isu ataupun masalah kita ataupun Kerajaan memastikan masalah nyawa seseorang itu tidak boleh kita abaikan. Kita lihat apa yang berlaku di kawasan sini adalah amat membimbangkan. Jawatankuasa telah turun padang dan telah pun melihat sendiri dan ia sepatutnya diambil tindakan yang segera tetapi malangnya kita lihat kemungkinan besar kita tidak tahu apa masalah besar di dalam PKNS dalam menguruskan perkara ini tetapi takbir urus yang cekap perlu di tingkatkan. Ada dua persoalan besar di sini satu bagaimana kita ingin menyelamatkan 24 rumah yang begitu serius ini menyelamatkan penduduknya untuk dipindahkan dengan kadar segera yang telah dinyatakan. Yang keduanya adalah menyelesaikan masalah-masalah struktur dan apa juga yang berkaitan dengan kegagalan sehingga berlakunya mendapan di kawasan tersebut. Jadi saya mengharapkan supaya penyata ini diambil serius dan bukan sahaja pihak PKNS tetapi mana-mana agensi kerajaan dan juga malah mana-mana *developer* ataupun pemaju yang gagal melaksanakan pembinaan yang baik dan akhirnya mengakibatkan penduduk setempat *suffer* ataupun tidak dapat hidup dengan tenang malah menggugat nyawa mereka perlu lah mengambil perhatian yang serius yang saya harap dan saya dapat tahu semalam keputusannya masih lagi tidak ada tindakan yang sewajarnya dilakukan. Saya mohon pihak yang berwajib buat tindakan segera dan ia dikotakan bukan dengan kata-kata tetapi dengan perbuatan. Dengan ini saya menyokong usul yang dinyatakan.

TUAN SPEAKER : baiklah saya jemput pihak Kerajaan jika ingin membalas apa-apa sahaja. Silakan Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang dan Batu Tiga. Inshaallah perkara ini akan saya ajukan kepada EXCO dan terus kepada PKNS untuk tindakan yang segera. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli yang Berhormat sekalian adapun permasalahan di hadapan Dewan in adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung keretakan tanah mendap di kawasan Seksyen 23 Shah Alam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 6 tahun 2018. Ahli-ahli y yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No. 5 Tahun 2018, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor , Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan Negeri Selangor JP-Abas bagi Dewan Negeri Selangor berhubung status kewangan dan operasi Universiti Selangor (UNISEL) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2018.

Tuan Speaker, di sini adalah satu kes yang kita anggap sebagai *success story*. Satu kejayaan yang telah dibangunkan, yang telah dicapai oleh sekumpulan anggota-anggota akademik dan golongan professional yang telah membuktikan sekiranya ada keazaman, ada keikhlasan dan juga kesungguhan, ada komitmen, segala-galanya dapat dilaksanakan dengan baik. Keadaannya adalah, kami mendapat laporan bahawa ada masalah sebelum ini di UNISEL, universiti yang ditadbirkan sendiri oleh kerajaan Negeri Selangor , yang pada masa sebelumnya itu, terabai dan terbiar dengan polisi-polisi dan amalan-amalan lama yang telah diwarisi dan diteruskan daripada kerajaan Barisan Nasional sebelumnya itu. Dan memandangkan selepas pelantikan Dato' Menteri Besar yang baru, tindakan eksekutif telah dilakukan dengan suntikan sokongan untuk membolehkan perjalanan UNISEL ke arah yang lebih baik dengan bantuan sebanyak RM20 juta oleh Dato' Menteri Besar. Dan pelantikan seorang tokoh akademik, seorang profesional yang sangat mampu dan berkeupayaan iaitu Dr. Redzuan, Profesor Redzuan Othman, Naib Canselor dan sebagai CEO kepada UNISEL pada masa itu. Apabila kami membuat temujanji untuk melawat mereka, JP-Abas

dengan pasukan Jawatankuasanya terkejut kerana kami disambut bukan hanya beberapa orang Jawatankuasa tetapi oleh seluruh tenaga akademik, Ketua-Ketua Jabatan, golongan profesional, jurutera dan mereka yang terlibat selama ini dalam memperbaiki, memulihkan imej dan gambaran yang sebenarnya tentang UNISEL. UNISEL sebelum ini merupakan satu universiti yang berpenyakit dan sakit. Kita menganggap ini adalah satu perkara yang tidak patutnya wujud kerana keluasan UNISEL itu di Bestari Jaya, adalah seluas 1000 ekar dan kawasan ini merupakan bekas tanah lombong, terbiar, banyak perkara, budaya-budaya lama dibiarkan, tidak ada motivasi di kalangan tenaga pensyarah dan sebagainya, tidak ada kenaikan gaji, tidak ada kenaikan gred, tidak ada kenaikan pangkat. Tetapi apabila diuruskan dengan baik oleh Profesor Dato' Mohammad Redzuan Othman, segala-galanya berubah. Bermula dengan UNISEL mempunyai hutang terkumpul sebanyak RM205 juta seawal tahun 2006, sebelum kedatangan Kerajaan Pakatan Rakyat, dia makin menyusut kerugiannya hinggalah, hingga pada penghujung tahun 2017, segalanya mencecah hanya RM21 juta dan perubahan-perubahan yang telah dibawa itu, dengan pakej-pakej baru, promosi baru, mengadakan perpindahan perubahan yang berkaitan dengan infrastruktur kemudahan bangunan dan sebagainya. Dengan tender terbuka, sebutharga yang terkawal dan penjimatan yang baik, menaikkan gred kakitangan dan memberikan motivasi yang sangat tinggi dalam menjadikan satu perubahan yang sangat besar. Yang paling kita kecewa pada masa itu, semasa perubahan-perubahan itu, difitnahnya oleh sekumpulan ahli politik tempatan yang rasa cemburu tentang kejayaan Pakatan Rakyat, membolehkan keadaan ini berlaku di UNISEL sekali dengan pencapaian CEO nya, Profesornya dan juga dengan pencapaian yang dilakukan oleh Dato' Menteri Besar maka terbawalah SPRM (MACC) untuk menyiasat, katanya ada masalah yang dikaitkan dengan rasuah. Tapi itu semuanya adalah untuk media *coverage*, yang sebenarnya telah dijelaskan pada hari ini.

Dari segi penemuan, Tuan Speaker, kami menemui ada beberapa perkara yang menarik yang asasnya adalah pengurusan baru UNISEL telah berjaya mengubah budaya pengurusan kurang memberangsangkan kepada pengurusan yang dikagumi dan patut dicontohi. Kedua, keputusan UNISEL untuk melabur dan meningkatkan mutu penawaran pendidikan merupakan keputusan yang bijak kerana pendidikan ialah aset berharga yang dapat menentukan kecemerlangan masa hadapan. Saranan Jawatankuasa, pertama, kerajaan negeri disarankan agar sentiasa memantau dan memastikan pengurusan baru UNISEL mengekalkan prestasi dan kecemerlangannya dan kedua, kerajaan negeri disaran agar memartabatkan pada mesyuarat yang telah berjaya meningkatkan kredibiliti UNISEL oleh sebuah universiti yang berprestij dan dikagumi. Penutup, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih pada Naib Canselor UNISEL, Profesor Dato' Mohammad Redzuan Othman yang sudi hadir memberi taklimat dan telah memberikan yang terbaik bagi meningkatkan prestasi dan ini

28 MAC 2018 (RABU)

merupakan satu *success story*, cerita kejayaan yang patut dicontohi oleh mana-mana agensi dan badan berkanun dan anak syarikat Negeri Selangor . Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya buka untuk dibahaskan. Pihak kerajaan ingin membalas? Ya, Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang di atas Penyata tersebut dan saya akan sampaikan maklumbalas itu kepada..dan syor-syor yang ada dalam Penyata itu kepada pihak pengurusan UNISEL dan sememangnya kita telah lihat perubahan yang sangat nyata dan jelas dan *InshaAllah*, dalam masa terdekat ini, kita akan dapat lihat prestasi yang lebih baik dari segi kewangan dan kita pun sudah melihat prestasi yang positif dari segi peningkatan kemasukan pelajar dan kita yakin ya, walaupun pelbagai kekangan dari sudut media dan sebagainya, serangan yang diberikan *InshaAllah*, saya yakin UNISEL akan dapat menjadi antara universiti negeri yang terulung di Malaysia. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor , Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP-Abas bagi Dewan Negeri Selangor berhubung status kewangan dan operasi Universiti Selangor (UNISEL) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2018. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2018.

TUAN SPEAKER : Setiausaha Dewan, Ashraff. Yang itu tak perlu. Usul menangguhkan Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul menangguhkan Dewan.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telahpun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Tuan Speaker, persidangan kali ini merupakan persidangan Penggal Ke-6 iaitu penggal yang terakhir bagi Dewan Negeri Selangor yang Ke-13. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Speaker dan Tuan Timbalan Speaker yang telahpun berkhidmat dengan cemerlang dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Kepada rakan saya dalam barisan EXCO dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ucapkan tahniah dan terima kasih kerana telahpun menjalankan tugas dengan tekun dan serius walaupun pendapat kita kadang-kadang berlainan. Dan pada Pegawai Kerajaan, Ketua-Ketua Jabatan, dan juga Agensi Kerajaan saya juga ucapkan terima kasih kerana mereka telahpun membantu kerajaan dalam memastikan tugas pihak kerajaan dalam Dewan ini dijalankan dengan lancar. Terima kasih juga kepada pegawai dan kakitangan Dewan yang sentiasa berusaha untuk memberi khidmat yang terbaik kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Kami di barisan EXCO menghulur jari sepuluh memohon maaf sekiranya dalam menjalankan tugas di Dewan ini, persembahan kita tidak dapat memenuhi semua permintaan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dan kepada yang akan berundur daripada Dewan ini, saya ucapkan selamat bersara atau selamat maju jaya dalam gelanggang yang baru. Dan kepada yang mungkin akan berjumpa lagi di Dewan ini, selamat berkempen dalam pilihanraya. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tuan Speaker, saya menyokong sehingga berjumpa lagi.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar dalam tempoh 5 tahun ini. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf Penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat pembetulan.

Saya turut mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri atas kerjasama yang telah diberikan kepada saya dan Timbalan Speaker selama 5 tahun ini bagi menjayakan setiap persidangan dengan lancarnya. Sebarang kesilapan, kelemahan, kekurangan ataupun salah kata, saya memohon maaf dan saya

28 MAC 2018 (RABU)

berharap *preciding-preciding* yang telah dicipta di sini akan terus membawa Dewan Negeri Selangor ke hadapan. Dengan ini, saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)